

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

**Shah Alam, Isnin 12 Julai 2010**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)  
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)  
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)  
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
YB Tuan Edward Lee Poh Lin  
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)  
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)  
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR**

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

**TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**( Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kedua Belas pada 12 Julai 2010 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PROKLAMASI**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Proklamasi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Darjah Kerabat (Selangor), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.), Darjah Kerabat (Terengganu), Darjah Kerabat (Kelantan), Darjah Kerabat (Perak), Darjah Kerabat (Perlis), Darjah Kerabat (Negeri Sembilan), Darjah Kerabat (Kedah), Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.), Dato' Setia Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.), Seri Paduka Mahkota Johor (S.P.M.J.), Dengan Kurnia Allah, Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Selangor Darul Ehsan Serta Segala Daerah Takluknya.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 12 Julai 2010 hingga 16 Julai 2010 atau sehingga selesainya semua urusan mesyuarat, dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 06 hari bulan Jun 2010.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**TUAN SPEAKER** : Salam sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri,

Pegawai Kerajaan dan para Pemerhati sekalian. Bertemu kembali dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini bagi Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang Kedua Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya meneruskan mesyuarat pada hari ini, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Tuan Dr. Cheah Wing Yin Ahli Dewan Negeri Kawasan Damansara Utama tidak dapat menghadirkan diri pada mesyuarat kali ini kerana masih menerima rawatan berikutan daripada kemalangan yang dialami oleh beliau, dengan ini saya meluluskan permohonan cuti yang dikemukakan oleh beliau. Tanpa melengahkan masa saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan urusan mesyuarat pada pagi ini.

### **III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2010
  - Rang Undang-undang Enakmen Pengawalan Penternakan Babi (pindaan) 2010
  
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 9 Tahun 2010
  - Laporan Tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 2008
  
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 10 Tahun 2010
  - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009
  
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2010
  - Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2009
  
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 12 Tahun 2010
  - Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2010
  - Rang Undang-undang Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor 2010
  
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2010
  - Memorandum Perbendaharaan Negeri Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Kedua, 2010 Bagi Kerajaan Negeri Selangor
  
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2010
  - Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan
  
- viii) Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2010
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri

- ix) Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2010  
- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Bagi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009

#### **IV. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 1.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA (TAMAN MEDAN)**

**TAJUK** : **PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)**

1. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:
  - a) Berapakah peruntukan yang diberikan kepada seluruh PDK di Selangor? Perincian bagi setiap PDK dan kegunaan peruntukan yang diberi?
  - b) Apakah keberkesanan PDK kepada masyarakat di Selangor dalam memulihkan anak-anak OKU, apakah KPI yang digunakan?

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL** : *Bismillahi rahmani rahim*. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, menjawab soalan dari Taman Medan ingin saya nyatakan di sini bahawa Program Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PDK adalah merupakan salah satu dari program Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang luruh kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti di bawah jabatan. Program PDK ini diperkenalkan sebagai satu alternatif bagi orang kurang upaya yang tidak berpeluang untuk menjalani pemulihan di institusi pemulihan orang kurang upaya disebabkan ketidakmampuan institusi pemulihan untuk menerima ke semua orang kurang upaya yang berdaftar dengan jabatan ataupun disebabkan OKU itu sendiri tidak sesuai untuk menjalani pemulihan di institusi tersebut. Oleh itu PDK atau Pemulihan Dalam Komuniti ini diwujudkan di dalam komuniti-komuniti yang sedia ada yang telah dikenal pasti dan di Selangor menunjukkan bahawa sebanyak 37 buah PDK telah diwujudkan di Negeri Selangor ini bagi tahun 2010 yang mana peruntukan yang disediakan adalah sebanyak 5,614,640.00 ringgit yang mana peruntukan ini diberikan mengikut pecahan-pecahan yang akan saya bacakan.

- 1) Elaun bertugas PDK dan caruman KWSP yang mana ianya memberikan setiap daripada petugas PDK sebanyak 800.00 ringgit sebulan dan jumlah keseluruhannya adalah 1,695,232.00.

- 2) Elaun Penyelia PDK dan caruman KWSP oleh majikan adalah sebanyak 1,200.00 setiap seorang, jumlah keseluruhannya adalah 547,008.00 ringgit, insya-Allah.
- 3) Elaun Khas OKU dan Pelatih di PDK dan di rumah setiap orang kurang upaya mendaftar diri di bawah PDK ini akan diberi elaun tambahan iaitu 150.00 ringgit seorang dan jumlah mereka keseluruhannya adalah yang diperuntukkan adalah sebanyak 2,989,800.00 ringgit.
- 4) Sewa premis disediakan ataupun diperuntukkan setiap PDK boleh memohon sewa premis sehingga 300.00 ringgit sebulan dan yang;
- 5) Adalah peruntukkan utiliti setiap PDK di mana JKM memberikan 2,400 setahun.

Jadi ini semua merupakan peruntukkan yang diagihkan kepada 37 buah PDK yang ada di Selangor ini. Yang keduanya, apakah keberkesanan PDK kepada masyarakat di Selangor. Di Selangor kali ini kita telah, tahun lepas membuat satu *re-branding* ataupun mengenal pasti permasalahan di PDK dan keberkesanan yang kita lihat, pertama peningkatan keyakinan masyarakat terhadap orang-orang kurang upaya ini yang mana khususnya kepada anak-anak yang mana kita mendorong masyarakat menjadi lebih matang dan penyayang kepada mereka sebagaimana mereka terlibat secara langsung memastikan orang kurang upaya ini adalah sebahagian dari ahli masyarakat mereka. Yang keduanya, insiden kecacatan dapat kita kurangkan atau kecacatan lebih teruk dapat kita dicegah bila mana program-program intervensi ataupun *early intervention* dengan izin dan sokongan keluarga yang dilatih supaya anak-anak yang ataupun dalam keluarga itu mana-mana anak yang ada OKU ini dilatih bagaimana untuk menguruskan mereka. Yang ketiganya program latihan dan pemulihan bersesuaian mengikut keperluan dan jenis kecacatan dapat dikurangkan kadar kemasukan supaya ianya OKU-OKU yang ada ini tidaklah semuanya kita daftarkan dan dimasukkan ke institusi JKM tetapi di PDK yang sebanyak 70 buah ini kita dapat mengurangkan bebanan untuk mereka *que* ataupun menunggu terlalu lama masuk ke dalam institusi yang telah pun sedia ada. Oleh itu keberkesanan PDK pada OKU pula ialah hubungan dan sokongan antara OKU dan keluarga serta masyarakat setempat dapat dipupuk dan diperkukuhkan yang mana KPI yang digunakan bagi PDK adalah supaya kebolehan OKU mengurus selepas setahun maknanya dia masuk pemulihan dalam komuniti ini selepas setahun kita akan ukur kemampuan beliau paling kurang 50% daripada pelatih-pelatih ini dapat berdikari dan menguruskan diri mereka sendiri. Sekian Tuan Speaker, terima kasih.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**YB PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Dalam soalan yang saya kemukakan saya mohon perincian bagi setiap PDK. Ini adalah kerana kebetulan saya juga Pengerusi PDK di Petaling, daerah Petaling. Kami telah membuat permohonan untuk sewa tambahan dan kami dapati PDK menerima peruntukan sewa yang berlainan setiap PDK dan permohonan daripada PDK Daerah Petaling telah ditolak jadi soalnya, mengapa ini berlaku, adakah peruntukan itu berbeza bagi setiap PDK bagi setiap perkara yang dinyatakan tadi, kemudian keduanya baru-baru ini PDK diminta menyiapkan laporan untuk dibentangkan kepada BAKTI iaitu Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri yang dipengerusikan oleh Isteri Perdana Menteri. Saya ingin tahu apa kena mengena PDK dengan BAKTI yang meminta kami mengemukakan laporan

kepada BAKTI. Adakah ini satu petanda bahawa PDK akan diambil alih oleh BAKTI selepas ini? Sekian.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL :** Terima kasih. Untuk makluman Taman Medan perincian terhadap peruntukan setiap PDK itu sedang diuruskan oleh JKM hasil daripada soalan pada saya baru-baru ini tapi ingin saya nyatakan bahawa sewa setiap premis itu sebenarnya diberikan maksimum 3,000.00 ringgit jadi ianya subjektif menurut setiap PDK yang ada. Ada 37 PDK itu ada juga yang sebenarnya tak payah disewa ianya dibuat dengan menggunakan premis Pejabat Daerah ataupun premis-premis PBT yang sedia ada. Jadi, untuk Taman Medan, sebenarnya ingin saya nyatakan bahawa di sini kenapa ianya ditolak. Jadi itu juga satu laporan lengkap saya telah minta Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat Negeri Selangor menyediakan laporan tersebut untuk pihak Taman Medan mengetahui apakah sebab-sebabnya dan saya ingin nyatakan di sini bahawa bagi JKM Negeri Selangor, kita tidaklah nak mengatakan bahawa kita menolak sewenang-wenangnya tetapi kita harap supaya ianya, kalau ianya tidak mengikut kriteria dan sebagainya, ianya diberikan satu saranan supaya mengikuti peraturan-peraturan yang sedia ada. Yang saya katakan 37 PDK ini adalah PDK yang telah didaftarkan mengikut syarat-syarat di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Yang mana yang tidak mengikut syarat-syarat Jabatan Kebajikan Masyarakat, ianya masih dalam bentuk *pending* ataupun permohonan susulan perlu dibuat. Tentang isu PDK ini sebenarnya, pada mula Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih, saya mempengerusikan Mesyuarat PDK ini, satu perkara yang *re-branding* yang saya katakan di sini bahawa untuk Negeri Selangor, kita tidak lagi mensyaratkan ataupun tidak lagi menyatakan bahawa PDK itu mesti dipengerusikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri. Kita membuat satu olahan baru bahawa PDK ini mestilah dipilih di kalangan ibu bapa ataupun mereka yang betul-betul prihatin tentang Orang Kurang Upaya ini sendiri. Jadi status automatik Ahli Dewan Undangan Negeri itu menjadi Pengerusi adalah tidak lagi dan kalau ditanya tentang apa relevannya BAKTI dengan PDK ini, saya rasa ini soalan yang perlu dijawab oleh BAKTI sendiri. Bagi saya tidak relevan. Kalau Ahli Dewan Undangan Negeri sendiri, kita katakan tidak menjadi Pengerusi, apa pula kaitannya dengan BAKTI yang saya rasa BAKTI ini ditubuhkan di peringkat kebangsaan yang sebenarnya tidak ada kena-mengena dan saya mencadangkan supaya isu ini jangan dipolitikkan supaya ianya tidak berlaku sebagaimana isu BALKIS yang kita tengok sekarang ini terumbang-ambing dan ianya saya dengar, saya dapati bahawa sekarang ini tidak diuruskan dengan baik kerana BALKIS ini kononnya diambil alih oleh BAKTI tetapi akhirnya objektif dan keberkesanan PDK yang kita harapkan tidak dapat dibuat. Jadi untuk itu, saya tidak ada jawapan sebenarnya Taman Medan tetapi kalau arahan itu, sebab ia masih dalam bentuk kajian tetapi kalau saya ingin nyatakan di sini bahawa saya menolak, ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor menolak supaya ianya diletakkan di bawah BAKTI kerana ianya bukan satu Jabatan yang diiktiraf dalam Kerajaan. Ia hanya adalah, BAKTI adalah satu Persatuan Isteri-isteri Ahli Parlimen yang saya rasakan tidak ada relevan diletakkan di bawahnya dan saya menegaskan di sini, saya harap PDK diuruskan oleh komuniti sendiri supaya komuniti dapat terlibat secara langsung dan bukan oleh orang-orang Politik. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Y.B. Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER :** Ya, Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Soalan susulan, saya nak bertanya, sedangkan BALKIS ada mengeluarkan satu dana yang besar waktu Kerajaan Pakatan Rakyat ambil alih, boleh tak kita minta BALKIS dan BAKTI, kerana saya difahamkan duit tersebut disalurkan kepada BAKTI supaya membiayai sepenuhnya program ini sekiranya mereka berminat sangat.

Buat apa Kerajaan Negeri Selangor nak salurkan duit kepada program ini sekiranya kita tidak diberi ruang dalam program PDK.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya setuju dengan Seri Setia kerana..... yang saya setuju adalah peruntukan itu, ya peruntukan itu yang kita tahu di dalam BALKIS semasa kita ambil alih dah hampir RM9 juta yang dibekukan untuk kegunaan program kebajikan kepada anak-anak yang kurang bernasib baik di Kompleks BALKIS itu. Tetapi apa yang penting di sini, kita harapkan *transaction* kewangan tersebut memang sepatutnya diberikan kepada isu-isu kebajikan. Tetapi yang malangnya sekali saya tegaskan tadi sekali lagi bahawa dengan adanya campur tangan yang tidak menghasilkan ataupun tidak memanfaatkan kepada sesiapa ini menyebabkan proses kebajikan ataupun bagaimana kita nak memastikan masyarakat kita ini, khususnya Orang Kurang Upaya ini dibela tidak dapat tercapai. Jadi sama ada, saya sebenarnya.....kita buka peluang kepada semua pihak yang NGO ataupun agensi Kerajaan yang ingin memberikan CSR mereka tetapi dalam kadar yang dalam konteks, objektifnya tepat dan ianya tidak memilih siapakah latar belakang individu yang sepatutnya menerima isu-isu kebajikan ataupun program-program kebajikan ini. Jadi, itu jawapan daripada saya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya ke-2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK** : **CUKAI PINTU**

2. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah kerajaan negeri akan bercadang untuk menurunkan cukai pintu walau seberapa rendah kadar penurunannya memandangkan prestasi kewangan setiap PBT semakin bertambah baik?

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih, Kampung Tunku. Soalan ini mengenai cukai pintu. Cukai pintu merupakan pendapatan yang utama bagi semua PBT. Kerajaan Tempatan memerlukan pendapatan yang mencukupi supaya PBT masing-masing dapat memberi perkhidmatan yang baik. Sememangnya prestasi kedudukan kewangan setiap PBT semakin bertambah baik tetapi Kerajaan Negeri masih dalam kajian sama ada untuk menurunkan cukai pintu. Ini adalah kerana kedudukan kewangan di PBT tidak boleh dikatakan semua yang kukuh, semua yang benar-benar kukuh. Berdasarkan penyata kewangan PBT sehingga 31 Disember 2009, analisis terhadap baki tunai berbanding purata perbelanjaan bulanan PBT Selangor, mendapati terdapat hanya lima (5) PBT yang mampu beroperasi sekiranya tiada langsung hasil dapat dikutip iaitu :-

- a) MBPJ - 5.94 bulan
- b) MPAJ - 3.21 bulan
- c) MPKj - 4.6 bulan
- d) MPSP - 5.45 bulan
- e) MDSB - 4.37 bulan

Manakala tujuh (7) PBT lain tidak dapat menampung operasi sekiranya tiada kutipan dikutip dalam tempoh setahun, malah terdapat PBT yang berada dalam kedudukan kewangan yang tidak baik. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri buat masa ini adalah untuk memastikan kutipan cukai semasa mencapai sasaran 90% dan tunggakan cukai dapat dikutip sehingga 70%. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan kutipan tunggakan cukai taksiran, Kerajaan Negeri telah memberikan diskaun terhadap denda lewat cukai taksiran sehingga 90% kepada para penghutang cukai taksiran pada tahun 2009. Pada tahun ini pula, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar pengecualian cukai taksiran diberikan kepada mana-mana premis komersial yang tidak dapat diduduki atau disewakan. Kaedah bagi pelaksanaan arahan ini sedang dalam perbincangan antara Kerajaan Negeri dan PBT. Langkah-langkah lain bagi memantapkan pengurusan kewangan PBT seperti cadangan penyeragaman sistem perakaunan di PBT, penyeragaman penyata kewangan dan sebagainya sedang diusahakan oleh Kerajaan Negeri agar PBT di Negeri Selangor dapat beroperasi dengan baik dan boleh berdikari tanpa bantuan Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker, soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Kampung Tunku ingin bertanya. Tadi Y.B. EXCO telah menyatakan bahawa terdapat lima (5) buah PBT yang mampu beroperasi jika tidak ada kutipan cukai dalam masa setahun. Cadangan saya, adakah Kerajaan Negeri boleh menerima, boleh mempertimbangkan supaya penurunan cukai pintu dilaksanakan dari peringkat ke peringkat, dari PBT yang lebih kaya kepada PBT yang kurang berupaya sehingga PBT yang kurang berupaya ini dapat memperbaiki prestasi kewangannya iaitu penurunan kadar cukai pintu secara beransur-ansur. Contohnya ialah di Petaling Jaya terdapat permintaan daripada penduduk, Persatuan Penduduk APEX yang meminta supaya kadar cukai dikurangkan daripada kadar 8.8% pada masa sekarang kepada kadar 8% sahaja pada tahun 2006 memandangkan *cashflow*, dengan izin MBPJ telah bertambah daripada RM80 juta pada tahun 2008 ke RM190 juta pada tahun 2009. Jadi mungkinkah ataupun bolehkah Kerajaan memberi pertimbangan terhadap permintaan ini? Terima kasih.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin dan memang Kerajaan Negeri boleh menurunkan cukai pintu kalau kedudukan kewangan semua PBT bertambah baik ataupun menjadi benar-benar kukuh. Misalnya di MBPJ, kita telah menurunkan kaedah cukai pintu di MBPJ khas untuk bangunan apartmen dan juga kondominium kerana kita mendapati kadar cukai pintu untuk apartmen dan kondominium lebih tinggi daripada..... dengan izin, *landed property* seperti banglo. Dengan langkah itu, MBPJ telah mengutip kurang sebanyak RM8 juta setahun kerana kita menurunkan kadar cukai pintu di MBPJ. Walau bagaimanapun, memang benar MBPJ selepas dua (2) tahun ini, kedudukan menjadi lebih kukuh. Misalnya apabila kita mengambil alih dua (2) tahun yang lepas, simpanan *cash* untuk MBPJ hanya lebih kurang RM80 juta tetapi sekarang mengikut sehingga 31 Disember 2009 yang belum diaudit, simpanannya telah menjadi RM129 juta daripada RM80 juta, sudah jadi RM129 juta. Ini adalah kerana kita dapat mengurangkan pembaziran, rasuah dan sebagainya. Tetapi memang ada cadangan katakan MBPJ seharusnya menurunkan kadar cukai pintu tetapi setakat ini Kerajaan rasa kita boleh gunakan simpanan itu, kita boleh keluarkan simpanan itu untuk memberi bantuan kepada pangsapuri-pangsapuri di mana penduduk tidak dapat membuat cat yang baru ataupun lif yang rosak dan sebagainya. Kita akan gunakan wang itu dan setakat ini kita tidak bercadanglah mengurangkan kadar cukai pintu lagi sebab kebanyakan PBT telah tidak menambahkan kadar cukai pintu. Ada

yang selama 15 tahun, sampai lebih daripada 10 tahun pun belum lagi menaikkan kadar cukai pintu. Itu keadaannya, terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih, Tuan Speaker. Dari segi realitinya yang dikatakan kita bercadang untuk menurunkan cukai tetapi sebaliknya kalau kita baca dalam *paper* pagi ni mengatakan PBT akan menaikkan cukai sampai 30% sedangkan janji kita nak menurunkan 20%. Sebagai bukti MPKj yang dianggap salah satu daripada PBT yang mampu berdikari sebenarnya sudah menaikkan cukai. Ahli MPKj sendiri telah bermesyuarat untuk membantah kenaikan ini dan sebenarnya kalau dinaikkan, ini adalah sebagai satu sabotaj terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat kita yang akan menghadapi Pilihan raya akan datang. Terima kasih.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih, Bangi. Sebenarnya tidak ada sebuah, mana-mana PBT menaikkan kadar cukai pintu termasuk MPKj. Ini adalah satu kesalah fahaman kerana ada rumah, misalnya dulunya satu (1) tingkat, akhirnya jadi dua (2) tingkat. Ada juga yang kecil tetapi sudah buat....dengan izin..... ubahsuai dan sebagainya, jadi sudah naik kadarnya. Ini bukan semata-mata untuk menaikkan kadar cukai pintu, ini satu salah fahamlah. Sebenarnya Kerajaan Pakatan Rakyat telah membuat dasar pada tahun yang pertama dan juga kedua dan juga masuk tahun ketiga memandangkan ekonomi Negara termasuk Negeri belum bertambah baik. Jadi kita telah mengambil keputusan, kita tidak menaikkan kadar cukai pintu. Terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker? Tambahan, Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Kalau boleh maklumat ini diberitahu kepada rakyat kerana kemungkinan naik beberapa kategori. Ini dipermainkan oleh pihak tertentu yang kita naikkan cukai keseluruhan. Jadi, ini merugikan kita. Kalau boleh PBT itu mengeluarkan maklumat, jelas, supaya orang ramai tidak keliru. Saya harap kalau boleh diberi arahan sedemikian.

**TUAN SPEAKER** : Itu bukan soalan ya. Itu cuma pandangan. Baik, Batang Kali.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Pengerusi, saya nak minta penjelasan dengan EXCO bagaimana dia kata cukai itu jadi berbeza. Contohnya rumah saya tetap sama saiz, tahun sudah saya kena 70 ringgit tapi tahun ini kenaikannya sampai 38 persen. Apakah dasarnya, apakah ini bukan satu kenaikan cukai dan keseluruhan. Kalo tuan-tuan baca surat khabar hari ini di Hulu Yam Baru kenaikan premis kediaman 38 peratus dan cukai premis perniagaan 10.38 persen. Apakah dasar yang digunakan tiba-tiba yang dijanjikan tak ada, tetapi tiba-tiba dinaikkan cukai tambahan lagi teruk dalam program merakyatkan ekonomi kononnya, Kampung Tradisi yang sekian lama tidak pernah kena cukai. Di Kampung Sungai Kamil, hari ini semua penduduk telah bising hampir 200 penduduk telah terpaksa membayar cukai. Jadi saya ingin dasar apa yang digunakan oleh Kerajaan Negeri terhadap kawasan-kawasan saya ataupun kerana kawasan saya kot. Parti Pembangkang kot, maka dikenakan cukai.

**YB TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih. Sebenarnya, memang dasar Kerajaan tidak menaikkan kadar. Kalau ada kes-kes yang tertentu mungkin ada kesilapan ataupun *exercise* dengan izin *re-evaluation* memang satu *process on the way* yang berterusan, jadi kalau ada kes-kes yang tertentu macam ini pemilik-pemilik hartanah itu boleh buat rayuan kepada PBT yang berkenaan supaya satu keputusan boleh dibuat. Terima kasih.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Terima kasih, Yang Berhormat Speaker. Persoalan saya dalam manifesto janji Pakatan Rakyat sekiranya memerintah, menurunkan 20 peratus cukai pintunya. Apakah ini boleh saya beritahu kepada rakyat bahawa perkara ini tidak akan jadi kenyataan dan perkara ini akan menjadi angan-angan kepada rakyat. Soalan saya.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tuan Speaker, sebenarnya memang benarlah ada janji-janji sedemikian tetapi dalam janji-janji dalam manifesto itu dia tidak menetapkan bila dia kan buat dan sebagai satu sebuah Kerajaan, Kerajaan akan selalu membanding, memandangkan keadaan kedudukan kewangan dan sebagainya. Jadi kerana tidak dalam manifesto tidak menetapkan tarikh untuk menurunkan kadar itu, jadi tidak boleh dikatakan Kerajaan tidak akan buat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker. Soalan No. 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PEMUDAH SELANGOR**

3. Merujuk Ucapan Bajet 2010 (muka surat 7, 10 Nov 2009), PEMUDAH Selangor ditubuhkan untuk menambah baik urus tadbir dan mengurangkan karenah birokrasi:

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah ukuran prestasi dan KPI yang telah ditetapkan kepada PEMUDAH Selangor dalam mengurangkan karenah birokrasi bagi tahun 2010?
- b) Apakah struktur pengurusan PEMUDAH Selangor?
- c) Apakah peranan Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC) secara strategik bagi memenuhi KPI dalam menjayakan PEMUDAH Selangor?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Tuan Speaker. Berhubung dengan soalan Hulu Kelang mengenai PEMUDAH, Selangor: "Apakah ukuran KPI yang ditetapkan kepada PEMUDAH Selangor untuk mengurangkan karenah birokrasi pada tahun 2010, serta mengenai struktur PEMUDAH dan peranan SSIC dan KPI bagi menjayakan PEMUDAH Selangor".

Tuan Speaker: Pasukan Petugas Khas PEMUDAH, iaitu cara perniagaan di Selangor ataupun disebut PEMUDAH, dilancarkan pada 19 Mac 2009 sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan karenah birokrasi dalam konteks ini. Sebelum ini, berlaku keadaan apabila

pemohon ataupun peminta lesen dan kerja di pejabat tidak tahu, atau terpaksa menunggu masa untuk perkhidmatan itu siap atau tidak, dan oleh itu, PEMUDAH menetapkan masa tersebut.

Perkara yang Ke- 2, Kerajaan Negeri menetapkan supaya ada sistem yang disebut "*First In First Out*" iaitu apabila kita buat permohonan, kalau fail kita awal bererti fail kita diambil tindakan, bukan ada fail-fail lain yang diletakkan di atas kerana ada hubungan rakan ataupun perniagaan. Jadi kita ada sistem "*First In First Out*" dan sistem masa tindakan. Sebagai contoh, untuk permohonan Kebenaran Pindah milik Secara Menyeluruh. Maksudnya "*Blank Consent*" sekarang boleh dibuat dalam tempoh 21 hari. Dengan Pihak Berkuasa Tempatan, permintaan untuk pembangunan dan hartanah boleh dibuat ataupun tindakan itu mesti dilakukan tidak lebih 14 hari, walaupun perkara ini masih terdapat kekurangan kerana terdapat segelintir pegawai yang menyatakan ramai tidak menepati syarat-syarat. Jadi, kita ada satu usaha baharu yang proaktif untuk kita selesaikan apa-apa syarat yang tidak diterima.

Seterusnya, satu perkara yang sangat besar yang menjadi masalah besar sehingga hari ini adalah proses permohonan hak milik strata. Proses permohonan hak milik strata ini dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh 170 hari. Ada sesetengah hak milik strata masih belum diselesaikan dalam masa 10 tahun. Jadi, sekarang kita pendekkan kepada 170 hari.

Siapakah yang menjadi ahli-ahli PEMUDAH? PEMUDAH Selangor dipengerusikan oleh 2 ahli tetap, iaitu Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pengerusi Federation of Malaysian Manufacturers' (FMM) cawangan Selangor. Semua ahli tetap PEMUDAH adalah dilantik dan sehingga ini terdapat 26 ahli tetap. Sekretariat PEMUDAH adalah di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan bertanggungjawab secara langsung untuk mengurus selia mesyuarat dan kerja yang dilakukan. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang kita adakan "*Focus Group*", iaitu kumpulan-kumpulan yang mengkaji cara menyelesaikan perkara-perkara ini. Antara lain, dipanggil "*Focus Group Strata Title*" yang menyelia masalah yang besar dalam perkara tersebut. Kumpulan Ke-2 "*Focus Group Consent to Transfer*", Ke-3 "*Focus Group mengenai Crime Prevention and Security*", Ke-4 "*Focus Group untuk melicinkan pengurusan "One Stop Centre"*". Suatu ketika dahulu mereka kata "*One Stop Centre*" ini leceh. Mereka kemudian kata itulah tempat berhentinya fail dan tak keluar lagi. Sebab itulah ia disebut *One Stop Centre*. Kumpulan Ke-5 adalah masalah yang saya anggap masih belum selesai, iaitu "*Joint Management Body*" untuk rumah-rumah pangsa. Perkara ini masih dalam pengurusan, dan boleh jadi undang-undang terpaksa digubal untuk menyelesaikan masalah ini.

Seterusnya, kita ada "*Selangor Investment Fund*", iaitu pelaburan untuk Negeri Selangor dan penyediaan kemudahan utiliti di tapak pembangunan. Jadi, peranan SSIC yang bekerja dengan PEMUDAH ini adalah untuk mempertingkatkan pelaburan-pelaburan di negeri Selangor. Pada masa ini, fokus kita dalam industri yang dipanggil "*Green*", ataupun dipanggil "*Green Technology*". Teknologi "*Green*" ini bukan hijau sahaja iaitu solar dan "*renewable energy*" dan "*water catchment*" itu antara satu teknologi yang kita hendak pertingkatkan di negeri Selangor. Kemudian kita juga ada ramai orang berminat dalam sektor "*aviation*" dan industri perkhidmatan termasuk pendidikan, *health* dan *tourism*. Melalui keahlian dalam PEMUDAH, pihak SSIC sentiasa berperanan membantu untuk memastikan bukan sahaja pelabur-pelabur luar negara tetapi pelabur-pelabur domestik ataupun dalam negara untuk dapat membuat perniagaan dan perdagangan dengan cara yang terbaik. Jadi, "*The State Facilitated Business Environment*" kita hendak usahakan supaya terdapat keadaan *business* yang lebih rancak dan sistematik di negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Menteri Besar. Dalam "*Focus Group*" apakah kaedah yang digunakan untuk menyelesaikan masalah "*Strata Titles*" dan JMB. Adakah menunggu permohonan daripada pihak JMB dan pemilik ataupun ada rangka-rangka tertentu untuk diselesaikan setiap tahun.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya di fahamkan kumpulan-kumpulan ini bukan sahaja melihat daripada segi masalah permohonan, bukan. Mereka lihat daripada segi hasilnya. Maknanya mereka melihat ada berapa ribu unit yang tak dapat "*Strata Titles*". Mereka melihat daripada situ dan bagaimana "*Strata Titles*" boleh diberikan kepada mereka ini. Jadi ia bukan soalan yang mengatakan orang tak memohon, tak ada punya strategik berapa unit yang tak dapat "*Strata Titles*", mengapa kita boleh selesaikan masalah ini. Jadi, dia "*Look from the point of the customer*" bukan daripada *point of* kita. Pentadbir duduk sahaja tunggu. Tidak. Jadi, KPInya, maknanya dia menyelesaikan. Kalau perkara itu tidak berlaku, katalah ada satu tempat tak ada langsung permohonan untuk "*Strata Titles*" kumpulan ini boleh pergi ke tempat tersebut untuk menyelesaikan masalah. Maknanya, terdapat juga ada pemaju-pemaju yang tidak membuat permohonan kerana banyak sebab. Antara sebabnya dia tidak hendak membayar premium. Oleh sebab itu, pemaju itu tidak menghantar dan PEMUDAH boleh mengkaji perkara tersebut dan supaya kalau boleh Kerajaan Negeri Selangor mengambil tindakan terhadap pemaju. Perkara yang terakhir boleh jadi tanah itu diambil alih oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah tersebut. Jadi *reaction* kita adalah lebih positif bukan menunggu masalah tetapi *anticipate* masalah.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan Tuan Speaker, masalah ini sangat-sangat besar lebih 400 ribu unit, dan perkara ini tidak dapat diselesaikan kerana ada pemaju yang namanya ada tetapi pengarahnya tak ada, pemilik-sahamnya sudah bertukar ganti sehingga kita tak tahu siapa yang kita mesti jumpa untuk menyelesaikannya. Kerajaan Negeri hendak bekerja dengan PEMUDAH untuk tidak lagi menerima mereka dalam senarai yang tidak menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pemaju perumahan.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Tahniah saya ucapkan kepada Menteri Besar kerana masih mengekalkan jawatan Menteri Besarnya walau pun tidak lagi menjadi Pengerusi Perhubungan Parti Keadilan Rakyat Negeri Selangor. Penjelasan saya Tuan Speaker, saya lihat trend di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam mentadbir kerajaan negeri dia banyak menggunakan konsultan-konsultan ataupun jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantu atau pun menyelesaikan masalah-masalah yang ada. Persoalannya kenapa perlu ada konsultan-konsultan ini diwujudkan. *Focus Group* ada konsultannya, PEMUDAH mungkin ada konsultannya dan pelbagai lagi. Adakah kerajaan negeri tidak percaya lagi dengan pegawai-pegawai tadbir kita yang bekerja siang dan malam, YDP, Pegawai Daerah kita sanggup kita mengambil orang luar untuk menengok apa kerja-kerja pegawai dan amanah yang ada pada mereka. Jadi saya nak tahu juga berapakah perbelanjaan yang kita beri kepada konsultan-konsultan ini untuk membantu kerajaan negeri. Terima kasih Pengerusi.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Nampaknya Yang Berhormat ni tidak *check* perkara-perkara ini. Yang Berhormat kena semak kalau tak semak.. saya nak nak jawab soalan ini kerana soalan yang saudara soal tu salah. Itu sahaja.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya nak penjelasan, saya nak penjelasan...

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat dengarlah....

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Kalau *Focus Group* ni nanti saudara boleh berasa malu apabila kita beritahu bahawa *Focus Group* ni tidak ada konsultan. Ahli-ahlinya terdiri daripada sukarelawan-sukarelawan yang datang daripada *business-business* yang buat macam itu. Kalau dalam hati nurani saudara itu kotor maknanya yang nak marahkan ada konsultan itu tak boleh. Ini tujuannya adalah *positive interaction* ...kita percaya..

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu-dulu

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Ha you cakap tak reti itu sebab kita nak ajar pula ni.

**TUAN SPEAKER** : Kuang duduk dulu, nanti, nanti dulu ada peluang Batang Kali

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang kita dah tengok semua ni dan tujuan kita untuk bersama-sama dengan Pegawai-pegawai Kerajaan. Sebab itu kita pilih Setiausaha Kerajaan sendiri sebagai Pengerusinya. *Dewan riu*.... Jangan buat mengata-mengata semacam ini. Ini bukan tempatnya. Apa yang saudara sebagai wakil rakyat sama ada kita tidak dapat menyelesaikan masalah ini, itu saudara ada hak dan saya ada hak untuk bersama-sama bekerja untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi, soalan saudara tidak ada konsultan, ada orang bekerja tetapi tak ada konsultan yang kita panggil untuk menyelesaikan perkara ini.

**TUAN SPEAKER** : Kuang

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Mohon penjelasan Yang Amat Berhormat Ijok. Saya masih ingat lagi barangkali Yang Amat Berhormat Ijok ingat juga dengan penubuhan suatu kumpulan yang dipanggil gerak *Focus Group* yang diketuai oleh Dato' Nik Zain yang telah dibayar RM300,000 lebih. *Task force, task force* apa guna *task force* ini dan apa jadi dengan *task force* ini dan dilantik lagi belanja lagi dan sebagainya apa guna ni.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Speaker, oleh kerana mereka ini dalam kumpulan yang lemah sikit jadi tidak apalah saya

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Keadilan buang jadi Pengerusi Perhubungan....

**TUAN SPEAKER** : Kuang, Kuang....

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ya. Tetapi dari segi *Focus Group* kita tak guna konsultan, sebab ini PEMUDAH. Saudara pun dapati bukan sahaja di Selangor tetapi di banyak negeri yang lain termasuk di pihak Persekutuan. Kedua, untuk soalan *task force* itu ini bukan perkara tidak biasa. Kalau Yang Berhormat Kuang nak tahu penggunaan *task force* ini lebih banyak dilakukan pada masa Barisan Nasional. Terdapat lebih 20 juta (?) lebih kurang dan saya boleh senaraikan nama mereka yang boleh dapat ini setelah maklumat ini saudara boleh tahu yang Kerajaan Negeri Selangor sebelum Pakatan Rakyat menggunakan lebih ramai, nama yang disebut *task force*, konsultan termasuk INMIND, OUTMIND semua ada untuk pengetahuan saudara. Sebab itu, rakan kita tu terus sahaja takut ada konsultan sebab pengalaman saudara agak sukar masa dahulu sekarang saudara nak betulkan dan tugas kita bukan itu, membetulkan yang tak betul dilakukan oleh pihak yang dahulu.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker soalan 4. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN RUMAH BERTINGKAT KOS RENDAH**

4. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah purata jumlah bayaran pengurusan setiap unit rumah bertingkat kos rendah setahun?
  - b) Adakah jumlah bayaran pengurusan dan cukai taksiran satu unit rumah bertingkat kos rendah lebih tinggi daripada rumah teres?
  - c) Adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk mengambil alih pengurusan rumah bertingkat kos rendah?

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Kajang. Tuan Speaker, soalnya bertanya kepada tentang kadar kos penyelenggaraan pangsapuri kos rendah negeri Selangor. Ia sebenarnya ia tidak seragam dan ia mengikut kepada pemajuan masing-masing. Di antara faktor-faktor atau perkara-perkara yang kita ambil kira sebelum kita atau sebelum kita atau pihak yang mengendalikan pemajuan itu menetapkan caj di antaranya adalah keluasan kawasan, ketinggian bangunan dan jumlah unit petak. Kedua, adalah jumlah harta-harta bersama yang dimiliki seperti lif, bumbung, tangga, tangki air dan sebagainya sudah tentu apabila terdapat lebih banyak harta-harta bersama sudah tentu kos penyelenggaraannya adalah lebih. Yang ketiga adalah sama ada pihak pengurusan yang melaksanakan penyelenggaraan bangunan dilakukan secara sendirian oleh JMB atau dengan ini Badan Pengurusan Bersama atau pun perbadanan pengurusan atau melantik pihak-pihak luar. Terdapat kemajuan-kemajuan sama ada kos rendah atau pun kos sederhana yang mengambil inisiatif sendiri untuk menguruskan atau pun sama ada dari segi pembersihan kawasan pemajuan mereka. Tetapi ada juga atau pun kebanyakan yang lain melantik agen-agen pengurusan. Jadi selalunya melakukan pengurusan secara persendirian itu harganya lebih murah. Walau bagaimana pun pihak kerajaan negeri telah menjalankan satu analisis kepada kesemua pemajuan-pemajuan kos rendah di negeri Selangor dan telah mendapat suatu kos purata iaitu bagi kawasan-kawasan yang ada khidmat Pengawal Keselamatan bagi yang kurang daripada lima tingkat yang tiada lif kos RM 46 sebulan, dan bagi pangsapuri kos rendah yang lebih daripada lima tingkat yang mempunyai lif kosnya ialah RM 57 sebulan. Walau bagaimanapun kalau tidak ada khidmat keselamatan atau Pegawai Keselamatan bagi kos rendah lima tingkat ke bawah, tiada lif kos adalah RM 38 sebulan. Sementara pangsapuri kos rendah yang lebih tinggi yang mempunyai lif sama ada 17 tingkat, 10 tingkat dan sebagainya kosnya puratanya adalah RM 44 sebulan. Dan ini tidak termasuk caruman bagi *sinking fund*, insurans, dan kalau ada ejen pengurusan atau fi untuk ejen pengurusan.

Soalan kedua dari segi kos penyelenggaraan di antara rumah kos rendah ataupun pemajuan bertingkat dan rumah teres sudah tentu lebih murah di rumah bertingkat sebab ianya dipusatkan. Bagi perkara ketiga yang diajukan adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengambil alih penyelenggaraan bagi kawasan pemajuan terbabit. Kerajaan Negeri ada melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh pemajuan-pemajuan di rumah kos rendah untuk melantik ejen-ejen pengurusan untuk menjalankan pengurusan di kawasan tersebut dan kita telah menjalankan satu kajian untuk melihat kemungkinan pengurusan bagi kawasan-kawasan terpilih kalau tidak kesemua kawasan kos rendah ini diuruskan oleh syarikat-syarikat kerajaan ataupun di bawah GLC dan ini kita telah mengadakan satu kajian dan insya-Allah kajian ini akan siap pada Oktober 2010 dan kalau ia betul-betul boleh dilaksanakan maka ia akan dilaksanakan pada tahun 2011. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan awal telah dilakukan di mana kita serba tahu bahawa 3 pemajuan rumah kos rendah telah dibantu untuk dibaiki lif-lif mereka. Ini telah ditugaskan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan mengikut perancangan kita ada beberapa lagi yang dibaiki dan ini memberi pendedahan kepada PKNS, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor untuk mentadbir atau menguruskan beberapa perumahan-perumahan kos rendah. Inilah sebagai beberapa tiga pilot projek yang kita lakukan dan daripada itu dia akan masukkan dalam kajian kita sama ada wajar atau tidak kerajaan negeri mengambil alih rumah kawasan perumahan-perumahan bertingkat atau rumah pangsa bertingkat untuk diuruskan bagi keadaan di mana penduduk-penduduk tidak mampu menguruskannya sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Kita dapati jumlah untuk bayaran penyelenggaraan untuk kos rendah ini antara jumlah-jumlah yang berbeza jumlah kita ambil purata RM 50 untuk setiap bulan. Kalau ikut kiraan untuk setahun berjumlah hampir RM 600 dan kalau kena dengan cukai pintu lagi katakan 100 bermaksud 700 ia amat jauh kalau dibandingkan dengan rumah teres seperti rumah saya sendiri yang hanya 200 hingga 300 sahaja. Jadi dalam keadaan ini bebanan, tanggungan setiap tahun bagi penyelenggaraan bangunan dan juga tempat kawasan rumah kos rendah ini memang amat tinggi, memang tidak adil kalau dibandingkan dengan *lander property*, maka ini amat tidak adil kepada tuan-tuan rumah yang membeli rumah kos rendah bertingkat ini. Dalam keadaan ini satu ketidakadilan sudah berlaku begitu lama adakah kerajaan kita hendak mengkaji balik atau mengurangkan bebanan sebegini atau pun dalam rancangan masa depan kita tidak lagi membina rumah kos rendah bertingkat ini. Di dalam keadaan ini suatu ketidakadilan sudah berlaku begitu lama. Adakah pihak kerajaan kita nak kaji balik dan mengurangkan bebanan sebegini ataupun dalam perancangan masa depan kita tidak lagi membina rumah kos rendah bertingkat sebegini, terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sememangnya rumah kos bertingkat, rumah kos rendah yang bertingkat ini banyak masalah yang akan dihadapi. Kalau kita nak buat rumah-rumah kos rendah yang baru, dicadangkan supaya tidak dilakukan yang bertingkat cuma yang maksimum pun yang paling tinggi adalah lima (5) tingkat. Tetapi di antara cara kita nak mengurangkan kos penyelenggaraan ini, kita lihat adalah yang pertama kalau betul-betul mengikut kajian yang akan dilakukan Kerajaan Negeri boleh mengambil alih kawasan-kawasan rumah kos rendah untuk diuruskan sekiranya ianya diuruskan secara bersama seluruh negeri maka kosnya akan turun. Sebab dari segi skil kalau lebih banyak kawasan pemajuan, ianya akan turun. Itulah di antara cara bagaimana kita boleh menurunkan yang pertama tadi adalah dengan tidak membina rumah kos rendah yang tidak mempunyai lif, sebab lif ini mempunyai banyak masalah, terlampau banyak masalah.

Yang kedua adalah; dengan kerajaan tetapi bergantung kepada kajian kita mengambil alih tempat-tempat yang terpilih rumah-rumah kos rendah yang terpilih untuk diambil alih secara pukal rumah kos rendah kos rendah lain di seluruh negara supaya dapat kita turunkan kos pengurusan. Sebab kita lihat bahawa, mungkin Yang Berhormat tadi lebih kurang 50 ringgit, 40 ringgit tetapi ada tempat yang boleh turun sehingga 25 ringgit. Oleh kerana ianya mungkin dilakukan secara bersendirian oleh JMB atau MC tersebut, ataupun oleh kerana kawasan tersebut di banyak pemajuan dan disatukan dan oleh kerana banyak pemajuan maka agen pengurusan akan *charge* dengan izin kos yang lebih rendah lagi, terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Memang rumah bertingkat banyak masalah. Umpamanya di Bangi iaitu perumahan Jubli Perak yang mempunyai berpuluh blok rumah ada semacam keengganan antara MPKj dengan PKNS untuk mengambil tanggungjawab. Jadi pihak PKNS menyuruh penduduk itu mengurus sendiri. Bila mengurus sendiri, sebahagian daripada rumah-rumah atau unit yang bertingkat ini disewakan. Jadi bila nak dipungut bayaran, masing-masing tak mahu bayar sebab dia sewa, jadinya tertinggal. Di tempat ini menjadi suatu tempat yang paling kotor, bukan sahaja setakat rumah tetapi sempadan antara MPKj dengan PKNS nak cuci pun berbalah sehingga tinggal naik semak-samun, menjadi tempat yang paling kotor. Tidakkah patut Kerajaan Negeri mengambil tindakan memaksa MPKj ambil tanggungjawab, jangan kira untung sahaja, kalau tidak terbiar, rumah itu. Ini tempat yang paling bermasalah pada kami, terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi kawasan sempadan siapa nak urus kawasan mana itu jelas dan nyata. Kalau diserahkan kepada Kerajaan, maka ianya perlu diuruskan oleh Majlis, tetapi kalau masih di dalam kawasan pemajuan ianya adalah pemaju. Tetapi sekarang ini apabila dengan adanya Akta 663 ianya bukan diuruskan oleh pemaju lagi, ia diuruskan oleh JMB dan JMB ataupun MC akan menguruskan dalam kawasan mereka, di luar memang jelas, itu adalah pihak Majlis. Memang betul masalah kepada penyewa-penyewa kalau kita nak memungut wang penyenggaraan daripada penyewa-penyewa mereka tidak mahu bayar, sebab mereka kata mereka hanya menyewa daripada pembeli ataupun pemilik. Dan kalau kita lihat Akta 663 memang ada kekeliruan Akta 663 yang banyak kali kita suarakan dan kita telah bawa ke peringkat Persekutuan supaya ianya ditukar melalui perbincangan di antara pihak Kerajaan Negeri, Lembaga Perumahan dan Kementerian. Memang ada kekeliruan dan kekeliruan iaitu kita hanya boleh menghukum mereka yang memiliki rumah tersebut, bukan mereka yang menyewa. Satu cara JMB atau MC boleh menyita harta mereka yang memiliki rumah tersebut, tetapi kalau yang duduk di rumah itu adalah penyewa dan ianya duduk di tempat lain, duduk di Johor ke atau di luar negara maka pihak JMB ataupun MC tidak boleh menyita harta orang yang duduk di situ, sebab mereka adalah penyewa bukan pemilik. Ada satu cara yang dicadangkan, bahawa ada sebenarnya harta pemilik di rumah-rumah tersebut yang disewakan, ialah selalunya kalau selalunya MC mencadangkan untuk menyita peti ais, televisyen dan sebagainya, sebagai balasan kepada yuran-yuran penyelenggaraan yang tidak bayar semenjak berbulan-bulan, tetapi ini tidak boleh dilakukan kerana televisyen ke peti ais itu harta penyewa bukan pemilik. Pemilik punya harta tak di situ, tetapi saya telah mengkaji minta supaya bagaimana kita boleh kaji sebab ada harta-harta pemilik yang ada di situ yang boleh kita sita, tetapi mungkin ada orang yang boleh gelak seperti pintu dan sebagainya, boleh kita sita sebab itu adalah harta pemilik, bukan harta penyewa, pintu besen dan macam-macam lagi *grill* boleh disita. Sebab kalau ikut Undang-undang itu memang harta pemilik bukan harta penyewa. Saya telah

bercakap dengan Yang Berhormat Penasihat Undang-undang dan kita dalam kajianlah tentang benda ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Terima kasih Tuan Speaker soalan No. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PERINDUSTRIAN**

5. Sektor perindustrian dan pembuatan masih menjadi penyumbang utama ekonomi negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan Selangor kekal sebagai negeri perindustrian utama negara?
- b) Industri Halal di lihat berpotensi untuk berkembang di Malaysia, adakah Kerajaan Negeri memberi fokus terhadap bidang industri ini?
- c) Apakah fokus bidang perindustrian lain yang dilihat berpotensi dan mampu menarik pelaburan luar?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker. Soalan Yang Berhormat Taman Templer merangkumi 3 soalan kecil yang (a) adalah tentang strategi dan inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan Selangor kekal sebagai negeri perindustrian utama negara. Jawapan saya adalah:

- 1) Kita akan memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan terus memberi keyakinan kepada pelaburan asing.
- 2) Konsep mesra pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri atau pelabur di Selangor.
- 3) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor *Science Park*.
- 4) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi oleh pihak industri.
- 5) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan Sijil Layak Menduduki, permohonan kelulusan pelan bangunan dan lain-lain yang diperlukan bagi industri dan pelabur melalui *One Stop Centre* yang ditumpukan di setiap PBT.
- 6) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau pelaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.

- 7) Penubuhan *Industrial Park Management Committee* IPMC di setiap kawasan perindustrian yang di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.
- 8) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan di semua peringkat termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- 9) Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
- 10) Pemantauan yang lebih kerap terhadap projek-projek yang sedang dilaksanakan.
- 11) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan keluar negara.
- 12) Bekerjasama dengan pihak swasta dan badan-badan perniagaan bagi menarik pelaburan dari luar negara.
- 13) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu dan permasalahan yang dihadapi bagi mencari penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi.
- 14) Penubuhan Jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi penambahbaikan sistem penyampaian di Negeri Selangor.
- 15) Penubuhan Unit Pelaburan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Taman Templer juga tanya tentang Industri Halal yang mana dilihat berpotensi untuk berkembang di Malaysia dan apakah fokus Kerajaan Negeri dalam bidang Industri Halal Hub ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Taman Templer, Industri Halal merupakan satu bidang yang giat dipromosikan di Negeri Selangor. Melalui anak syarikat Kerajaan Negeri peringkat Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah membangunkan kawasan seluas 578.43 ekar di Pulau Indah, Klang, sebagai Selangor Hal Hub iaitu kawasan perindustrian yang khusus untuk industri pengeluaran produk halal. Sehingga kini fasa satu SHHT1 yang mempunyai 220.19 ekar telah berjaya menarik 11 pelabur dengan nilai jualan berjumlah 133 juta. Antara produk-produk yang digalakkan untuk ditempatkan di bawah kawasan Selangor Halal Hub adalah seperti berikut dengan izin:

- a) *Aero material* seperti *palm mills, cocoa powder processing*.
- b) *Food and beverages* seperti *soft drink, frozen food processing* dan sebagainya.
- c) *Dairy product* – susu, yogurt, ice-cream dan sebagainya.
- d) *Non food product pharmaceutical cosmetic, herbal larder* dan sebagainya.
- e) adalah *packaging storage and distribution* dan
- f) eksport dan import *activities*.

Yang Berhormat Taman Templer juga tanya fokus bidang perindustrian yang lain yang dilihat berpotensi untuk menarik pelaburan luar. Antara beberapa bidang industri yang telah dikenal

pasti dan dilihat berpotensi untuk menarik pelabur luar untuk melabur di Selangor adalah seperti dengan izin:

- a) *Electrical and electronic industry.*
- b) *Life science industry seperti bio-tech pharmaceutical medical devices.*
- c) *Renewable energy industry*
- d) *Missionary and equipment industries.*
- e) *Transport equipment industry.*
- f) *Petrol chemical polymer industry.*
- g) *Marine based industrial and port related activities.*
- h) *Manufacturing milted seperti shipyard activities dan sebagainya.*
- i) *Aerospace heavy activities*
- j) *Services industry seperti ICT, perkhidmatan perubatan, pelancongan, pendidikan, logistik dan sebagainya.*

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK** : **HASIL KERAJAAN NEGERI**

6. Apakah kejadian kecurian pasir amat berleluasa menyebabkan kehilangan besar hal kewangan kepada kerajaan negeri;

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Berapakah anggaran jumlah kehilangan hasil kewangan Kerajaan Negeri akibat kejadian kecurian pasir yang amat berleluasa ini?
- b) Apakah langkah-langkah penguatkuasaan yang berkesan yang telah diambil untuk memastikan kecurian pasir dapat diatasi?
- c) Apakah tindakan-tindakan lain yang telah diambil untuk menjadikan kejadian kecurian pasir dapat dikawal?

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker. Sungai Burong membangkitkan soalan yang paling selalu dibincangkan sekarang adalah mengenai kecurian pasir yang berleluasa dan

soalan yang pertama adalah anggaran jumlah kehilangan hasil kewangan Kerajaan Negeri akibat kejadian kecurian pasir yang amat berleluasa ini. Yang sebenarnya pencurian pasir untuk maklumat Dewan ini sudah berlaku begitu lama, bukan dalam masa ini. Boleh jadi hebohnya adalah sekarang kerana ramai mereka yang pernah menjadi agen-agen untuk mendapat lesen melombong pasir tidak lagi dapat kerja tersebut dan mereka tidak dapat wang sugu hati untuk menjalankan kerja ini. Saya boleh membahagi kepada beberapa contoh menunjukkan bagaimana kita boleh menganalisis industri perlombongan pasir yang dilakukan di negeri Selangor yang dan berapa banyak kehilangan yang berlaku.

Pertama; kita mesti mengetahui tentang permintaan pasir. Permintaan pasir yang digunakan oleh industri di negeri Selangor. Permintaan pasir untuk industri dalam negeri Selangor adalah antara 800 tan kepada satu (1) juta tan meter padu sebulan. Maknanya, itu keluaran permohonan dan penggunaan pasir di negeri Selangor. Jadi maknanya, itu dibuat oleh beberapa kajian yang menunjukkan antara 800 ke satu juta tan sebulan. Jadi, kalau itu anggapan industri ini sudah tentulah kalau satu (1) juta tan pasir di negeri Selangor sebulan apakah pendapatan royalti Kerajaan Negeri kalau dikeluarkan sebanyak satu (1) juta tan sebulan sebab saya tahu Yang Berhormat daripada Sungai Burong tahu Kanun Tanah Negara ada menetapkan walaupun kita punya tanah tetapi daripada segi perlombongan haknya adalah hak Kerajaan Negeri bukan sahaja atas tanah Kerajaan Negeri tetapi atas tanah persendirian. Jadi kita ambil kira satu (1) juta dikeluarkan sebulan dan royaltinya ataupun adalah sebanyak 3 ringgit, kalau satu (1) juta, 3 ringgit kita boleh dapat 3 juta. 3 juta sebulan dan setahun kali dengan 12, bersamaan 36 juta.

Bagi tahun 2000 hingga.... 2006, Kerajaan Negeri mendapat royalti sebanyak 4.37 juta, 4.37 juta. Untuk tahun 2007, Kerajaan Negeri mendapat royalti sebanyak 4.2 juta setahun. Jadi bererti keluaran dalam rekod Kerajaan Negeri untuk tahun 2006, 1.4 juta; keluaran untuk 2007 juga lebih kurang 1.4 juta. Apakah maknanya? Maknanya, kita keluar tiap-tiap tahun sepatutnya kita dapat 30 juta setahun tetapi ini hanya kita dapat 4.3 juta, ke mana yang lain? Jawapannya, ia tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri ataupun dicuri sahaja tak ada dibayar kepada Kerajaan Negeri. Ini yang kita nak selesaikan masalah ini. Masalah ini nyata dan kita lihat masalah ini kerana terdapat pengambilan pasir yang tidak membayar royalti dan tidak mempunyai rekod-rekod pembayaran tersebut. Ia jelas. Kita ada angkanya. Sebab itu Kerajaan Negeri hendak menyelesaikan masalah ini. Sebelum ini, Kerajaan Negeri pernah cuba menyelesaikan masalah ini bukan tidak pernah sebab terdapat berbagai-bagai cara untuk menangkap, menyita semuanya cuba dilakukan untuk menyelesaikan masalah tetapi perkara ini tidak selesai.

Jadi untuk ini, Kerajaan Negeri sekarang berpendapat, salah satu daripada usahanya bukan sahaja menyelesaikan masalah pengeluaran, maknanya pengeluaran pasir itu, menangkap, tetapi juga mengawasi penggunaan ataupun pengeluaran. Kalau dua-dua perkara dapat kita lakukan bererti kita dapat mengadakan satu kawalan industri pasir yang menyeluruh. Dahulunya kita asyik berfikir tentang masalah, apa yang dipanggil menangkap mereka yang mengeluarkan pasir tetapi kita tidak mengawal pengguna-pengguna pasir tersebut. Jadi satu daripada cara yang biasa digunakan bukan sahaja industri ini, industri minyak juga ada digunakan, industri lombong yang dilakukan di Australia dan juga beberapa negara menubuhkan satu syarikat negeri untuk cuba bersaing dan menyelesaikan masalah bagaimana pengurusan pasir ini dapat dilakukan. Sebab kita tidak tahu tentang industri ini, kita tak tahu siapa pembelinya, siapa penggunanya, kita tak tahu. Jadi polisi kita hanya menyekat orang mencuri pasir dan seterusnya dan jelas pencurian pasir adalah berleluasa dan kita dapati lebih 30 juta setiap tahun tidak terkutip oleh sebab kita tidak mengawalinya. Jadi, satu cara yang kita buat adalah menubuhkan syarikat kumpulan SEMESTA namanya. Kita minta dahulu Khazanah

Selangor tetapi tidak diterima oleh pihak Pendaftar kerana dia tidak boleh gunakan Selangor dalam pendaftaran Khazanah Selangor. Sebab itu kita gunakan Kumpulan SEMESTA sebab Khazanah tidak boleh digunakan tetapi kita tidaklah menjadi satu masalah yang besar hanya kita hendak menguruskannya. Oleh sebab itulah kita tubuhkan syarikat itu supaya kita dapat mengawal;

Pertama; semua pengeluaran pasir dari tanah-tanah milikan kerajaan, sebab antara masalah yang terbesar, terdapat banyak tanah milikan kerajaan yang ada boleh dilombong pasir sedang menjadi tumpuan kecurian. Jadi, kita mulakan dengan cara tersebut. Alhamdulillah, ia mula bergerak. Sekarang bukan sahaja kita mengeluarkan tapak royalti pasir tetapi juga kita meningkatkan royalti pasir untuk 2008 sebanyak 7 juta tetapi kita juga mendapat keuntungan selain royalti tersebut mendapat keuntungan dari pengurusan pengeluaran pasir dalam negeri. *Target* kita supaya semua pengeluaran pasir ini dapat dipantau dan royaltinya mesti dibayar. Jadi itu *target* kita.

Kedua; bukan sahaja keluaran pasir untuk dalam negeri, dalam tanah-tanah kerajaan tetapi keluaran pasir untuk tanah-tanah swasta juga ini perlu dikawal. Dua-duanya kita kawal. Daripada segi itu saya berasa saya dapati terlalu ramai mereka ini terlibat dalam operasi pasir, bukan sahaja individu ada juga kepimpinan kampung terlibat, kepimpinan dalam kerajaan, pegawai pun ada terlibat, pembawa lori juga ada terlibat. Rupanya ada juga gengster terlibat dalam industri ini. Jadi, barulah saya tahu bahawa industri ini ramai peminatnya. Sebabnya dan kita sudah mengurangkan peluang duit *pocket money* itu. Sebab itulah terdapat heboh yang sebegitu besar tetapi kita mesti selesaikan. Pada saya industri pasir boleh diselesaikan apabila Kumpulan SEMESTA dan juga sektor-sektor yang kita pilih, pemaju-pemaju yang kita pilih mengeluarkan pasir dan dapat menguasai 70 ke 80 peratus daripada keluaran pasir dalam negeri Selangor ini barulah industri itu menjadi lebih stabil daripada segi pengeluarannya dan penggunaannya di samping Kerajaan Negeri menentukan hasil pendapatan.

Jadi, anggarannya bukan sahaja pada saya lebih 30 juta setiap tahun tetapi yang paling penting, kalaulah kita sendiri boleh lakukan pengeluaran pasir untuk tanah-tanah milikan Kerajaan, kita boleh dapat selain daripada royalti, dapat keuntungan dan itu jelas pada kenyataan yang dibuat oleh Kumpulan SEMESTA. Mereka bukan sahaja dapat meningkatkan royalti sudah mula mendapat keuntungan, keuntungan itu pada awalnya kita rasa agak kecil rupanya *projection* yang dibuat oleh kajian-kajian bukanlah 10 juta, 20 juta tetapi melebihi 100 juta. Tetapi buat masa sekarang mereka untuk tahun 2010 mereka menjangkakan keuntungan melebihi 25 juta. Itu tidak termasuk royalti yang kita boleh kutip dengan bertambah.

Jadi apakah langkah-langkah yang berkesan? Jadi langkah-langkah makro sudah saya terangkan tetapi langkah-langkah *on the ground* juga kita lakukan iaitu seperti Setiausaha Kerajaan Negeri tiap-tiap minggu, mengadakan mesyuarat dengan pegawai-pegawai setiap daerah untuk memantau tempat-tempat di mana kecurian pasir berlaku. Pemantauan itu dilakukan dan banyak jentera dan *equipment* yang sudah disita dan kita juga menggalakkan ketua-ketua kampung menengok mana yang menjalankan operasi mencuri pasir. Dan kita membahagi sedikit, terlalu sedikit hadiah sagu hati kepada mereka bukan yang menangkap tetapi memberitahu iaitu apabila jentera-jentera itu disita kita bayar 5 ribu ringgit. Buat masa ini terdapat lebih 20 jentera yang bernilai lebih daripada 2 - 3 juta ringgit sudah kita sita. Jadi itu menunjukkan kekuatan industri pencurian pasir.

Dan kita juga membuat keputusan, oleh sebab kecurian pasir ini bukan sahaja mengakibatkan kehilangan royalti tetapi juga mendatangkan kerosakan ataupun kesan yang negatif dan kepada persekitaran (*environmental*) kalau kita tidak jaga. Sebab itu saya tahu sekarang ketua

pembangking juga berminat untuk cek pasir, jadi kita tengok dan kita boleh tahu cara beliau, Jadi apabila semua orang dah berminat, bagus, itu satu kerja yang bagus jadi kita boleh lihat pemantauan itu dan Setiausaha Kerajaan Negeri sudah membuat keputusan untuk tanah-tanah milikan persendirian bukan tanah-tanah kerajaan juga terdapat pencurian pasir dan oleh sebab pengawalan itu tidak dilakukan oleh pemilik-pemilik tanah tersebut, boleh jadi pemilik-pemilik tanah itu dibiarkan sahaja, tetapi timbul masalah. Kerajaan Negeri bersetuju mengeluarkan Borang 7A untuk merampas tanah tersebut dan apabila dirampas tanah itu dijadikan milikan kerajaan dan kerajaan boleh menjaga tanah tersebut supaya tidak terdapat kecurian, jadi itu yang kita lakukan. Sudah hampir 7 – 8 keping tanah yang sudah kita ambil kerana mereka tidak menjaga tanah-tanah mereka dan dibiarkan dicuri dan tindakan-tindakan lain. Sudah tentulah Kumpulan SEMESTA diminta untuk membiayai pengawalan pencurian pasir bersama-sama dengan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga meningkatkan peruntukan supaya pengawalan itu dapat dibuat. Tetapi dahulunya kita hanya menyekat daripada segi tempat pengeluaran pasir. Sekarang strategi kita adalah tempat penggunaan pasir umpamanya di tempat pembangunan pengeluaran pasir, kita letakkan pegawai kita untuk membuat semakan sama ada pasir itu diambil dari tempat yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, pembinaan jalan ataupun untuk kapal terbang di LCCT *Airport* yang memerlukan berjuta-juta tan pasir, kita tempatkan pegawai kita, supaya kita tahu pasir yang digunakan adalah pasir yang datang dari tempat-tempat yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri hendak berbincang juga dengan pengeluar-pengeluar simen di negeri Selangor supaya dapat bekerjasama menentukan pasir-pasir yang dibeli oleh mereka adalah pasir-pasir dari tempat-tempat yang diberikan lesen kelulusan tersebut. Jadi sebagai penutup tak ada lagi satu era yang dapat lesen untuk curi pasir. Tiada. Era itu tiak ada lagi.

Kedua, kita juga nak senaraikan selepas maklumat mengenai "*freedom all information to the*" luluskan atau sebelum itu kita senaraikan mereka yang pernah dapat lesen pasir sebelum 2008 supaya kita tahu adakah mereka ini pengeluar-pengeluar pasir yang benar-benar sah supaya kita belajar daripada situ. Kajian kita menunjukkan 80% daripada mereka tak kenal pun jentera, tetapi dapat lesen untuk dijual. Itulah keadaan yang berlaku dahulu. Sekarang kita buat perubahan dan perubahan ini boleh menentukan dua perkara:. Satu, Kerajaan Negeri meningkatkan royalti pasir. Kedua Kerajaan Negeri mendapat hasil daripada pengurusan pasir keluaran daripada tanah-tanah kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Ijok yang telah memberikan penjelasan dengan begitu panjang lebar tentang usaha-usaha untuk mengatasi masalah kecurian pasir yang bukan sahaja dari segi pengawalan di peringkat pembekalan tapi atas aspek permintaan dan saya perhatikan melalui penjelasan tadi bahawa banyak langkah-langkah telah diambil termasuklah penubuhan anak syarikat sendiri untuk menjagakan isu pasir ini. Saya juga difahamkan dalam jawapan pertanyaan Kuala Kubu dalam mesyuarat dua hari lepas isu pencurian pasir di Dewan Yang Mulia ini telah diberikan keutamaan dengan penubuhan jawatankuasa termasuk satu daripada jabatan-jabatan pejabat Pengarah Tanah dan Galian. Pentadbir Tanah Daerah, Jabatan Teknikal dan juga KSSB sebagaimana disebutkan tadi. Juga penubuhan Pasukan Petugas Khas, yang memantau permit pasir, terdapat Pasukan rondaan-rondaan yang dijalankan. Dalam tahun 2009, saya dimaklumkan ada 112 kes kecurian pasir. Tetapi daripada penjelasan tadi, saya masih tidak nampak lagi masalah pasir ini selesai dan kalau kita perhatikan keadaan kecurian pasir ini masih amat berleluasa. Kalau kita lihat laporan surat khabar hari ini, saya nak tunjuk surat khabar hari ni pun pasir di Dengkil ini aktiviti curi pasir tanah dipercayai berlaku sejak dua minggu yang lalu.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, peraturan, tak boleh rujuk akhbar..

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Nak tunjukkan bahawa keadaan ini berlaku berleluasa...

**TUAN SPEAKER** : Tak boleh tunjuk akhbar, bacakan peraturan tetap, ya jangan tunjuk akhbar

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Daripada akhbar hari ini kita dapat maklumat bahawa kecurian pasir masih berleluasa, amat berleluasa lagi. Soalan saya

**TUAN SPEAKER** : Itu akhbar, peraturan tetap jangan rujuk kepada akhbar. Peraturan Tetap jelas jangan tunjuk akhbar.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : OK, itu satu daripada maklumat yang saya terima juga, daripada aduan-aduan kebetulan dan gambar pun ada menunjukkan bahawa kecurian pasir ini masih amat berleluasa. Saya difahamkan di kawasan Berjantai Bestari pada hujung minggu, waktu malam pun ada kegiatan curi pasir.

**TUAN SPEAKER** : Soalannya

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Jadi soalan saya, nampaknya dengan penubuhan syarikat-syarikat ini Kerajaan Negeri masih gagal dan menyebabkan kehilangan begitu banyak pasir. Jadi adakah YAB Menteri Besar setuju bahawa hari ini pun KSSB yang telah ditubuhkan mungkin tidak cekap dan gagal untuk menangani masalah pasir yang berleluasa di Negeri Selangor. Sekian.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saudara punya ukuran. Yang Berhormat punya ukuran adakah pembaikan sebelum 2008 dengan sekarang. Itu soalan yang saudara perlu tanya. Pembaikan itu bukan jadi kedua. Pembaikan lepas tu baru kita terangkan masalah itu. Jadi masalahnya nanti saya terangkan yang itu.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong duduk dulu, biar Menteri Besar dah panjang lebar tadi berikan penjelasan soalan pendek nak jawab ini. Duduk dulu, nanti kalau tak puas boleh Tanya lagi. Yang Berhormat, duduk dulu, Yang Berhormat tanya pun putar belit, jadi jawapan beri jawapan yang putar belit dulu, duduk dulu. Dengarlah penjelasan dulu, penjelasan belum habis, biar penjelasan habis baru kata puas, tak puas. Orang belum buat dah cakap tak puas. Mana boleh, sila duduk ini... Yang Berhormat ini orang yang berpengalaman, tahu, Menteri Besar tengah jawab, kalau dah siap jawab, tak puas hati boleh tambah, sekarang ini belum lagi. Baik, saya minta duduk, minta duduk dulu. Ialah, nanti dulu, duduk dulu, kalau tak puas, tanya lagi, ya..Nanti dulu belum habis, belum habis. Belum puas, belum buat. Yang Berhormat, Yang Berhormat, ialah Yang Berhormat, duduk dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat, lepas makan baru cakap kenyang tak kenyang. Belum makan, tengah makan dah cakap belum kenyang. Mana boleh... biar makan dulu, makan dulu belum habis jawab, Yang Berhormat, biarlah Menteri besar jawab dulu tak puas, nanti tambah lagi. Saya akan berikan peluang, belum jawab lagi. Silakan Yang Berhormat...

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih banyak-banyak. Sebenarnya mereka nak jawab soalan yang dia ataupun jawapan yang dia nak. Rasa- rasa itu jawabannya. Yang sebenarnya, bukan. Untuk pengetahuan, kita sudah buktikan, pendapatan negeri bertambah

selepas 2008 dan keuntungan untuk pasir juga bertambah. Sebelum tahun 2008, tak ada. Itu kenyataan, *fact* bukan andaian, bukan. Ia *fact*. Kedua, soalan saudara tentang begitu ramai yang terlibat dalam pencurian pasir yang berlaku sekarang berbanding dengan sebelum 2008. Itu bukan soalan sebab sebelum tahun 2008 hal itu tidak diberitakan. Tak ada berita. Menyelam minum air, makan sendiri. Itulah tak berita. Tak ada berita disiarkan. Saya boleh berikan mereka yang terlibat. Sekarang ada berita. Bagus ini ada berita. Sebab mereka yang berkenaan sekarang sudah terputus daripada peluang pendapatan ini. Itu yang sebabnya heboh sekarang.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuduh-tuduh. apa bukti, apa buktinya, jangan cakap.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali bukan peluang kamu, Batang Kali

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Sekarang sudah terputus. Jadi. bererti kita sudah membuka mata, sekurang-kurangnya sekarang kita membuka mata. Ahli Dewan juga membuka mata yang berkata, "oh sekarang, oh tak pernah kena curi...Sekarang dah tahu. Ketua kampung pun buka mata. Ahli JKKK pun buka mata. Buka mata maknanya pasir ini hak rakyat, kenapa tidak dijaga dengan baik?"

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau takut ombak, jangan duduk di tepi pantai. Aaa itu aja. Janganlah menjawab dulu,

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Saya nak betulkan kenyataan

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, nanti dulu, nanti dulu, nanti, kalau Y.A.B Menteri Bsr dah habis nak minta penjelasan, nak minta lagi, jangan belum lagi nak minta, nanti dulu.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Nak minta penjelasan, boleh bagi

**TUAN SPEAKER** : Belum habis.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Dan Yang Berhormat Sungai Burong menyatakan ada kita mengetepikan peranan pegawai-pegawai kerajaan dalam usaha membanteras pencurian pasir. Sekarang pegawai-pegawai kerajaan bersama-sama menyertai kerajaan negeri bekerja kuat siang malam, ada yang menggadaikan risiko mereka cuba untuk menyelesaikan perkara ini supaya akhirnya rakyat dapat hasil daripada ini. Sekurang-kurangnya Ahli Dewan kita berterima kasih tetapi nak tanya kita akan beri, kita boleh beri kenyataan tiap-tiap bulan boleh. Setiausaha Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Akhbar saya, boleh menyatakan di mana tempat kecurian pasir yang berlaku supaya semua rakyat tahu dan kita juga boleh beri nama-nama syarikat yang sudah kita tangkap yang terlibat mencuri pasir. Bukan nama sahaja, Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya, pemilik-pemilik sahamnya kita boleh hebahkan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Tuan Speaker, boleh saya minta penjelasan yang ini.

**TUAN SPEAKER** : Belum lagilah, belum habis. Ini bukan caranya. Saya kena ikut peraturan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Saya nak tanya kenyataan itu...

**TUAN SEPAKER** : Nanti dululah.. Saya kena ikut peraturan. Satu jawab, satu tanya satu jawab.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saya benarkan oleh kerana dia datang dari Sungai Burong, jauh sedikit. Jadi saya beri dia

**TUAN SPEAKER** : Baik, sila ...

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Terima kasih Y.A.B. Menteri Besar atas kebaikannya memberikan pertanyaan. Saya bukan apa, saya nak tanya ni sebab saya begitu *concern* masalah kecurian pasir.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, nanti dulu, saya akan beri peluang tapi memandangkan masa sudah hampir, dah melepasi saya minta soalan ringkas, saya bagi dalam 30 saat habiskan soalan.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : 30 saat, 30 saat baru nak cakap

**TUAN SPEAKER** : lalah, ini bukan ucapan, kalau ucapan saya bagi 30 minit.

**YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Ok, saya nak minta penjelasan, mengapa dalam kenyataan EXCO yang bertanggungjawab, mengatakan dia tak tahu isu kecurian pasir ini dan akan disemak. Kalau pemantauan dibuat, tiap-tiap bulan tentu boleh kesan berlaku kecurian pasir. Kedua saya nak minta supaya pastikan ada "*Sense of urgency*" dengan izin dalam tindakan supaya jangan sampai diberitahu dan korek 60 kaki ke bawah, lebih dua hektar pasir dah dicuri dan 200 tan pasir telah dikeluarkan tiada siapa tahu pun baru nak semak.

**TUAN SPEAKER** : Ok baik, terima kasih. Silakan Y.A.B. juga minta ringkaskan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih. Kita bukan semak lagi. Kita sudah dapat tahu setiap masa saudara. Dahulu saudara beri orang curi pasir, sekarang mula nak jadi tauke pasir pula. Kita boleh selesaikan. Jadi, pada saya ini satu petanda yang sangat baik dalam pengurusan supaya semua orang sensitif tentang usaha untuk menentukan semua perlombongan pasir dapat dikawal. Tujuan kita serupa macam saudara, KPI kita sudah ada. Sekarang kita keupayaan kita. Dan saudara saya sudah beritahu. Sebelumnya ini, sebelum 2008 perkara ini bukan perkara yang penting. Sekarang saudara kata "*The Agency*" sebab Kerajaan Negeri kehilangan berjuta-juta ringgit hasil daripada perkara ini. Ini satu pengajaran baharu, untuk Barisan Nasional. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Waktu pertanyaan telah tamat.

## **V. RANG UNDANG-UNDANG**

### **Enakmen Pengawalan Penternakan Babi (Pindaan) 2010 (semua peringkat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang Pengawalan Penternakan Babi Pindaan 2010 semua peringkat.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Tuan Speaker, mohon laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Untuk apa.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Peraturan 35.1

**TUAN SPEAKER** : 35.(1)

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : 35 ( 1)

**TUAN SPEAKER** : Ya ada apa ni.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Sebelum kita ke agenda lain, saya mohon penjelasan Tuan Speaker kerana saya ada menghantar untuk usul khas kepada permasalahan pasir ini yang saya anggap begitu meruncing sekali di Selangor tetapi ditolak. Kemudian saya menghantar sekali lagi pada 25 hari bulan dan saya mohon penjelasan mengapa usul yang saya kira bagus diperbincangkan kita bersama dalam dewan yang mulia ini dalam perkara kehilangan wang yang berjuta ringgit hasil kecurian pasir ini di negeri Selangor yang.....

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti dulu Yang Berhormat. 35 .1 adalah tata tertib macam mana nak ucap. 35 mengatakan bahawa seseorang ahli hendak bercakap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila di panggil oleh pengerusi maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada pengerusi. Jadi ucapannya sekarang ini Yang Berhormat bertanya tentang usul.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Ya saya nak bertanya kepada Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Itu tidak berkenaan dengan 35.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : 35.1 saya menghadap Tuan Pengerusi sekarang untuk mempersoalkan mengapa ianya ditolak.

**TUAN SPEAKER** : Tapi jika nak persoalkan, nak soalkan keputusan siapa ni, keputusan pengerusi.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Tapi ini bukan dalam sini peruntukan 35.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Sebelum kita mengalihkan kepada kertas lain saya nak bertanya.

**TUAN SPEAKER** : Bertanya di bawah peraturan mana.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Saya kira bila saya diberi izin untuk bercakap saya tidak mengatakan apa perkara yang saya nak cakap.

**TUAN SPEAKER** : Tak ada Yang Berhormat 35. Peraturan kena faham betul-betul. Peraturan 35, nanti dulu lah. Yang Berhormat. Sila duduk dulu. Bila Speaker cakap ahli kena duduk. Sila duduk. Bila saya bagi peluang berdiri hendak cakap. Sila duduk, baik kena faham. Peraturan 35 mengatakan apabila seseorang ahli itu hendak berucap kena minta izin. Bila speaker membenarkannya kena bangun tapi bila nak minta penjelasan kena rujuk kepada peraturan yang mana. Peraturan 35 tidak menyatakan yang bahawa Yang Berhormat boleh bangkitkan mana-mana isu. Kena bangkitkan di bawah mana.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Soalan yang saya beri ini kepada Speaker, dan Speaker boleh jawab kalau speaker nak jawab.

**TUAN SPEAKER** : Tak. Sekarang nak tanya soal speaker tidak boleh bawah 35. 35 adalah satu peraturan yang umum. Mana-mana ahli yang hendak mengambil bahagian dalam pertanyaan atau dalam perbahasan kena bangun untuk mendapat izin. Itu maksudnya. Tapi nak tanya isu-isu kena rujuk kepada peraturan yang lain. Yang Berhormat tak kaji ini. Pula nak Tanya-tanya. Baik teruskan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Yang Berhormat, saya kira saya bertanya.

**TUAN SPEAKER** : nak bertanya di bawah mana.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Soalan ini soalan yang umum.

**TUAN SPEAKER** : Soalan mana, soalan mesti ada dalam peraturan. Tak ada perkara yang tidak ada diperuntukkan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Yang Berhormat Speaker, kalau nak terima, Tuan Speaker boleh cek di dalam muka surat.

**TUAN SPEAKER** : / ni saya nak Tanya Yang Berhormat nak berucap di bawah peraturan mana.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Saya bercakap peraturan 35 dalam kurungan satu.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat kalau degil dan tak nak faham saya susah. 35 hanya memberikan, memperuntukkan bahawa seseorang ahli yang hendak berucap kena bangun untuk mendapatkan izin. Tapi kalau Yang Berhormat bangkit apa perkara sekali pun semua ada peruntukan. Dalam sini kalau Yang Berhormat tidak tahu jangan tanya. 35 hanya membenarkan Yang Berhormat berdiri dengan izin speaker, itu saja berdiri nak bercakap di bawah mana 36, 36, 45 ke berapa kena rujuk. Kalau tak tahu sila duduk, silakan Yang Berhormat Kota Anggerik. Saya teruskan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Yang Berhormat, kalau saya dah cakap.

**TUAN SPEAKER** : Ya. 34. 1 nanti dulu. Yang Berhormat, jangan terburu. Saya bagi peluang cukup ya. Nanti dulu. Baru pun kena dengar, itulah yang baru, baru nanti kena belajar. Orang tunjuk nak tunjuk ajar tak mahu belajar. Dengar dulu 31. 34 apa tu. Nanti dulu lah Yang Berhormat. Tahu tu orang baru kena dengar. Yang Berhormat, Ya, saya speaker sebab itu saya nak tunjuk ajar. Ya sebab itu saya nak tanya dulu. Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat 34.1 mengatakan, sesuatu usul atau pindaan jika diminta oleh pencadangnya dan jika di izinkan oleh dewan atau jawatankuasa boleh ditarik balik sebelum dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat. Usul atau pindaan yang ditarik balik oleh demikian itu boleh dicadangkan semula tetapi disyaratkan jika usul hendaklah dikeluarkan pemberitahu menurut peraturan-peraturan ini. Adakah Yang Berhormat hendak tarik balik mana-mana usul. Tak menarik itu tidak berkaitan.. Nanti dulu, tak, tak nanti dulu, nanti dulu. Nanti dulu Yang Berhormat, Yang Berhormat, nak tanya di bawah 34.1 tak boleh. Saya minta sekarang ini sebab Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak arif dengan peraturan, kalau ada masalah saya minta Yang Berhormat berhubung dengan Setiausaha Dewan selepas ini supaya kita dapat

tahu apakah masalah sebenarnya dan kita akan bantu yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Yang Berhormat Speaker, persoalannya ditolak atau tak tolak. Itu saja. Yang pertama ditolak,

**TUAN SPEAKER** : Ya, kalau ditolak Yang Berhormat, Kalau usul Yang Berhormat ditolak minta penjelasan ada peraturan, peraturan mana. Ini tolak balik. Dengar dulu saya nak cakap nak jelaskan. Kalau Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan usul Yang Berhormat yang telah pun ditolak, kena ada peraturan di sini, peraturan mana. Kalau peraturan pun tak tahu tak boleh saya bangkitkan. Tak saya benarkan ini. Jadi Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat semak semula nanti bangkitkan dengan cara yang betul saya akan benarkan. Jadi kita akan teruskan urusan dipersilakan Kota Anggerik.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Saya nak tanya Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Saya nak tanya Yang Berhormat Speaker. Oleh kerana tarikh terima telah ada jawablah sama ada ditolak atau tidak. Yang Berhormat perkara yang saya bawa ini Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, saya telah beritahu kalau tak puas hati itu kena rujuk di bawah peraturan. Peraturan mana. Peraturan yang dirujuk oleh Yang Berhormat tidak betul. Yang Berhormat sekarang ini saya telah banyak kali memberikan nasihat dan peringatan kalau Yang Berhormat berdegil saya akan arahkan Yang Berhormat keluar dari dewan ini. Jadi saya minta Yang Berhormat kalau tak puas hati nanti boleh tanya lagi pihak speaker.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Yang Berhormat. Terakhir saya nak tanya Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat saya telah beri peluang, saya telah beri peringatan jangan paksa saya gunakan peraturan untuk mengarahkan Yang Berhormat keluar daripada dewan. Ya saya minta semua ikut peraturan.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Baik Yang Berhormat. Saya nak tanya Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang saya kata kalau nak tanya mana, di bawah peraturan mana. Yang Berhormat kalau tak tahu sudah, sila duduk, pastikan, saya bagi masa untuk Yang Berhormat rujuk balik kepada peraturan tetap. Ya. Setuju duduk, baik setuju duduk. Baik saya minta ya, bukan sekarang, ini sekarang ini sidang dewan. Duduk dulu, dua-dua duduk. Kuang duduk, Kuang duduk. Ini bukan kelas mengajar ADUN baru, ini adalah sidang dewan. Saya dah cakap tadi. Baik sekarang ini disebabkan yang Berhormat, Yang Berhormat saya memerintahkan di bawah peraturan 44 sub 2 disebabkan Yang Berhormat degil dengan itu saya mengarahkan Yang Berhormat Kuang keluar dewan selama satu hari. Bentara sila pastikan Yang Berhormat keluar.

**YB TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Zalim ini hak rakyat.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Kota Anggerik sila teruskan.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya menjalankan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya di luluskan.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk meminda enakmen pengawalan penternakan Babi 1991 di bacakan kali yang pertama.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda enakmen pengawalan penternakan Babi 1991.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Enakmen pengawal penternakan babi 1991 telah diwartakan dan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1998. Walau bagaimana pun enakmen ini hanya dapat dilaksanakan apabila kerajaan negeri mewartakan satu kawasan sebagai satu kawasan penternakan babi. Di bawah enakmen ini juga perlu ada peruntukan tafsiran rumah penyembelihan. Bagi menjalankan aktiviti penyembelihan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau rumah penyembelihan yang di lesenkan di bawah akta rumah penyembelihan penswastaan 1993 akta 507. Menurut peruntukan kuasa yang sedia ada dalam enakmen ini pihak berkuasa Veterinar akan menjalankan siasatan terhadap apa-apa kes yang melanggar mana-mana peruntukan di dalam enakmen ini. Seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas kes-kes tersebut di mahkamah melalui kuasa yang di peruntukan di bawah enakmen 18 enakmen ini. Hukuman ke atas kesalahan-kesalahan di bawah enakmen adalah dalam bentuk denda dan penjara. Tiada peruntukan khas yang membolehkan membuat tawaran kompaun dikenakan ke atas penternak atau pengusaha yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan enakmen ini. Penguatkuasaan enakmen bersama kaedah-kaedah pelesenan babi dapat dilaksanakan dengan adanya pindaan. Enakmen ini, kaedah-kaedah ini dikuatkuasakan bagi tujuan mengawal selia amalan penternakan yang baik GAHP dalam pengawalan penternakan babi di negeri Selangor. Enakmen ini amat perlu bagi membantu Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri menguatkuasakan Undang-undang dan enakmen masing-masing. Pada masa ini terdapat juga beberapa buah negeri lain yang menguatkuasakan enakmen yang serupa bagi tujuan yang sama seperti di Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Perlis, Perak dan Pulau Pinang. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Tafsiran Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Pengarah bererti Pengarah Perkhidmatan Haiwan Selangor yang ditafsirkan dalam enakmen ini. Perkataan veterinar telah diwartakan bagi menggantikan perkataan haiwan dalam pengurusan rasmi jabatan. Oleh yang demikian, pindaan pada tafsiran seksyen dua senarai tafsiran bagi pengarah adalah Pengarah Perkhidmatan Haiwan di pinda kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar dengan menggantikan perkataan haiwan kepada veterinar.

#### Tafsiran Rumah Penyembelihan

(a ) Rumah penyembelihan ertinya rumah penyembelihan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau rumah penyembelihan dilesenkan di bawah akta rumah penyembelihan penswastaan 1993 akta 507. Tafsiran ini perlu di tambah untuk menjelaskan pengendalian rumah sembelih bagi aktiviti penyembelihan yang lebih mengutamakan kesihatan awam. ( c ) Operasi – oleh itu di bawah seksyen dua perlu pertambahan selepas populasi babi betina dewasa di rian bagi rumah penyembelihan. Ertinya rumah penyembelihan yang dikendalikan oleh Jabatan Veterinar atau rumah penyembelihan lesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan Penswastaan 1993 Akta 507;

(d) Kebenaran kuasa pendakwaan mengikut seksyen 377(b) Kanun Tatacara Jenayah, enakmen ini juga yang dibuat pada tahun 1991 berkaitan pemberian kebenaran untuk kuasa menjalankan pendakwaan adalah bercanggah dengan kehendak peruntukan di bawah seksyen 377b, Kanun Tatacara Jenayah yang diperuntukkan hanya Pendakwa Raya sahaja yang boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai yang diberikan kuasa untuk menjalankan pendakwaan, tiada pendakwaan di Mahkamah boleh dibuat bagi apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali dengan izin bertulis Pendakwa Raya di bawah kuasa peruntukan Seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah; (e) Oleh yang demikian, pindaan kepada seksyen 18, perlu dibuat dengan menambah sub-seksyen 1 selepas perkataan enakmen dimasukkan, ini, atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya. Dengan menggantikan sub-seksyen 2 dengan sub-seksyen baru seperti berikut dan dengan memotong seksyen 3, tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan izin bertulis Pendakwa Raya;

#### Mengkompaun kesalahan :-

- a) Sistem mengkompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah enakmen ini memberi peluang kepada pengusaha mengubah kehendak jabatan dalam usaha menjaga kesihatan awam dan mesra alam;
- b) Kompaun yang dicadangkan itu membantu jabatan menyelesaikan kes di peringkat jabatan dengan menilai dan memberi peluang kepada pengusaha untuk menambah baik amalan penternakan dalam industri ini;
- c) Sekiranya kompaun tidak dibayar boleh dituduh di mahkamah dan mempunyai denda khas ke atas kesalahan tertentu, pandangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri akan diambil kira dari sudut faktor masa tenaga dan kos yang memberi kesan positif dalam tindakan yang berkesan;
- d) Oleh yang demikian, maka perlu diwujudkan seksyen 28A bagi kesalahan yang boleh di kompaun:-
  - i) Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah enakmen ini kecuali kesalahan di

bawah seksyen 23 dan 24 dan kesalahan-kesalahan yang boleh di kompaun di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang yang telah melakukan kesalahan itu, untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa sejumlah wang yang tidak melebihi RM5,000 dan tidak kurang kepada RM500 dalam tempoh yang ditetapkan dalam tawaran itu;

- ii) Satu tawaran di bawah sub-seksyen 1 boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika tawaran yang dibuat tidak dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat;
- iii) Jika satu kesalahan telah di kompaun kan di bawah sub-seksyen 1, tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda atau babi yang disita berkaitan dengan kesalahan itu melainkan ia telah dilupuskan dahulu, bolehlah dilepaskan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

Kelulusan pusat-pusat penyembelihan.

- a) Aktiviti penyembelihan adalah satu isu yang berhubung kait dan menimbulkan masalah awam dan alam, kewujudan pusat penyembelihan yang bersesuaian mengikut kawasan operasi penternakan dan juga kawalan pemindahan ternakan hidup yang mendatangkan masalah sosial yang lain.
- b) Perkara kelulusan tertakluk kepada akta rumah penyembelihan penswastaan 1993 Akta 507 bagi mengawal kewujudan pusat penyembelihan yang bersesuaian mengikut kawasan operasi ternakan serta menetapkan piawaian prosedur-prosedur pengurusan veterinar,
- c) Oleh itu, diwujudkan tambahan pada sub-seksyen 30(b) selepas perkara itu perlu termasuk penyediaan rumah penyembelihan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, maka dengan ini saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini di bacakan bagi kali yang Ke-2.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Cadangan ini telah pun disokong, saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, Kajang mohon untuk membahaskan Rang Undang-undang bagi Enakmen Pengawalan Penternakan babi pindaan 2010.

Tuan Speaker, pada pindaan Rang Undang-undang ini, kita dapati disebutkan rumah penyembelihan, rumah penyembelihan ini satu istilah atau kalimah yang ada berkaitan dengan

keagamaan dan juga ada takrifan am, jadi kita nampak kalau ada masalah daripada takrifan yang babi ini memang dari takrifan Islam memang tak boleh di halalkan tidak boleh disembelih untuk dimakan. Adakah? ini dapat kontroversi sekiranya masalah dari segi kalimah ini, dan selain daripada itu Kajang berpendapat kawalan sebegini perlulah diperketatkan dan Rang Undang-undang pindaan ini memanglah adalah amat tepat dan perlu di kemas kini dan Rang Undang-undang ini memanglah selepas pindaan ini memang lebih sempurna.

Antara pindaan yang disebutkan berkaitan dengan kompaun kesalahan jumlah tidak melebihi 5,000 ringgit dan tidak kurang daripada 500 ringgit memang merupakan satu kompaun yang agak terlalu rendah kalau dibandingkan dengan kesalahan sebegini dari segi tempat misalnya tempat untuk penyembelihan yang tidak dapat keizinan, kalau keadaan ini berlaku ataupun sudah berlaku, maka denda yang dilihat ini memang agak rendah, dan mereka di kompaunkan dan mereka tidak endah dan teruskan juga dengan aktiviti penyembelihan ataupun berkaitan, maka ia akan menjadi merugikan dari segi alam sekitar dan gangguan sosial. Dan selain daripada itu kita, Kajang memang menyokong Rang Undang-undang ini dipinda Enakmen ini dipinda dan Rang Undang-undang ini di sokong oleh Kajang dan diterima. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, silakan Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN** : Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Ahli Yang Berhormat sekalian, Meru bangun untuk menyokong pindaan ini, kita perlu ingat bahawa betul di dalam ajaran Islam babi ini adalah satu binatang atau daging nya tidak boleh dimakan, haram dan sebagainya, namun Islam juga menghormati agama-agama yang lain, sebab itu kita tengok pemerintah contohnya pemerintahan Islam di Palestin, selama 12 kurun ataupun 1200 tahun pemerintahan Islam di Palestin tidak pernah terdapat di dalam catatan sejarah mana-mana pemerintah Islam yang memaksa penganut agama lain untuk memeluk agama Islam, contoh, berpegang kepada ayat ***la Ikrahu piddin***, [ tidak ada paksaan dalam agama]

Begitu juga tentang, kita tengok tentang babi itu sendiri, ini kita rujuk kepada apa yang ada Saidina Ali *AlHakku Bilal Nizam* .....ke satu kebenaran tapi tidak ada perancangan tanpa perancangan kata Sayidina Ali pasti akan dikalahkan oleh kebatilan yang dirancang bermakna Islam itu memang menyuruh kita merancang sesuatu yang baik, tadi pun kita dengar tentang kecurian pasir itu, kalau tidak dirancang memang jadi macam-macam, tapi Insya-Allah apabila dirancang itu banyak bendalah yang boleh kita perbetulkan, sambil itu sejarah di mana dikata Kota Mekah, bila kota Mekah dibuka oleh Rasulullah S.W.T. dan sahabat, berlaku satu kekecohan di antara Sayidina Ali merebut kunci daripada Kaum Bani Saibah yang ketika itu belum masuk Islam. Sayidina Ali merebut kunci itu, dan dapat ke tangan Sayidina Ali, tiba-tiba keluar atau pun turun ayat Qur'an [ **Bahasa Arab** ] *Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala memerintahkan kamu untuk menunaikan amanah kepada mereka yang berhak menerimanya dan apabila kamu berhukum di antara manusia hendaklah kamu berhukum secara adil mengikut ayat ini Rasulullah S.W.T. memulangkan balik kunci Kaabah ini yang diambil oleh Sayidina Ali kepada Bani Saibah kerana dia lebih berhak untuk menerimanya, dan selepas itu, selepas bertahun merdeka mereka masuk Islam.*

Jadi apa yang saya nak bagi tahu Insya-Allah walaupun dalam Islam kita tidak babi itu haram dan sebagainya, namun kita ada juga perancangan-perancangan untuk memastikan benda itu terkawal dan juga memastikan benda itu lebih teratur untuk kesedaran semua orang. Insya-Allah. Setakat itu, saya menyokong usul ini Insya-Allah.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, silakan Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Speaker, Kampung Tunku juga ingin berdiri dan mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana akhirnya kita telah dapat membentangkan Rang Undang-undang Pindaan ini dan Enakmen Ternakan Babi yang akan kita bahaskan yang sedang kita bahas sekarang.

Puan Timbalan Speaker, apa yang saya ingin bangkitkan di sini ialah saya masih ingat pada tahun 2008 apabila isu penternakan babi secara berpusat dicadangkan untuk diadakan di *Kampung Tumbok di Kuala Langat*, pihak pembangkang pada masa itu cuba menggunakan isu ini sebagai satu isu politik untuk mendapat *political milage* dan pada masa sekarang apa yang saya lihat ialah penduduk semakin matang sehinggalah Kerajaan Negeri Selangor ini juga ingin menunjukkan hasrat daripada kerajaan untuk membentangkan satu pindaan demi melindungi keadaan semula jadi di mana-mana kawasan yang terlibat dalam penternakan babi ini, khususnya penternakan babi secara berpusat yang bakal dijalankan di Kuala Langat nanti.

Puan Timbalan Speaker, apa yang saya ingin bangkitkan ialah kita harus berbicara dengan hati yang tenang dengan fikiran yang waras dan bukan selalunya kita hendak mencuba menggunakan forum ini untuk mendapatkan *political millage*, saya tidak berbuat begitu saya percaya rakan-rakan saya daripada Pakatan Rakyat juga tidak berbuat begitu, apa yang kita nak lakukan ialah sama ada babi ini haram ke halal, boleh dimakan oleh Muslim atau tidak itu isu lain yang penting sekarang ialah penternakan babi selama ini tidak dikawal dan ianya telah menyebabkan pencemaran alam sekitar yang begitu teruk.

Saya tidak pernah pergi ke Kampung Tumbok, tetapi dari segi gambar-gambar foto yang saya nampak 2 tahun yang lalu keadaan ataupun kepincangan penternakan babi pada masa itu yang mengotorkan sungai, mendatangkan bau-bau busuk adalah amat tidak boleh diteruskan lagi. Saya setuju supaya Undang-undang ini ataupun enakmen ini diperketatkan. Bukan sahaja untuk pertama, menjaga dan melindungi alam sekitar tetapi juga yang kedua, dari segi wang ringgit. Kita perlu mengadakan satu kawasan penternakan babi secara berpusat supaya kualiti daging yang dihasilkan itu boleh dijadikan sebagai satu sumber pendapatan kepada rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor. Saya baru sahaja mencari *terms intensive pig farming* daripada wikipedia. Sama ada wikipedia ini betul ke, tak betul saya tak pasti. Tetapi saya difahamkan daging, pasaran daging babi ini mencecah beberapa bilion ringgit di luar negara. Ini saya kurang pasti sama ada benar ke tidak tetapi ini menunjukkan bahawa pasarannya memang ada dan di sini saya ada satu petikan daripada petikan daripada seorang *blogger* yang amat dikenali ramai iaitu Dr. Mohamad Rafik Khan yang menulis tentang fikirannya di dalam *right to right at word press* yang mengatakan bahawa memang isu ini isu babi ini dahulu kalanya telah sengaja dibesar-besarkan dan dipolitikkan. Seperti apa yang dinyatakan oleh rakan saya dari Meru, memang dalam kita suci Al-Quran tidak dinyatakan langsung tentang pengharaman makanan babi ataupun penternakan babi oleh bukan Muslim. Malahan tulisannya, tulisan oleh Dr. Rafik ini juga mendapati bahawa, bahawa di luar negara, di St. Louise, United State of Amerika yang juga dikenali sebagai *the pork capital of the world*. Di sana terdapat mereka yang menternak babi oleh golongan Muslim bukan untuk makanan mereka sendiri tetapi digunakan untuk menjana keuntungan. Bayangkan ini berlaku di luar negara Muslim di luar negara di Cambodia terdapat Melayu Champa yang merupakan *strong* Muslim. Mereka menternak babi di bawah rumah mereka tetapi mereka tidak makan, tetapi mereka bijak kerana mereka menjual daging babi ini untuk keuntungan. Negara China mempunyai kompilasi yang cukup besar dan ini adalah satu sumber ekonomi yang besar. Boleh dikatakan setiap orang Khans memakan

daging babi. Orang Eropah, orang putih pun makan daging babi. Dan ini juga merupakan satu pasaran yang cukup besar. Bayangkanlah rakan-rakan saya, kalaulah kita Negeri Selangor, Kampung Tumbuk boleh dijadikan satu pusat penternakan babi yang dapat menghasilkan daging babi yang berkualiti tinggi di bawah akta ini oleh kerana kita ada kawalan akta yang lengkap seperti ini. Kita akan menjana pendapatan yang begitu banyak. Dan saya menggesa supaya kepada Kerajaan Negeri, pada masa yang akan datang saya pasti kesatuan Eropah, *Europe Union, European Union*, sudah mempunyai piawaian mereka sendiri tentang penternakan babi. Kalau boleh pada masa depan kita merujuk kepada *standard* mereka dan kita terapkan permintaan ataupun *standard* mereka ke dalam akta ini supaya akta ini akan menjadi lebih lengkap dan bertaraf dunia. Jadi itulah saranan saya. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana telah memulakan langkah pertama yang bijak. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Kampung Tunku. Silakan Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Puan Speaker. Bangi ingin turut membahaskan tentang enakmen penternakan babi, pengawalan penternakan babi. Tapi saya hendak tarifikan satu istilah yang di bawa oleh Kajang tadi. Istilah sembelih ini sebenarnya mempunyai konotasi, makna yang khusus dari segi halal bagi orang Islam. (Ayat Al-Quran). Menyembelih, menyembelih ini ertinya dijadikan halal untuk dimakan. Saya berbincang dengan Kajang, konsep menyembelih babi ini dia tak sembelih tengkuk. Kita dalam Islam untuk menghalalkan kita menyembelih di bahagian tengkuk dan ada bacaannya. Bismillah ke, kalau kita Raya Korban *Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar* baru sembelih. Jadi yang babi ini dia tak ada tempat khusus untuk disembelih kemudian tak ada bacaan-bacaan pun. Jadi ini konotasi yang bercanggah bila kita kata menyembelih babi untuk menghalalkan, halal orang Cinalah. Tapi ertinya seolah-olah memberi makna menghalal bagi orang Islam juga, kalau dari segi istilah itu. So saya ingat kita kena ubah jangan guna sembelih ini. Sembelih pun dia asal perkataan Arab, *zabah*. Agaknya ada sembelih, *zabah*. Saya dok fikir dari segi istilah yang ada dalam bahasa Malaysia kita ialah lapah. Ertinya kita mengguna pisau untuk membedah dia, sama ada hendak kerat lapan ke hendak kerat empat ke macam ayamlah. Ayam kerat enam belas ke dan sebagainya itu lapah. Jadi potong itu lebih umum sangat, kayu pun potong juga. Tapi lapah ini adalah untuk istilah binatang, daging ertinya bagi binatang yang kita potong yang bermakna kerat-kerat daging. Jadi ini saya ingat lebih sesuai digunakan untuk babi. Rumah melapah babi bukan menyembelih. Dia akan membawa konotasi orang Islam pun boleh lepas pada sembelih untuk hendak makan. Tak boleh ya. Yang macam tadi saya kira orang Islam tak boleh dia hendak pelihara babi di bawah dia rumah dia kerana hendak cari untung walaupun dia tak makan ya Puan Pengerusi, walaupun dia tak makan dia berniaga babi jual, untung itu pun haram juga sebab konsep babi itu haram untuk kita guna walaupun kita tak makan. Tetapi *point* saya, istilah lapah lebih tepat. Yang lain-lain kalau itu saya ulang saja, dari segi kebersihan, penyakit JI dan sebagainya. *Point* saya hendak tekan haraplah Pegawai Undang-undang kita fikir balik menggunakan istilah lapah, bukan sembelih. Sembelih untuk orang Islam. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tiada lagi? Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak Kerajaan jika ingin menggulung ataupun memberikan apa-apa penjelasan tentang perkara yang telah dibangkitkan tadi. Silakan.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya tertarik dengan perbahasan-perbahasan yang diberikan yang melambangkan betapa sesungguhnya

Dewan yang mulia ini untuk menguatkuasakan satu enakmen bagi memastikan pengawalan penternakan babi di Negeri Selangor. Untuk makluman, istilah lapah atau sembelih maknanya istilah menggambarkan ialah bagaimana dia dimatikan. Dalam Islam, sembelih, tidak sembelih, babi hukumnya haram. (**Ayat Al-Quran**) 'Janganlah makan daging babi'. Jadi istilah sembelih, tak sembelih bukan maknanya penyembelihan babi itu untuk menghalalkan daging babi sebab kalau jelas 'ainnya haram, sembelih tak sembelih tidak boleh menjadi asas. Contohnya, harimau tak boleh dimakan. Walaupun disembelih, Bangi tak boleh makan ataupun gajah. Dia asasnya haram, disembelih tak disembelih. Jadi Kerajaan Negeri maklum bahawa di Negeri Selangor, telah dapat masyarakat keturunan Cina ataupun India ataupun asli yang bukan Islam yang mana mereka makan daging babi sebagai sumber protein. Oleh itu, Kerajaan Negeri memandangkan ini satu keperluan maka usaha-usaha penternakan babi ini perlu diteruskan. Yang penting ialah pengawalan-pengawalan supaya tindakan-tindakan dapat dilaksanakan bagi mengawal industri ini. Isu utama dalam penternakan babi ialah isu alam sekitar. Ada dua, sama ada pencemaran udara, pencemaran bau atau pencemaran air. Dengan pelaksanaan sistem ini, maka satu sistem boleh dibuat untuk menguatkuasakan. Untuk ketika ini Jabatan Alam Sekitar tidak boleh menguatkuasakan Undang-undang yang ada kerana babi di bawah pertanian. Alam sekitar boleh bertindak di bawah industri tetapi seandainya dizonkan di satu kawasan, maka Jabatan Sekitar atau jabatan-jabatan lain boleh mengawal aktiviti penternakan babi yang ada. Sebagai tambahan Yang Berhormat Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah pun mengambil langkah-langkah awal untuk mengawal pencemaran bau dan pencemaran air dan pendekatan kita berbeza dengan pendekatan Kerajaan Barisan Nasional. Masalah pencemaran ini telah berlaku puluhan tahun tetapi Barisan Nasional tak mampu untuk menyelesaikannya. Mereka hanya melihat keuntungan. Isunya, isu alam sekitar tetapi dia melihat dengan sebuah industri. Untuk permulaan Yang Berhormat Tuan Speaker, Jabatan ini telah menggunakan teknologi E.M, *Effective Microorganisma*, dan E.M ini telah, E.M Teknologi yang sudah lama wujud di dunia sejak tahun 1984. Satu guna E.M ialah boleh digunakan dalam industri ternakan untuk merawat bau busuk kesan daripada industri. Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah dengan persetujuan Kerajaan dan pejabat saya membuat keputusan untuk mengarahkan E.M dalam mengawal pencemaran bau dalam industri ternakan. Beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan Persatuan Penternak Babi di Kuala Langat kerana projek ternakan babi di Selangor akan dijadikan sasaran utama dalam kawalan pencemaran alam sekitar yang disebabkan oleh industri ternakan. Sebagai percubaan, 5 buah ladang telah dipilih untuk dijadikan percubaan penggunaan E.M atas permintaan persatuan penternak. Percubaan telah dimulakan pada penghujung bulan April yang lalu. Pada 16 Jun 2010, beberapa jabatan telah dipelawa melawat projek percubaan ini. Antaranya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, LUAS, SYABAS, Pejabat Daerah Kuala Langat. Kerjasama jabatan berpuas hati dengan hasil percubaan dan meminta kalau boleh semua penternak menggunakan E.M. Komen penternak yang menggunakan E.M, semua sangat berpuas hati atas kesan E.M ke atas penternakan mereka dan hubungan mereka dengan Jabatan Veterinar lebih akrab. Perancangan Jabatan Veterinar ialah untuk membangunkan bengkel E.M dengan kos RM180,000.00. Jadi Yang Berhormat sekalian, langkah-langkah awal telah pun kita buat. Dengan adanya enakmen ini, maka membolehkan kawalan ke atas industri penternakan babi ini dapat diteruskan. Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah **dibacakan kali yang kedua** sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Cadangan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang RANG Undang-undang ini Fasal Demi Fasal.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada RANG Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 2.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Puan Speaker, Kajang.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, silakan....

**YB TUAN LEE KIM SIN** : .....seksyen 2 Fasal 2 tu. Kajang berpendapat yang A no.2, rumah penyembelihan ....istilah rumah penyembelihan ini Kajang berpendapat ianya akan menimbulkan kekeliruan dan bercadang lebih elok digunakan meminjam perkataan "abator". "Abator" ini merangkumi maksud yang lebih luas kerana apa yang kita dapati seperti satu abator yang berada di Rawang yang kini beroperasi di dalam Negeri Selangor. Ianya, namanya digunakan adalah rumah pemotongan dan kita dapati pemotongan pun tidak dapat membayangkan industri penyembelihan atau pemotongan ini kerana sekarang mereka gunakan elektrik untuk mematikan babi. Jadi "abator" merupakan istilah yang boleh kita pinjamkan yang dia lebih merangkumi maksud lebih luas dan ia tidak menimbulkan kekeliruan. Maka Kajang mencadangkan mengesyorkan pindaan dibuat untuk istilah rumah penyembelihan kepada "abator". Sekian, terima kasih.

**YB TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Puan Pengerusi, puan pengerusi.....

**PN. Pengerusi** : Silakan .....

**YB TUAN DR. SHAFIE ABU BAKAR** : Bangi nak membangkitkan kita lebih baik menggunakan istilah Bahasa Malaysia kita. Abator sebenarnya istilah Arab juga, "Bataro".....jadi tukang sembelih "Bator"....itu erti tukang sembelih yang bukan mesti sembelih secara Islam lah...."Abzahu" memang Islam. Mengapa tak nak guna istilah lapah tadi, istilah Bahasa Kebangsaan kita. "Bator" pun dia ambil Bahasa Arab ya....jadi saya cadangkan kita ambil istilah Bahasa Malaysia kita. Itu dipinjam oleh Barat, "Bator" asalnya "Batar" daripada istilah Bahasa Arab. Ambil Bahasa Kebangsaan kita. Saya cadangkanlah. Terima kasih.

**YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI** : YB. Puan Speaker, perkataan penyembelihan yang digunakan bukan secara tersendiri tetapi digunakan untuk Akta Rumah Penyembelihan 1993. Perkataan ini tidak boleh ditukarkan. Akta ini bertujuan mengawal cara penyembelihan dilakukan. Penyembelihan dengan apa cara sekalipun dan ianya perlu dilakukan di tempat yang dilesenkan supaya pengawalan dapat dilakukan. Akta adalah Undang-undang Federal. Jadi tak dapat ditukar, bukan maksud kita sembelih babi tapi untuk tempat penyembelihan dijalankan. Maknanya enakmen ini adalah untuk diselaraskan dengan Undang-undang di Federal. Jadi akta tu dah jelas perkataan sembelihan. Kalau kita nak ikut Akta yang tadi, maka perkataan penyembelihan tetap akan dikekalkan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik Fasa 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasa 3

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik Fasa 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasa 4

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik Fasa 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasa 5

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik Fasa 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Timbalan Speaker, Puan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM** : Puan Pengerusi saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Dewan Bersidang semula.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM** : Puan Timbalan Speaker, saya mohon.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Aaa....minta ahli mesyuarat Kerajaan Negeri tunggu dulu. Baik dipersilakan.....

**YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Puan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANDAM** : Puan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

## ii) **Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2) 2010**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Penternakan Babi pindaan 2010. Rang Undang-undang seterusnya Rang Undang-undang Enakmen Pembekalan Tambahan No 2, 2010.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Puan Timbalan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan menurut Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Puan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan sila kata ya.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT** : Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Cadangan ini dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari kumpulan wang yang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu pada tahun itu dibacakan kali yang pertama.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Puan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Rang Undang-undang ini yang bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang dari kumpulan wang yang disatukan negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Puan Timbalan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberikan kuasa statutori bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan Negeri tahun 2010 yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu usul berjumlah 1,300,000,000.00 telah diluluskan dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor yang diadakan pada 9 November 2009. Berasaskan anggaran perbelanjaan sehingga Disember tahun 2010 terdapat kekurangan sebanyak 117, 000,000.00. Sehubungan dengan itu peruntukan tambahan sebanyak 117,000,000.00 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan ini diperlukan oleh jabatan-jabatan seperti berikut:

B06, caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak 7,000,000.00

B29, Perbendaharaan Negeri, perbelanjaan Am sebanyak 110,000,000.00.

Maksud B06 caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri tambahan sebanyak 7,000,000.00 adalah dikehendaki untuk perbelanjaan bagi P29 Perbendaharaan Negeri iaitu perbelanjaan Am.

Maksud B29, Perbendaharaan Negeri, perbelanjaan Am tambahan sebanyak 110,420,000.00 pemberian dalam negeri adalah dikehendaki untuk perbelanjaan seperti berikut:

- i. Sebanyak 1,000,000.00 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran kepada Alam Flora Sdn Bhd. bagi kerja kutipan sampah dan pembersihan dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kuala Selangor.
- ii. Sebanyak 74,43965.51 untuk membiayai bayaran bil air percuma dan cetakan kupon.
- iii. Sebanyak 15,000,000.00 diperlukan untuk Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi menampung permohonan pinjaman perumahan dari Exco Negeri Selangor dan kakitangan Awam bertaraf tetap di lantikan Kerajaan Negeri Selangor.
- iv. Sebanyak 7,181,154.18 bagi menampung keperluan perbelanjaan negeri untuk Julai sehingga Disember 2010 iaitu 1,166,859.03 di kali enam bulan. Kenaikan penerima bantuan ini adalah sebanyak 22% iaitu sebanyak 1408 keluarga yang menjadikan

jumlah keseluruhan keluarga yang menerima bantuan am sehingga 2010 adalah sebanyak 7,782 keluarga berbanding jumlah asal sebanyak 6, 374 keluarga.

- v. Sebanyak 5,000,000.00 diperlukan bagi membayar sebahagian tunggakan caruman membantu kadar premis kerajaan dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam mulai dari 1981 sehingga Januari 2010 .
- vi. Sebanyak RM7,774,880.31 perlu diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan luar jangka mengurus sehingga Disember 2010.

Puan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan yang diberikan tadi, saya mencadangkan satu enakmen bagi menggunakan wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2010 berjumlah 117,0000.00 dan memperuntukkan wang tersebut untuk bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Puan Speaker, saya menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong, saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : *Bismillahi rahmani rahim, assalamualaikum warahmahtulahi wabarakatu* dan salam sejahtera. Puan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan rakan-rakan. Sebarang usaha untuk mendapatkan perbelanjaan tambahan wajar diasaskan kepada prinsip urus tadbir kewangan yang baik dan tidak semata-mata kerana kita mampu berbelanja. Pagi ini Dewan akan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010 yang memerlukan peruntukan wang sejumlah 117 juta ringgit daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi menampung perbelanjaan tambahan perkhidmatan 2010 seperti yang telah diperincikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebentar tadi. Ini adalah perbekalan tambahan kedua dalam tahun ini. Tambahan pertama telah pun diluluskan oleh Dewan ini dalam sesi bulan April yang lalu dengan peruntukan tambahan sejumlah 69 juta ringgit. Anggaran perbelanjaan 2010 telah membengkak dari 1.3 bilion ringgit kepada 1.49 bilion ringgit. Persoalannya adakah ini amalan urus tadbir kewangan yang berhemah. Hujah yang diutarakan kepada kita untuk mengabsahkan perbelanjaan tambahan ini adalah kerana kutipan hasil dan pendapatan negeri sudah melonjak ke paras 1.5 bilion ringgit makanya kita boleh berbelanja lebih. Tidak cukup untuk melayakkan kita bergelar pengurus kewangan yang baik. Saya terpanggil untuk merenung ayat 46 – 48 surah Yusuf yang memberikan peringatan keras bahawa 7 tahun yang makmur akan disusuli dengan 7 tahun yang gersang. Dalam pembentangan bajet 2009, Kerajaan Negeri mensasarkan pendapatan sebanyak 1.41 bilion ringgit. Adakah sasaran ini sudah berjaya dicapai? Saya juga ingin mendapatkan jawapan daripada Kerajaan Negeri mengenai trend simpanan atau *reserve* Kerajaan Negeri? Apakah meningkat atau mengucup? Sekiranya pendapatan Negeri bertambah. Dewan ingin dimaklumkan berapa peratuskah yang diperuntukkan untuk dimasukkan dalam simpanan. Memang benar, pengurusan ekonomi dan kewangan membenarkan perbelanjaan tambahan justeru unjuran yang dibuat tidak semestinya menepati keperluan ekonomi semasa yang mungkin mendesak atau apa yang disebut sebagai perbelanjaan am atau luar jangka. Dewan ini telah pun mengambil kira perbelanjaan am atau luar jangka sejumlah 57 juta ringgit dalam bajet 2010. Saya ingin tahu apakah kedudukan peruntukan luar jangka ini sehingga 30 Jun 2010? Sekiranya peruntukan luar jangka ini diurus dengan berhemah dan tidak berlaku pembaziran Dewan ini tidak perlu memohon peruntukan

perbelanjaan tambahan sehingga mencecah 117 juta ringgit. Sebagai contoh, kalau peruntukan luar jangka ini dapat diuruskan dengan berhemah dan tidak berlaku pembaziran yang digunakan mungkin di antara 10 hingga 20 juta ringgit sahaja maka peruntukan tambahan yang dipohon pada pagi ini dapat dikurangkan dan Kerajaan Negeri dapat menyelamatkan wang rakyat. Kita tidak boleh berterusan datang ke Dewan ini untuk memohon peruntukan perbekalan tambahan dalam setiap persidangan. Dalam enam bulan yang pertama sahaja Dewan ini diminta meluluskan perbekalan tambahan sebanyak 186 juta ringgit. Saya bimbang, sekiranya amalan ini diteruskan negeri akan menanggung bajet defisit dan bukan lagi bajet berimbang.

Punca pupusnya peruntukan luar jangka 2010 sebanyak 57 juta ringgit ialah Kerajaan Negeri tidak merancang dan mengawal perbelanjaan. Amalan boros ini mesti dihentikan serta-merta. Perbelanjaan oleh STANCO perlu berhemah bagi mengurangkan penggunaan peruntukan luar jangka Kerajaan Negeri dan merancang perbelanjaan hanya untuk perkara-perkara yang telah dibajetkan. Pengalaman saya di Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri memperlihatkan satu sistem yang cukup telus yang mana kertas jemaah menteri oleh mana-mana kementerian mestilah dikemukakan dua minggu sebelum mesyuarat jemaah menteri untuk membolehkan jabatan-jabatan penting memberikan ulasan termasuk Bank Negara, Unit Perancang Ekonomi dan juga Jabatan Peguam Negara. Kertas sampingan tidak dilayan sama sekali. Kertas jemaah menteri yang dihantar lewat dan tiada ulasan dari jabatan-jabatan tidak akan dipertimbangkan oleh jemaah menteri. Ini adalah amalan urus tadbir yang baik dan perlu dipegang oleh Kerajaan Negeri khususnya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari Kerajaan Negeri, apakah Kertas EXCO yang dibentangkan tanpa ulasan dari Unit Perancang Ekonomi Negeri atau UPEN atau Perbendaharaan Negeri atau yang melibatkan bahagian perjawatan boleh diterima dalam Mesyuarat EXCO. Dewan ini juga menuntut penjelasan perbelanjaan luar jangka yang telah pupus dalam tempoh suku tahun yang kedua. Saya difahamkan Kerajaan Negeri mengeluarkan perbelanjaan yang melampau dalam majlis-majlis keraian sehingga mencecah angka hampir setengah juta ringgit bagi satu majlis perasmian. Ini lah akibatnya apabila ulasan dari jabatan tidak diperolehi terlebih dahulu sebelum kertas ini di bawa ke Mesyuarat EXCO. Amalan boros dan membazir seperti ini mesti dihentikan segera untuk menjimatkan peruntukan luar jangka Kerajaan Negeri. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan dari Kerajaan Negeri apakah benar amalan hari ini lebih cenderung kepada pelantikan juru perunding majlis atau *event management companies* dan bukan lagi menggunakan perkhidmatan PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah untuk menjayakan majlis-majlis anjuran Kerajaan Negeri. Saya ingin mengetahui, siapakah syarikat yang dilantik untuk menguruskan majlis-majlis Kerajaan Negeri dan berapakah jumlah yang dibayar kepada setiap syarikat.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh isu *reserve* atau simpanan Kerajaan Negeri yang dikhuatiri mulai merosot. Saya difahamkan simpanan akaun tunai Kerajaan Negeri berjumlah 800 juta ringgit telah menurun sedikit manakala nilai aset tetap Kerajaan Negeri pula mencatatkan 700 juta ringgit. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengenal pasti aset-aset dalam bentuk bangunan untuk dijana bagi mendapatkan hasil atau pulangan kepada Kerajaan Negeri. Kaedah *Reit* atau *Real Estate Investment Trust* boleh meningkatkan nilai kepada aset-aset Kerajaan Negeri di mana Kerajaan Negeri boleh mendapat pulangan di dalam bentuk tunai dan juga unit-unit saham di dalam *Reit*. Kerajaan Negeri juga akan memperolehi dividen yang biasanya akan dibayar sebanyak 4 kali setahun dan dividen yang diterima akan diberikan pelepasan cukai. Kerajaan Negeri juga masih memiliki secara tidak langsung aset-aset yang dimasukkan dalam *writ*. Kaedah *writ* ini sedang diteliti oleh PKNS dan Kerajaan Negeri boleh bersama-sama dalam usaha ini dan melihat keperluan untuk menegakkan Badan-badan Berkanun seperti PKNS dan juga anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk

segera mengambil peluang ini. Kelembapan ekonomi yang melanda Eropah dan Amerika Syarikat menuntut Kerajaan Negeri untuk bersiap sedia dengan pelan pembangunan fizikal dan kewangan yang akan memastikan rakyat negeri ini mampu mendepani kemungkinan tersebut. Kerajaan Negeri juga perlu menghadapi kemungkinan situasi *double deep recessions* dengan menghentikan amalan perbelanjaan yang tidak berhemah dan mengukuhkan kadar simpanan. Dalam pembentangan bajet 2009 Kerajaan Negeri telah mengambil ketetapan bahawa ketua-ketua eksekutif syarikat milik Kerajaan Negeri atau GLC yang tidak dapat mengaut kembali kerugian akibat penyelewengan dan salah guna kuasa di bawah pentadbiran yang lama menghadapi kemungkinan di pecat. Kerajaan Negeri harus menjelaskan kepada Dewan ini mengenai kedudukan kewangan kesemua syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri serta prestasi ketua-ketua eksekutif, namun pada masa yang sama Kerajaan Negeri juga perlu mengiktiraf sumbangan dan prestasi pengurusan baru yang cekap dan baik dan telah berjaya melonjakkan pendapatan syarikat dan sekali gus meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri. Adalah tidak keterlaluan jika saya mengesahkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pengurusan baru PKNS dan juga PNSB telah menguruskan dengan cekap dan baik dan membantu meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri. (tebuk meja)

Puan Speaker, Dewan ini telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai usaha Kerajaan Negeri untuk merealisasikan hutang Talam Corporation melalui kaedah *round tripping*. Sasaran Kerajaan ialah untuk mengutip 400 juta ringgit. Pinjaman bank yang dibuat oleh SIC dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri yang kemudiannya melaburkan semula ke dalam MBI untuk mencapai matlamat merealisasikan hutang Talam Corporation dalam akaun Kerajaan Negeri. Saya ingin mengetahui sejauh mana kejayaan usaha Kerajaan Negeri untuk mengutip hutang dari Talam Corporation. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mewajibkan Talam Corporation untuk mengambil tanggungjawab bersama mencari pembeli-pembeli untuk membeli hartanah-hartanah Talam Corporation pada harga pasaran semasa dan tidak hanya membebaskan Kerajaan Negeri atau anak-anak syarikat Kerajaan Negeri sahaja untuk membeli hartanah-hartanah yang berkenaan. Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa kutipan hutan yang pertama berjumlah 50 juta ringgit akan dimanfaatkan untuk skim mikro kredit bagi kepentingan peniaga-peniaga kecil di kalangan rakyat Negeri Selangor. Skim ini telah diumumkan 4 bulan yang lalu namun pelaksanaannya masih kekal di atas kertas. Saya ingin bertanya apakah status skim mikro kredit ini? Masih kekal sebagai mikro kredit atau sudah berubah menjadi mikro debit. Saya menuntut supaya pelaksanaannya dapat disegerakan. Saya difahamkan bahawa pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia baru sahaja meluluskan nama skim ini namun apakah ini cara bekerja dan bertindak oleh sebuah kerajaan yang berpegang kepada prinsip reformasi dan ketelusan serta amalan urus tadbir yang cekap. Saya tidak mahu Kerajaan Negeri mengikuti langkah dan amalan Kerajaan Persekutuan di mana setiap kali diwujudkan tabung atau dana untuk program rakyat maka terbentuklah satu lagi jabatan dengan pengurusan baru, perjawatan baru dan pejabat baru. Peruntukan yang sepatutnya sampai kepada rakyat akan menguncup kerana kos operasi yang membesar termasuk elaun pengarah dan pengurusan, ubah suai pejabat dan perbagai kemudahan lain. Inilah amalan birokrasi dan pembaziran yang perlu dihentikan oleh Kerajaan Negeri. Saya menggesa agar skim mikro kredit ini dilaksanakan dalam bulan ini juga dengan melantik bank pilihan Kerajaan Negeri untuk menguruskan dana yang kemudiannya menyalurkan peruntukan ini terus kepada pejabat-pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Selangor supaya kemudahan ini dapat dinikmati oleh rakyat dengan mudah dan cepat. Kerajaan Negeri harus memberikan kepercayaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang cukup terlatih dan mempunyai keupayaan untuk menjayakan program ini. Saya ingin mencadangkan supaya Unit Perancang Ekonomi Negeri diberikan tanggungjawab untuk menyelia program ini tanpa perlu diwujudkan lagi jabatan baru dengan birokrasi tambahan. Kerajaan Negeri hanya perlu menetapkan mekanisme penyaluran skim ini tetapi kita menggunakan jentera pentadbiran yang sedia ada untuk melaksanakan

tanggungjawab ini. Kerajaan Negeri telah pun berjaya melaksanakan program skim mesra usia emas tanpa kerehah birokrasi tambahan. Penjimatan melalui ketegasan Kerajaan Negeri ini pastinya dapat mengurangkan perbelanjaan luar jangka dan akhirnya dapat mengurangkan peruntukan perbekalan tambahan yang terlalu kerap dipohon oleh Kerajaan Negeri. Boleh saya sambung petang.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER** : Jam telah menunjukkan 1.03 minit. Saya mencadangkan Bukit Antarabangsa sambung selepas kita berehat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan itu saya menangguhkan Dewan ini hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.03 minit petang)**

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER** : Perbahasan disambung semula.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker izinkan saya menyambung perbahasan saya pada pagi ini dan saya ingin menyentuh perkara seterusnya iaitu berhubung program air percuma yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat hampir dua tahun yang lalu. Dalam mukadimah saya pada pagi tadi saya telah menyentuh persoalan penyusutan simpanan wang tunai Kerajaan Negeri yang difahamkan akibat pinjaman mudah yang diberikan kepada KDEB untuk menampung kos program air percuma yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri untuk semua rakyat Negeri Selangor. Dewan ini difahamkan sebelum ini bahawa Kerajaan Negeri tidak akan menanggung beban kos untuk memberikan air percuma dua puluh qubitmeter kepada setiap pengguna di Negeri Selangor. Keputusan Kerajaan Negeri ini adalah berasaskan kepada prinsip keuntungan yang diperolehi oleh KDEB melalui pemilikan saham KPS dalam Syabas sebanyak lima belas peratus, SPLASH tiga puluh peratus dan ABBAS seratus peratus. Perlulah dikembalikan semula kepada rakyat Selangor melalui program pemberian air percuma dua puluh qubitmeter. Satu dasar yang cukup jelas untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat sebab itu saya kurang faham mengapa Timbalan Perdana Menteri hari ini melatah dan cuba menyerang Selangor dan saya akan menggunakan forum pada petang ini untuk menangkis dakwaan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi oleh KDEB dalam tahun 2008 dan 2009 melalui pemilikan saham dalam syarikat-syarikat konsesi air Selangor. Kedua mengapa Kerajaan Negeri memberikan pinjaman mudah kepada KDEB sedangkan KDEB adalah anak Syarikat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam urusan air Selangor. Yang ketiga Apakah KDEB telah membayar balik pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan jika sudah dibayar, apakah jumlah yang sudah dibayar balik kepada Kerajaan Negeri. Persoalan seterusnya ialah sekiranya Kerajaan Negeri yang mengeluarkan pinjaman kepada KDEB untuk menjayakan program air percuma untuk rakyat Selangor. Mengapa cop di atas bil yang tertera adalah nama KDEB dan bukan Kerajaan Negeri Selangor. Sedangkan Kerajaan Negeri telah membelanjakan dua ratus enam puluh sembilan juta ringgit untuk memberikan kemudahan ini tetapi tidak diberikan penghargaan melalui mekanisme yang sedia ada. Perbekalan tambahan mencatatkan sejumlah tujuh puluh empat juta ringgit untuk meneruskan program air percuma termasuk sembilan belas juta untuk rakyat miskin dan berpendapatan rendah yang tinggal di rumah awam kos rendah ataupun RKR. Manakala bukan untuk RKR mencatatkan tujuh juta ringgit dan Kerajaan Negeri juga ingin memohon tambahan sejumlah empat puluh lapan juta ringgit atau dua belas juta ringgit sebulan untuk empat bulan lagi sehingga Disember 2010. Seperti yang saya nyatakan tadi semenjak program air percuma ini dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Dewan telah meluluskan peruntukan perbelanjaan sebanyak dua ratus enam puluh juta ringgit. Malangnya yang mendapat faedah daripada program ini bukan golongan miskin bukan berpendapatan rendah kerana masalah birokrasi yang melampau sehingga menggagalkan program ini untuk pemilik dan penghuni rumah-rumah pangsa di Negeri Selangor. Namun hari ini Alhamdulillah Kerajaan Negeri telah memulakan langkah yang lebih proaktif dengan mengeluarkan kupon untuk mendapatkan air percuma bagi penduduk-penduduk pangsapuri kos rendah. Cuma harapan saya program ini akan meliputi kesemua pangsapuri kos rendah dalam Negeri Selangor tanpa perlu menunggu pilot projek yang dicadangkan. Yang terhormat Tuan Speaker dalam sesi yang lepas Dewan telah meluluskan perbekalan tambahan untuk tujuan yang sama berjumlah enam puluh sembilan juta ringgit dengan harapan masalah air ini boleh diselesaikan sebelum bulan

September 2010. Namun hari ini Dewan memohon lagi peruntukan tambahan bagi meneruskan program untuk kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Persoalan saya ialah apakah status penstrukturan air Selangor dengan Kerajaan Persekutuan. Apakah status cadangan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih syarikat-syarikat konsesi air di Negeri Selangor. Saya difahamkan juga Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari jalan penyelesaian tetapi masih ada pihak yang cuba menggagalkan usaha murni ini. Justeru itu dalam Dewan pada petang ini saya ingin mendesak Kerajaan Negeri supaya sudah tiba masa dan ketikanya untuk Kerajaan Negeri mendedahkan semua dokumen dan surat menyurat dengan Kerajaan Persekutuan bagi menjustifikasikan keperluan perbekalan tambahan ini ekoran kedegilan Kerajaan Persekutuan yang mengamalkan dasar *clip flour* termasuk penstrukturan semula industri air di Negeri Selangor. Media hari ini melaporkan kenyataan Timbalan Perdana Menteri yang antara lain menyebut situasi air di Negeri Selangor kritikal dan Selangor akan menghadapi krisis air kalau kita merujuk kepada akhbar The Star dalam muka surat empat tajuk besarnya DPM Selangor *highing for water* krisis. Tan Sri Muhyiddin menuduh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tidak tahu mengurus Kerajaan Negeri dan mendakwa Kerajaan Negeri Selangor mengalami defisit yang besar. Bagi saya ini adalah tuduhan yang jahat dan bersifat malafidit. Pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor adalah untuk mempertahankan hak setiap rakyat di Negeri Selangor. Berbeza pendekatan yang diambil oleh pemimpin UMNO termasuk Muhyiddin Yassin yang hanya mempertahankan kroni-kroni mereka termasuk Syabas yang sedang menghadapi masalah kewangan yang serius dan Syabas juga terlibat secara langsung dalam kempen pilihan raya kecil Hulu Selangor baru-baru ini secara terbuka dan terang-terangan. Namun apa yang hendak saya rakamkan dalam Dewan ini Tan Sri Muhyiddin Yassin perlu belajar daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentang pengurusan kewangan yang telus dan berhemah demi kesejahteraan rakyat. Walaupun Kerajaan Negeri memperuntukkan seratus dua puluh juta ringgit setahun untuk program air percuma tetapi Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar masih berjaya dan berupaya mengurus bajet berimbang selama tiga tahun berturut-turut.

**TUAN SPEAKER** : Yang terhormat tunggu sebentar. Ya Yang Berhormat Sri Muda ada soalan ya.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI B. SHAFIEI** : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker ini Bukit Antarabangsa ada menyebutkan yang Timbalan Perdana Menteri harus belajar daripada Dato' Menteri Besar Selangor. Jadi pembelajaran macam mana yang perlu kita ajar kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin ini. Saya nak penjelasan lengkap dan panjang lebar. Terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya kira saya setuju dengan sahabat Sri Muda kita perlu adakan satu kelas khas untuk Najib, Muhyiddin mungkin Rosmah kalau perlu dan beberapa pemimpin UMNO kerana serangan yang dibuat ini melampau. Jangan kita

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker. Yang Berhormat

**TUAN SPEAKER:** Ya teruskan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya nak bertanya adakah kita boleh ambil contoh daripada kelas yang dibuat oleh Tuan Speaker pada waktu makan tengah hari tadi.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya setuju sebenarnya Seri Setia merujuk kepada pergolakan yang berlaku pagi tadi kerana beberapa sahabat-sahabat saya kurang

faham tentang peraturan mesyuarat Jadi Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tuan Speaker telah mengajak mereka untuk berbincang dan ini hebatnya Pakatan Rakyat, kita boleh duduk berbincang berunding demi kemakmuran dan kemuliaan Dewan ini. Berbalik kepada Sri Muda tadi saya tidak lupa kelas ini memang wajib diadakan sebab bagi saya Muhyiddin tidak ada kredibiliti untuk bicara soal pengurusan kewangan khususnya air kerana terbukti semasa beliau menjadi Menteri Besar Negeri Johor ini kawan-kawan UMNO perlu tahu bertahun-tahun jadi Menteri Besar Negeri Johor akhirnya kesan pentadbiran Muhyiddin di Negeri Johor hari ini Negeri Johor merupakan negeri yang paling tinggi kadar taraf airnya di seluruh Negara sehingga membebankan rakyat Negeri Johor. Jadi tidak ada sebab Muhyiddin boleh berbincang atau pun menyerang Kerajaan Negeri Selangor kerana di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam tempoh dua tahun kita telah berjaya merakyatkan ekonomi Negeri Selangor termasuk memberikan air percuma kepada rakyat Negeri Selangor. Ini kenyataan yang tidak boleh dipadamkan dan tidak boleh dinafikan. Justeru itu Muhyiddin bertanggungjawab kalau boleh kita adakan debat terbuka di Shah Alam untuk menjawab persoalan rakyat mengapa Kerajaan UMNO, Barisan Nasional di peringkat pusat dan juga negeri sebelum ini sebelum Mac 2008 telah bersetuju menandatangani perjanjian konsesi air dengan Syabas dan membenarkan taraf takrif air melonjak naik tiga puluh tujuh peratus ini dalam perjanjian dan Muhyiddin tidak boleh padamkan fakta ini sebagai Timbalan.... Perdana Menteri beliau bertanggungjawab bagaimana Kerajaan UMNO bersekongkol dengan Syabas menandatangani satu Perjanjian Konsesi Air dan membenarkan syarikat konsesi untuk menaikkan taraf tarif air ini kepada 37% dalam 2008. Kejam atau tidak. Zalim atau tidak. Ini sebahagian daripada kelas pada petang ini dan tambahan 25% 2011 dan 15% untuk 2014 dan 10% untuk setiap 3 tahun berikutnya. Alhamdulillah Pakatan Rakyat diberi amanah pada tahun 2008 kalau tidak diberi amanah ini percayalah rakyat Negeri Selangor pada tahun 2008 di bawah pentadbiran Sg. Panjang tarif air akan naik 37%. Tahun 2011 naik lagi 25% dan 2014 15%. Alhamdulillah Y.A.B. Menteri Besar dari Ijok yang diberi amanah sebagai Menteri Besar perkara pertama dilakukan Cuma menghalang syarikat-syarikat kroni ini dari terus membebankan rakyat Negeri Selangor. Maka pada petang ini bolehlah kita isytiharkan bahawa yang mengkhianati rakyat yang menekan rakyat adalah pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional termasuk Muhyiddin Yassin. Yang kedua Tan Sri Muhyiddin Yassin juga bertanggungjawab untuk menjelaskan mengapa Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman mudah tanpa faedah berjumlah RM320 juta untuk tempoh 20 tahun yang akhirnya akan membebankan kerajaan dengan bayaran faedah kepada Bank dan pemegang Bon dengan jumlah RM420 juta. Untuk membayar pinjaman inilah syarikat-syarikat konsesi air termasuk Syabas dibenarkan oleh pemimpin UMNO dibenarkan Kerajaan Persekutuan menaikkan taraf tarif air sehingga mencecah 37%. Maka siapa pengkhianat yang sebenarnya dalam negara kita kalau bukan UMNO dan Barisan Nasional?. Jelas Kerajaan Persekutuan bermotifkan politik yang jahat untuk menghukum rakyat Negeri Selangor dan meneruskan agenda untuk memunggang kekayaan dan khazanah negeri bagi kepentingan kroni-kroni mereka. Seperti yang saya nyatakan tadi kepimpinan Muhyiddin selaku Menteri Besar Negeri Johor telah meninggalkan padah yang besar kepada rakyat Negeri Johor dengan kadar tarif air yang tertinggi dalam negara. Namun *insya-Allah* Y.A.B Dato Menteri Besar saya yakin rakyat Negeri Selangor tidak mudah dibeli oleh UMNO dan Barisan Nasional. Perdana Menteri cuma merampas Kerajaan Negeri Selangor yang dipilih secara *demokratik* tetapi alhamdulillah sehingga petang ini kita boleh bertahan malahlah semakin kuat untuk bangun dari kezaliman dan kemungkaran UMNO. Ada agenda mereka untuk mengheret beberapa kepimpinan kita menghukum mereka melalui SPRM dan institusi lain baru-baru ini. Saya mewakili kelab penyokong-penyokong kerajaan akan mempertahankan teman-teman kita habis-habisan tentang kezaliman UMNO dan Barisan Nasional. Y.B. Tuan Speaker kerajaan juga memohon kelulusan pembekalan tambahan untuk pembangunan sejumlah RM7 juta. Bagi 2010 untuk pembinaan jalan masuk keluar Jalan Bukit Beruntung yang menelan kos keseluruhannya RM20

juta. Namun untuk maksud pada tahun ini Kerajaan Negeri memerlukan RM7 juta bagi Fasa 1. Saya difahamkan jalan ini sepatutnya dibina oleh Talam Corperation yang sekali lagi gagal menyempurnakan tanggungjawab dan mengkhianati pembeli-pembeli rumah di Bukit Beruntung masalah CF telah berlarutan terlalu lama akibat kegagalan menyiapkan jalan ini. Namun Y.A.B Dato Menteri Besar demi menjaga kepentingan rakyat telah bersetuju untuk membina jalan ini dan akan menuntut semula daripada Talam Corperation. Namun pengalaman pahit kita dengan Talam Corperation harus menjadi pengajaran kepada semua. Saya ingin menegaskan dan untuk memastikan Talam Corperation membayar balik kepada Kerajaan Negeri kos pembinaan jalan ini. Saya menggesa Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya bertegas dengan Talam Corperation termasuk kemungkinan untuk kontra dengan aset dan hal tanah yang dipegang oleh Kerajaan Negeri. Namun saya merasa sedikit dukacita kerana tidak melihat dalam peruntukan pembekalan tambahan ini sebarang usaha untuk menurap jalan-jalan di seluruh kawasan pentadbiran PBT dan masalah kutipan sampah yang menghantui rakyat Negeri Selangor. Saya tidak akan berhujah dalam perkara ini kerana saya telah mengambil masa yang agar lama dalam sesi yang lepas untuk maksud yang sama, Cuma pada petang ini saya sekali lagi merayu dan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melihat permasalahan ini secara serius termasuk PBT yang mempunyai simpanan yang besar supaya sudilah apa kiranya mencairkan sebahagian daripada aset-aset mereka dan simpanan tetap mereka untuk menangani masalah ini. Y.B. Tuan Speaker sehingga 12/2009 sebanyak 141 projek terbengkalai yang terpaksa diwarisi oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat ekoran kecuaiannya Kerajaan UMNO yang terdahulu. Projek ini melibatkan 10 unit rumah kediaman dan memerlukan RM5 bilion untuk dipulihkan. Justeru itu kediaman terbengkalai harus dipulihkan secara serius menerusi langkah yang lebih proaktif dan tidak dibelenggu dengan birokrasi. Ketidakpuasan hati rakyat menuntut Kerajaan Negeri bertindak segera menubuhkan *One Stop Sentra* bagi menyelaraskan kelulusan dengan syarat yang ketat kenakan terhadap pemaju-pemaju untuk menyiapkan projek-projek tersebut. Saya juga mencadangkan satu sekretariat dibentuk untuk menyalurkan *setfan* oleh Kerajaan Negeri yang berjumlah RM5 juta kepada pemaju yang terpilih melalui proses yang tulus dan juga berperanan sekretariat ini berperanan memantau dan memastikan komitmen ini dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat. Saya juga mengharap agar terma rujukan Lembaga Hal Tanah Selangor diperluaskan, diteliti dan dikaji untuk diberikan kepada bidang kuasa bagi sebarang tindakan yang proaktif termasuk mendapat nasihat daripada pihak-pihak yang berkaitan bagi tujuan penyelarasan perbincangan dengan kesemua *sitkod*es untuk mencapai persetujuan. Akhirnya Y.B. Tuan Speaker saya ingin mengambil perhatian Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa sebarang perjanjian atau konsesi dengan mana-mana pihak akan memberikan pulangan yang sewajarnya melalui prinsip *value of money*. Monopoli yang bertujuan mengaut kekayaan negeri dan berlegar di kalangan satu dua kerat adalah sistem lama sudah lapuk bagi meneruskan sistem .....saya secara khusus ingin merujuk kepada 2 syarikat konsesi yang dianugerahkan projek penswastaaan penyeragaman sistem kutipan letak kereta. Swasta In Sdn. Bhd. Dan Syarikat Parking Sdn. Bhd adalah 2 buah syarikat konsesi yang melaksanakan sistem kutipan hasil tempat letak kereta untuk tempoh konsesi selama 20 tahun dengan PBT. Saya difahamkan syarikat-syarikat konsesi ini cukup berkuasa sehingga berani untuk tidak membuat sebarang pembayaran sewa tempat letak kereta di PBT. Sebagai contoh tunggakan *swasta in* kepada Majlis Perbandaran Klang sudah mencecah RM1.1 juta. Tunggakan kepada Majlis Perbandaran Selayang berjumlah RM1.3 juta. MPAJ sudah mencecah hampir RM400 ribu dan Majlis Perbandaran Kajang berjumlah hampir RM135 ribu. Mana kala Syarikat Global gagal melunaskan tunggakan kepada MPPJ berjumlah RM1.8 juta. Saya melihat siapakah di belakang syarikat-syarikat ini dan di antara nama yang paling ketara di dalam *Syarikat Swasta Infit* ialah Tan Sri Dato' Dr. Razali bin Ismail. Sekali lagi orang yang sama diberi konsesi air berbilion ringgit, orang yang sama memungguh khazanah negeri dengan dianugerahkan projek penswastaaan penyeragaman sistem kutipan letak kereta. Sebab itulah dengan angkuh dan

sombong syarikat-syarikat ini enggan untuk membayar kepada PBT-PBT dan saya merayu kepada Kerajaan Negeri supaya lebih tegas terhadap mereka mengambil tindakan segera menyelamatkan PBT-PBT kita daripada terus dinodai dari syarikat-syarikat kroni Barisan Nasional ini. Kegagalan PBT mendapatkan pembayaran balik kutipan kompaun dan juga hasil tempat letak kereta ini pasti akan menjejaskan kemampuan PBT untuk meningkatkan sistem perkhidmatan dan akan membebankan rakyat. Perjanjian Syarikat Konsesi juga kalau diteliti daripada dokumen yang saya peroleh amat berat sebelah. Sebagai contoh MPAJ hanya mendapat 30%. Mana kala syarikat-syarikat konsesi ini menerima baki 70% kutipan kompaun dan pembayaran tempat letak kereta adakan ini merupakan satu tindakan komersial yang adil kepada PBT.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya difahamkan usaha kerajaan negeri untuk menimbangkan permohonan atau cadangan untuk menukar syarat tempoh pajakan ataupun *lease hold* kepada hak milik selama-lamanya ataupun *free hold* tergendala ekoran pencabulan Undang-undang oleh kerajaan persekutuan. Saya difahamkan Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang bersidang pada bulan Disember 2008 telah cuba mencampuri urusan penganugerahan tanah oleh kerajaan negeri atas alasan untuk tujuan penyeragaman. Kerajaan Persekutuan juga dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara berkenaan telah mengambil peranan untuk memberikan definisi kes-kes khas yang melibatkan permohonan untuk kelulusan tukar syarat tanah daripada *lease hold* kepada *free hold*. Kita semua sedia maklum bahawa urusan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kalau kita merujuk peruntukan di bawah seksyen 76A kanun Tanah Negara, pihak berkuasa negeri boleh melupuskan tanah secara pemberimilikan untuk tempoh tidak melebihi daripada 99 tahun. Tetapi terdapat satu lagi sub seksyen 76A(a)(i) kanun tanah negara yang menjelaskan pihak berkuasa negeri boleh melupuskan tanah atas keadaan-keadaan khas. Jelas dalam peruntukan Kanun Tanah Negara tetapi sekarang kalau mengikut minit mesyuarat Majlis Tanah Negara yang saya juga dibekalkan di mana minit mesyuarat Majlis Tanah Negara bilangan 64 telah mencabuli Undang-undang dan perlembagaan persekutuan di mana dalam mesyuarat ini Majlis Tanah Negara cuba mengambil peranan untuk memberikan definisi apakah kes-kes khas tersebut, sedangkan dalam sub seksyen 76A(a)(i) tadi dengan jelas menyatakan bahawa kerajaan negeri boleh melupuskan tanah-tanah yang berkenaan. Saya dapat menghidu tindakan kerajaan persekutuan ini adalah mala fide dan bermotifkan politik ekoran tindakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Perak yang sah Dato' Seri Mohamad Nizar Jamaluddin menganugerahkan lebih 100,000 lot tanah-tanah kampung tersusun kepada orang-orang Melayu manakala kurang 40,000 lot tanah-tanah di kampung baru cina untuk orang-orang cina dan juga kelulusan tanah bagi kepentingan orang-orang India di negeri Perak. Maka UMNO dan Barisan Nasional cemas dengan dasar Pakatan Rakyat yang adil dan telus maka mereka menggunakan Majlis Tanah Negara untuk merampas bidang kuasa kerajaan negeri dalam menganugerahkan tanah-tanah kepada pihak-pihak yang difikirkan menepati perundangan dan Undang-undang di dalam Kanun Tanah Negara. Maka pada petang ini, saya ingin menggesa supaya kerajaan negeri segera meneliti keputusan Majlis Tanah Negara ini dan mencabar keabsahannya di mahkamah demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat negeri Selangor.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Speaker bagi pihak Kelab Penyokong Kerajaan Negeri Selangor, saya ingin menzahirkan sokongan padu kepada pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim. Teman-teman saya di kalangan Ahli Dewan Negeri akan terus bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mempertahankan hak dan hasrat rakyat untuk melihat perubahan dan kami yakin prinsip-prinsip yang didukung oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri telah menjadikan asas kejayaan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor semenjak Mac 2008. Kebijakan yang digarap pastinya demi mengangkat urus tadbir yang baik

keterbukaan, ketelusan serta meraikan prinsip dan amalan demokrasi. Dasar dan agenda reformasi yang saya ungkapkan sebentar tadi telah mendorong pertumbuhan ekonomi, teknologi dan inovasi demi kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Apa yang tidak boleh disangkal adalah program-program tersebut memenuhi maksud merakyatkan ekonomi negeri Selangor yang turut menjana keharmonian sosial dalam negeri. Tidakkah saya berlebihan untuk menyatakan negeri Selangor di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar adalah model kepada keharmonian dan kerukunan sosial dalam negara kita. Atas kesedaran ini, dan dengan semangat *team work* yang ditunjukkan dalam Piala Dunia pada awal pagi tadi, alhamdulillah *Spain* menang, saya telah menyatakan saya setuju dengan pandangan sotong *Paul the octopus*. Sebab itu saya sebut malam tadi ketika majlis bersama Dato' Menteri Besar di Kelana Jaya kalau boleh teman-teman saya daripada UMNO juga ada sini saya nak bawak sotong ini datang ke Malaysia nak tengok dalam pilihan raya akan datang sapa yang akan menang. Tapi lepas saya fikir saya mengambil keputusan untuk tidak membawa sotong ini kerana kalau sotong ini menyokong Pakatan Rakyat saya bimbang dia akan dikenakan tahanan ISA oleh UMNO dan Barisan Nasional. Jadi Tuan-tuan Ahli Yang Berhormat marilah kita berpadu tenaga untuk terus mendukung kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan dasar-dasar kerajaan negeri yang menjamin kesejahteraan untuk semua rakyat negeri Selangor. Saya ingin mengakhiri perbahasan saya pada petang ini dengan satu pantun yang saya sebut dalam satu majlis beberapa hari yang lalu. Yang Berhormat Tuan Speaker dengar dengan betul-betul. Tenang-tenang air laut, sampan kolek mudik ke tanjung, hati terkenang mulut menyebut, tetap setia pasti dijunjung. Sekian, saya menyokong rang Undang-undang ini.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : *Assalamualaikum WBT*. Dan salah sejahtera dan salam satu Malaysia. Tuan Speaker Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi juga peluang dalam perbahasan rang Undang-undang enakmen perbekalan tambahan no. 2 2010. Saya mengucapkan tahniah pada ADUN Yang Berhormat Bukit Antarabangsa kerana saya telus dan terus terang menegur tentang pentadbiran negeri Selangor khususnya dalam permasalahan kewangan negeri. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana telah dilantik sebagai orang no. 1 PKR di negeri Selangor. Selamat Berjuang.

Seperti yang kita maklum enakmen perbekalan bajet 2010 di bentang pada tahun 2009 telah memperuntukkan sejumlah 1,265,250,731.00 bagi perbelanjaan 2010 daripada kumpulan wang disatukan negeri. Anggaran tambahan pertama 2010 telah pun kita buat di sidang dewan Negeri pada bulan Mac lalu iaitu sebanyak 69juta. Pada mesyuarat Dewan kali ini kerajaan negeri membentangkan pula enakmen tambahan kali kedua berjumlah 117juta iaitu 9.24% daripada jumlah anggaran perbelanjaan 2010. Dalam tempoh 6 bulan sahaja sudah dua kali peruntukan tambahan dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan rancangan belanjawan yang lemah, kurang teliti dan tidak profesional. Ini juga jelas menunjukkan kerajaan negeri gagal merancang, menjangka keperluan perbelanjaannya. Persoalannya, mengapa kerajaan tidak merancang lebih awal atau dapat menjangka perkara-perkara ini berlaku.

Tuan Speaker, bagi maksud B06, caruman kepada Wang Simpanan Pekerja Negeri tambahan sebanyak sejumlah 7juta bagi bayaran pendahuluan, pembinaan serta pembaikan jalan masuk keluar projek perumahan Bukit Beruntung yang ini telah pun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Bukit Antarabangsa tadi, adakah ini janji pilihan raya kecil Hulu Selangor? Ataupun syarikat Talam Corporation yang disebutkan sebagai pihak yang sepatutnya membina jalan ini. Senaraikan syarikat-syarikat lain juga yang terbabit dan berapakah harga kos jalan yang harus

ditanggung dan dituntut oleh Talam Corporation dan syarikat-syarikat lain tersebut. Berapa lamakah tempoh masa yang ditetapkan oleh kerajaan negeri kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk membuat bayaran balik. Apakah jaminan syarikat-syarikat ini dapat memenuhi tuntutan kerajaan terutamanya Syarikat Talam Corporation yang sedia menghadapi masalah kewangan dan hutang dengan kerajaan negeri. Saya ingin imbas kembali pada soalan tambahan saya sesi bulan Mac yang sudah dalam Dewan Undangan Negeri saya membangkitkan supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya dapat membuat kertas putih tentang masalah hutang Talam dan juga MBI. Bagi maksud B29, Perbendaharaan Negeri Perbelanjaan Am tambahan sejumlah 110juta. Sebanyak sejuta bayaran yang dikehendaki untuk dibayar kepada Alam Flora bagi kutipan sampah dan pembersihan di kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor (maaf). Kita tidak ada pilihan melainkan untuk membantu rakyat di kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor untuk mendapatkan perkhidmatan Alam Flora Sdn Bhd. Persoalannya, mengapakah dalam manifesto PRU 12 dahulu Pakatan Rakyat berjanji kepada rakyat termasuk di Kuala Selangor untuk menurunkan cukai pintu sebanyak 20% bagi perumahan dan cukai premis komersial sebanyak 10%. Sedangkan terbukti hari ini nak bayar Alam Flora pun tidak mampu. Kami Barisan Nasional amat prihatin dengan situasi keperluan rakyat. Tetapi tidak mahu membuat janji kosong dan berbohong kepada rakyat kerana tahu Pihak Berkuasa Tempatan memang tidak mampu berbuat demikian. Nasib baik Pakatan Rakyat menyedari kedudukan kewangan sebenar telah mengakui tidak mampu membatalkan janji pilihan raya seperti yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Pandamaran tadi. Kalau diteruskan langkah pengurangan cukai tersebut alamat bankrap la Majlis Daerah Kuala Selangor dan mungkin akan dituruti oleh PBT-PBT yang lain. Maka Tuan Speaker yang saya hormati sekalian, ini jelas membuktikan pembohongan Pakatan Rakyat negeri Selangor dan pengundi-pengundi telah ditipu hidup-hidup dalam pilihan raya yang lalu. Situasi ini sekali lagi menunjukkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak berupaya, tidak cermat, tidak cerdik dan gagal untuk merancang bajet kewangan dan perbelanjaan negeri sehingga tersasar dari perancangan bajet asal, tapi demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat di kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor, saya sokong supaya peruntukan tersebut diluluskan.

Sejumlah RM74,043,965.51 adalah pembiayaan pembayaran bil percuma dan cetakan kupon. Ini merupakan salah satu janji Pakatan Rakyat yang mesti ditunaikan untuk kebajikan rakyat. Kerajaan mesti cari duit tambahan untuk perbelanjaan besar ini. Ini bermakna Kerajaan juga perlu ada sumber kewangan tambahan untuk membiaya pembayaran air percuma yang besar. Setakat ini dari sumber manakah wang diperolehi untuk membiayai bil air percuma ini, adakah hasil jualan pasir atau adakah dari simpanan kewangan negeri yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia nak minta penerangan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya nak bertanya kepada rakan saya Yang Berhormat daripada Paya Jaras sama ada dia bersetuju atau tidak kalau benar-benar prihatin tentang masalah air Negeri Selangor untuk beliau menasihatkan rakan-rakannya di Kerajaan Persekutuan agar cepat meluluskan penstrukturan semula industri air Negeri Selangor.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Saya rasa lebih 70 kali perbincangan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah pun diadakan. Mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh nyatakan dalam penggulungan. Saya teruskan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Seterusnya persoalan kita setakat ini berapakah jumlah bil yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi memenuhi janji ini dari tahun 2008 hingga Julai 2010 ini. Berapakah jumlah bil setiap tahun. Persoalan lain, berapakah jumlah subsidi yang telah ditanggung oleh Kerajaan Kumpulan Darul Ehsan Sdn. Berhad dan apakah kesan program ini kepada kedudukan kewangan KDEB. Adakah KDEB akan terus memberikan subsidi ini. Oleh kerana peruntukan subsidi peruntukan air ini amat besar sejauh manakah jumlah ini akan memberi kesan kepada lain-lain projek pembangunan di Negeri Selangor terutama projek memperbaiki dan menggantikan rangkaian paip-paip yang telah lama dan uzur keadaan yang lebih-lebih lagi di luar bandar. Demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat Selangor saya sokong agar peruntukan ini ditimbang dan diluluskan tetapi Kerajaan Negeri mesti bertanggungjawab untuk mendapatkan hasil tambahan yang jelas bagi memastikan lain-lain projek pembangunan untuk rakyat tidak terbantut selaras dengan matlamat Selangor negeri maju.

Sejumlah RM15 juta untuk Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi menampung permohonan pinjaman perumahan daripada EXCO Negeri Selangor dan kakitangan awam. Persoalannya, berapakah pecahan jumlah yang akan diperuntukkan kepada Ahli-ahli Exco dan kakitangan Kerajaan dan berapa ramai Ahli-ahli Exco yang memerlukan pinjaman dan berikan nama-nama mereka. Mereka mungkin layak dan memerlukan sekarang tetapi mungkin tidak pasti akan menang dalam Pilihan raya 13 yang akan datang. Tadi Yang Berhormat Bukit Antarabangsa cerita pasal sotong, saya pun memang minat dalam hal inilah, bola ini, tapi Barisan Nasional saya rasa kami kerja dalam satu pasukan, dalam apa hal pun sotong pun, sotonglah kami tetap kerja bahawa kita cuba sedaya upaya menang dalam Pilihan raya yang Ke 13 ini.

Dalam konteks ini, saya hanya bersetuju supaya peruntukan untuk pinjaman kakitangan awam sahaja wajar dipertimbangkan dan diluluskan di Dewan yang mulia ini. Mereka perlu diutamakan dan didahulukan. Walaupun begitu, untuk mengurangkan masalah perumahan Ahli-ahli EXCO jika ada untuk penyelesaian kepada EXCO yang terbabit bolehlah mereka mendiami rumah-rumah EXCO yang telah disediakan di Seksyen 7, Shah Alam. Sekarang ramai Ahli-ahli EXCO yang berminat untuk mendiami rumah-rumah EXCO Seksyen 7, tetapi mereka sudah terlepas cakap mereka dakwa projek rumah EXCO Seksyen 7 satu pembaziran satu ketika dulu, hinggakan Kerajaan Pakatan Rakyat hendak menjual rumah-rumah tersebut dan akhirnya kini mula disewakan pula. Apakah status terkini rumah-rumah EXCO tersebut. Kita perlu tahu kerana ia berkaitan dengan pinjaman untuk EXCO yang kita sedang bincangkan. Bagaimanakah rumah tersebut hendak dijual atau disewa. Kalau masih kosong sejak dua tahun lalu, bermakna ini satu pembaziran wang rakyat, di mana kerajaan tentu telah membayar kos-kos seperti kenderaan, pengangkutan, minyak, elaun pemandu dan lain-lain kos tersembunyi untuk memudahkan EXCO hadir ke Mesyuarat EXCO setiap minggu dan urusan berkaitan kerja mereka sekitar Shah Alam.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER** : Seri Setia minta penjelasan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Saya nak tanya pendapat Yang Berhormat kerana waktu pemerintah BN dahulu pun rumah-rumah EXCO ini tidak diduduki sepenuhnya oleh EXCO-EXCO kerajaan pada waktu itu. Bukankah itu pun satu pembaziran.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Saya maklumkan sebelum Yang Berhormat menjadi ADUN di Seri Setia, ADUN di sana pun duduk kat sana, kalau tak silap sayalah. Ini boleh dipastikan, boleh kita rujuk kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.

Oleh sebab malu hendak duduk di Rumah EXCO, rumah tersebut masih kosong dan kita terpaksa keluar memperuntukkan untuk menyanamkan. Saya difahamkan juga, ada juga Ahli-ahli EXCO duduk di rumah-rumah kerajaan yang dikhaskan untuk pegawai kanan kerajaan. Bukankah ini merampas hak pegawai-pegawai tersebut.

Sejumlah RM7,181,154.18 bagi menampung perbelanjaan bantuan am negeri dari bulan Julai hingga Disember 2010. Berdasarkan pertambahan bantuan sebanyak RM1,196,859.03 sebulan bagi tambahan 1,400 keluarga. Ini bermakna setiap keluarga akan menerima RM850.00 sebulan. Mengapakah jumlah ini bertambah, adakah kerana pertambahan keluarga yang miskin ini di Selangor ataupun sedangkan Kerajaan Pakatan Rakyat mendakwa dapat mengurangkan keluarga miskin di Selangor kalau ini sebabnya terbukti kegagalan Pakatan Rakyat hendak membasmi kemiskinan atau tambahan kerana kroni Pakatan Rakyat semata-mata hendak pancing undi rakyat. Saya bersimpati jika mereka benar-benar layak dan terpaksa mendapatkan bantuan kerana kegagalan kerajaan menaikkan taraf hidup mereka, walau apa pun sila berikan senarai 1408 orang keluarga tersebut dalam tempoh dua, tiga hari ini kepada Ahli-ahli Dewan jika Kerajaan Negeri benar-benar telus atau pertambahan ini berlaku kerana kerajaan telah menaikkan paras garis kemiskinan PJK di bawah pendapatan RM1,500.00 sebulan. Kalau hendak ikut garis panduan baru ini, berapakah sebenarnya jumlah keluarga miskin dan miskin tegar di Selangor. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah kemiskinan tersebut. Kita perlu keluarkan satu rancangan yang benar-benar komprehensif bagaimana hendak membasmi kemiskinan di kalangan keluarga yang berpendapatan RM1,500.00 ini. Kita tidak mahu pendekatan, *simplistik* seperti bantuan am ini sebab kita hendak tengok bagaimana kerajaan hendak tunaikan janji-janji mereka dengan baik, jangan hanya pandai naikkan PJK dan janji nak bantu macam-macam, jangan jadikan ini pula satu pembohongan kepada rakyat miskin.

Penubuhan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. adalah untuk mendapatkan hasil tambahan bagi membiayai program kebajikan rakyat. Setakat ini berapakah jumlah .....

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat Sijangkang .....

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya ingin penjelasan daripada Paya Jaras kerana Paya Jaras mengutarakan beberapa persoalan, soal janji-janji Pakatan Rakyat yang masih belum lagi ditunaikan. Jadi di dalam Pilihan raya di Hulu Selangor tempoh hari, terutamanya kepada Peneroka FELDA di Sungai Buaya yang mana dijanjikan untuk pemberian sejumlah RM50,000.00 setiap peneroka kalau tak silap saya, dan saya dimaklumkan bahawa hanya RM1,000.00 yang telah diberikan, jadi saya nak penjelasan sejauh setakat ini, berapa banyak yang telah diberikan kepada peneroka-peneroka di Sungai Buaya ataupun ini adakah janji-janji kosong semata-mata untuk menarik undi di dalam Pilihan raya yang lepas. Terima kasih.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : untuk makluman, setahu saya sejumlah RM50,000.00 telah pun diberi kepada setiap peneroka yang sepatutnya menerima RM50,000.00. Saya hadir pada hari tersebut.

Boleh saya sambung Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat miskin, saya juga tidak ada halangan peruntukan ini diluluskan tetapi dengan syarat diberikan kepada mereka yang layak sahaja tanpa prejudis politik kepartian. Pertambahan keluarga yang terpaksa dibantu ini juga membuktikan kegagalan negeri menaikkan taraf ekonomi dan pendapatan mereka yang terbabit. Sejumlah RM7,774,880,31 bagi menampung perbelanjaan luar jangkaan mengurus sehingga Disember 2010 oleh sebab peruntukan ini adalah besar, saya ingin tahu apakah asas-asas peruntukan sebenar sebesar ini diperlukan. Saya faham istilah luar jangka tetapi oleh sebab Pakatan Rakyat selalu menggembar-gemburkan ketelusan-ketelusan dan ketelusan, sila buktikan untuk apakah peruntukan luar jangka ini diperlukan. Apakah jangkaan-jangkaan.....

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker.....

**TUAN SPEAKER** : nantilah sabar dulu, Speaker belum panggil ....nanti ganggu, Baik ,Paya Jaras Batang Kali nak minta penjelasan.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Paya Jaras, tadi Yang Berhormat ADUN Antarabangsa telah meminta TPM dan juga pimpinan UMNO belajar mengurus daripada Yang Berhormat Ijok, tetapi baru dalam masa enam bulan, dua kali pertambahan bajet di bawa dalam Dewan ini, saya nak tanya pandangan Paya Jaras, apakah yang disebut oleh Y.B. Antarabangsa itu relevan ataupun tidak sebagaimana yang dinyatakan. Terima kasih.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Yang Berhormat Batang Kali, saya dah menyatakan dalam ucapan saya tadi, bahawa kita perlu merancang kewangan sama ada pentadbiran negeri ataupun PBT-PBT dan sebagainya .....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : minta laluan Tuan Speaker. Saya nak bertanya, macam mana tiap-tiap tahun di peringkat Kerajaan Persekutuan juga ada perbekalan tambahan dan defisit yang begitu serius yang tidak selesai sejak 1997, sedangkan di Kerajaan Negeri Selangor kita telah ada bajet yang seimbang sejak Pakatan Rakyat mengambil alih.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : itu sebab saya nak baca habis dulu, boleh saya ceritakan sikit, kalau saya teruskan, boleh Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila-sila..

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Sebab isi, soalnya semuanya ada di sini. Saya faham istilah luar jangka tadi, oleh sebab Kerajaan Pakatan Rakyat selalu menggembar-gemburkan maka saya dah bercakap tadi, maka Tuan Speaker setakat ini dalam tempoh enam bulan pertama, kita lihat Kerajaan Negeri telah memohon perbelanjaan tahunan sebanyak dua kali iaitu RM186 juta. Saya sedar bahawa peruntukan tambahan ini satu amalan biasa pada mana-mana kerajaan termasuklah Kerajaan Persekutuan atau negeri-negeri lain. Pakatan Rakyat selalu memperlekeh dan membuat tuduhan-tuduhan liar, itu sahaja. Apabila Kerajaan Barisan Nasional mengemukakan peruntukan perbelanjaan tambahan. Saya ingat lagi masa tahun 2007 kita pun ada peruntukan tambahan ketika Barisan Nasional memerintah tetapi kita diperlekehkan maka hari ini apabila mereka memerintah Negeri Selangor Pakatan Rakyat Negeri Selangor memerintah mereka terpaksa menghadapi realiti sebenar. Oleh kerana

selepas memerintah sebuah Kerajaan Negeri Selangor seperti ini yang begitu mencabar sekali  
.....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan, Tuan Speaker, jadi bermakna rakan saya Yang Berhormat Paya Jaras dia mengakulah bermakna perbekalan tambahan ini bukan satu masalah sebenarnya.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR** : Tapi satu tambahan di mana dilakukan dua kali dalam satu tahun, ini maksud saya yang begitu banyak sekali. Maka sekarang Kerajaan Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh seorang ahli korporat terkemuka sebagai Menteri Besar Selangor selalu ditonjolkan sebagai pemimpin korporat berjaya, berintegriti tinggi, cekap dan profesional, sebenarnya tidak terkecuali, tidak terkecuali dari menghadapi realiti politik dan pemerintahan sebuah kerajaan yang didukung oleh rakyat. Mentadbir sebuah badan korporat tidak semestinya sama dengan mentadbir sebuah Kerajaan Negeri seperti Selangor ini. Berdasarkan apa yang berlaku sekarang termasuk pembentangan peruntukan perbelanjaan tambahan kewangan ini dan banyak kelemahan yang telah dikenal pasti dalam pengurusan industri pasir serta Koperasi Kumpulan Semester melalui pendedahan-pendedahan awam SELCAT baru-baru ini terbukti Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang selalu diwar-warkan sebagai tokoh korporat terkemuka juga gagal untuk meneruskan untuk terus membawa pentadbiran yang telus, integriti dan bertanggungjawab seperti dalam KSSB. Saya berharap peruntukan tambahan kewangan ini merupakan peruntukan terakhir bagi tahun Belanjawan 2010. Sebagai seorang Dato' Menteri Besar yang selalu mendabik dada dengan ketokohan korporat dan profesionalismenya adakah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersedia untuk memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada lagi permohonan peruntukan tambahan yang diperlukan di masa-masa akan datang apalagi selepas Dewan meluluskan peruntukan luar jangka sebanyak RM7.774 juta. Marilah kita sama-sama melihat apakah realiti politik yang akan berlaku kemudian hari. Sama-samalah kita menunggu episod yang akan datang. Dengan kata-kata ini Tuan Speaker saya akhiri ucapan saya. Terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai Kerajaan dan Para Pemerhati yang saya hormati sekalian. salam sejahtera dan salam reformasi. Sekinchan ingin turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Pembekalan tambahan no. 2 pada Persidangan Kedua Penggal ketiga Dewan Undang Negeri Selangor ke Tiga Belas 2010. Kita sedia maklum dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu Kerajaan Negeri Selangor masih mampu meneruskan program agenda Pembangunan Negeri Selangor dengan pelbagai dasar yang berteraskan kebajikan Negeri. Negeri Selangor adalah sebuah negeri maju yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat yang meletakkan kepedulian yang tinggi kepada kebajikan rakyat, sebelum saya pergi mengupas isu-isu panjang lebar ingin juga saya menyentuh sedikit tentang perbahasan rakan bijaksana saya daripada Paya Jaras yang mengatakan dalam setengah tahun Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat mengutarakan membentangkan 2 kali *budget* tambahan tetapi setelah dicelah oleh Y.B Seri Setia, beliau mengakui bahawa ini memang dalam pentadbiran tetapi apa yang saya ingin katakan di sini, asas ekonomi Negeri Selangor yang kukuh telah menyebabkan kita boleh berbelanja lebih.

Yang kedua bajet berimbang terus kita pertahankan bajet berimbang dan yang saya hendak bertanya dan lontarkan soalan ini kepada Paya Jaras apakah Yang Berhormat sudah lupa selama 12 tahun berturut-turut Kerajaan Persekutuan sudah begitu sinonim atau orang Jowo ngomong kekerasan dengan bajet defisit di peringkat pusat. Kalau nak banding dengan Selangor kita boleh berimbang.

Dalam perkara ini sebelum kita tuduh kita cerminkan diri sendiri dulu sebelum kita nak tuduh. Tuan Speaker, pagi tadi saya nampak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar saya begitu kagum dan terpesona dengan penampilan Yang Amat Berhormat pagi tadi menjawab soalan menangkis soalan daripada Pihak Pembangkang. Saya rasa ini cara terbaik kemajuan yang saya nampak pimpinan Yang Amat Berhormat dicapai semakin mantap. Semakin yakin dan bersemangat. Mungkin ini ilham dari penonton perlawanan bola sepak piala dunia pagi tadi. Di mana cara berpasukan SPAIN yang membuat SPAIN menang. Walaupun sotong dah beritahu kita SPAIN akan menang dan saya nak beritahu juga Sekinchan banyak sotong jadi mungkin dari ilham sotong Yang Amat Berhormat kita sama-sama kita pelajari. Bagaimana kita hendak mengurus tadbir Selangor dengan baik.

Tuan Speaker, bajet tambahan kali yang kedua ini, memperuntukkan sebanyak RM117 juta tujuan mengurus dan seterusnya mempergiatkan pembangunan ekonomi Negeri Selangor. Saya dimaklumkan bahawa kedudukan kewangan Negeri adalah kukuh khususnya aliran yang tunai negeri Selangor berlaku ketika pertukaran Kerajaan iaitu sebelum 8 Mac 2008 adalah RM758,548,16.14 sahaja tetapi sehingga sekarang setakat 30 Jun ini 2010 kedudukan aliran wang tunai negeri sudah meningkat kepada RM 894,421,956.23 juta iaitu peningkatan sebanyak RM135,873,740.9 ini satu peningkatan yang cukup menggalakkan. Ini menunjukkan asas ekonomi Negeri Selangor yang kukuh. Seterusnya pada masa yang sama kutipan hasil negeri pada tahun ini daripada tempoh 30 Jun 2010 ini sudah mencapai lebih kurang 60% iaitu kira-kira RM785.75 juta berbanding dengan tempoh yang sama tahun yang lalu di mana sekitar 46 % iaitu 656.38 juta. Pencapaian ini mengalami peningkatan berjumpa 199.37 juta iaitu peningkatan sebanyak 19.71 % jika dibandingkan dengan tempoh yang sama. Maksudnya saya tegaskan sekali lagi asas perkembangan pertumbuhan ekonomi Selangor cukup kukuh.

Tuan Speaker, saya juga setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa kita membelanjakan wang mesti dengan cara yang berhemah dan saya menyokong penuh bajet ini, walaupun 2 kali dalam setahun memandangkan ianya perlu dan dikendalikan. Sekiranya wang rakyat digunakan untuk *value for money* saya akan sokong 100%. Tetapi sekiranya wang rakyat digunakan dengan sewenang-wenangnya, tanpa perancangan yang rapi kita akan tentang. Ini prinsip yang kita sokong selama ini. Jumlah hasil yang bertambah memberi petunjuk kepada kita Rakyat Selangor semakin yakin tahap keupayaan kepada Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar. Yang melaksanakan dasar Kerajaan berpaksikan ketelusan, keupayaan, dan kebertanggungjawaban.

Justeru itu kami Ahi-ahli Penyokong Kerajaan akan terus memberi dukungan dan sokongan padu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Walaupun kita sedia maklum teman-teman kita yang bijaksana daripada Barisan sebelah pihak pembangkang sentiasa cuba mencari ruang dan kesempatan untuk melaga-laga hubungan di antara kita kononnya pelbagai krisis dan tuduhan dalam pakatan dan sebagainya kerana itu tidak lain dan tidak bukan kerja mereka. Kerja mereka untuk mencari kepentingan Politik.

Tuan Speaker, hakikat sebenarnya kerjasama dan muafakat di kalangan parti Pakatan Rakyat semakin hari semakin kukuh bagaikan pinang dibelah dua. Saya juga ingin memberi nasihat

dan amaran kepada Pihak Kerajaan Persekutuan yang tidak henti-hentinya khususnya Barisan Nasional menggunakan segala instrumen Persekutuan seperti SPRM, PDRM dan sebagainya untuk mengugut, memaksa ADUN-ADUN pakatan rakyat agar akur kepada kehendak mereka sebagai contoh insiden terbaru di mana 2 orang ahli Dewan Undangan Negeri Yang Berhormat Pakatan Rakyat Yang Berhormat daripada Batu Caves dan Yang Berhormat dari Seri Muda telah dipanggil oleh SPRM untuk membantu siasatan. Tuan Speaker saya percaya tindakan SPRM ini bermotif politik dan ada kaitannya dengan perancangan Barisan Nasional untuk merampas kembali kuasa pemerintahan Negeri Selangor.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Y.B Sekinchan beri laluan pada saya. Saya amat simpati dengan Y.B Sekinchan menuduh SPRM agensi-agensi di bawah Suruhanjaya konon adalah di bawah penguasaan Kerajaan Barisan Nasional yang selama ini mereka ditubuhkan pun sebahagian kita pun tidak berapa setuju tetapi apabila diluluskan oleh Parlimen kita setuju. Ini kehendak Dewan Rakyat dan kita tidak ada kepentingan dengan SPRM sebab itu kita orang UMNO yang kena ada orang barisan nasional yang kena. Kita tidak pernah pun menuduh orang Pakatan Rakyat mempengaruhi Barisan Nasional. Saya harap DAP jangan berniat jahat sebegitu rupa. Kita yang jadi huru-hara sebab DAP selalunya berniat tidak baik terhadap Barisan Nasional jadi saya harap jangan salahkan barisan Nasional apabila Wakil Rakyat-wakil Rakyat ditangkap ataupun diminta dan memberi penjelasan. Yang takut sangat pasal apa. Minta beri penjelasan. Jadi kita harap kita lebih *fair* terhadap satu sama lain. Terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat dari Batang Kali yang menjelaskan situasi sebenar SPRM namun begitu kita harus sedar juga bahawa berbagai bukti dan *incident* yang berlaku seperti yang berlaku di Negeri Perak 2 EXCO yang mulanya Pakatan Rakyat telah ditangkap dan didakwa, diugut untuk menyeberang dan akhirnya kes tersebut sampai hari ini sudah dibuang. Itu antara kes contoh. Contoh yang saya beritahu motif politik. Jadi secara tidak langsung kita akur, kita kena terima itu hakikat yang sebenar.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Batang Kali, saya minta penjelasan.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Biar pun Dewan ini ada kebebasan untuk memberi apa jua perkataan tetapi soal tuduhan berniat jahat seperti kita mengugut ADUN Perak adalah pembohongan yang besar yang dibuat oleh Y.B Sekinchan. Saya harap perkara ini dapat Y.B Sekinchan tarik balik kenyataan mengugut daripada Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya tetap tidak berganjak dengan pandangan saya dengan hujah saya. Apa yang saya lontar itu adalah berdasarkan fakta yang benar berlaku.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Saya tidak beri laluan kerana saya dah beri laluan tadi.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker, Peraturan 36.4.

**TUAN SPEAKER:** Baik, Yang terhormat Batang Kali. Yang Berhormat Batang Kali kalau hendak bangkitkan yang menuduh Yang Berhormat Sekinchan mempunyai sangka jahat kena bawa peraturan jangan bangun cakap ye. Peraturan kita akan benarkan.

**TUAN SPEAKER :** 36.4 adalah salah pada peraturan mesyuarat seseorang ahli

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : “*sorry, sorry.*”. Tadi tak cukup belajar agaknya. 36.6.

**TUAN SPEAKER** : Jadi Yang Berhormat membangkitkan peraturan tetap 36.6 baik. Tadi beliau menyebut Barisan Nasional. Duduk. Saya akan beri keputusan saya. 36.6 mengatakan “ seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain. Jadi Barisan Nasional bukannya ahli jadi maka saya menolak bantahan daripada pihak yang terhormat. Silakan Yang terhormat Sekinchan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh mohon beri penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Silakan permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya dapat menilai apa Y.B nyatakan. Jadi mengenai seolah-olah, saya bersetuju Batang Kali segala instrumen Kerajaan digunakan untuk menyekat Pakatan Rakyat Wakil Rakyat sehingga 2 EXCO Negeri Perak keluar. Dan hari ini tidak menghadapi tuduhan dibebaskan.

Saya hendak tanya pandangan Y.B juga pada baru-baru ini Yang Berhormat Permatang Pauh ada membuat tuduhan bahawa Wakil Rakyat-wakil Rakyat Pakatan Rakyat yang keluar diberi sogokan RM2 juta dan dicabar oleh Dewan Rakyat sampai hari ini tak boleh berikan ulasan dan hari ini Y.B Sekinchan juga membawa perkara yang sama *approach* yang sama seolah-olah Barisan Nasional sentiasa ambil peluang untuk memancing dan memberi sogokan. Saya hendak memberi pandangan Yang Berhormat, minta dengan Yang Berhormat Sekinchan apa yang berlalu dengan Yang Berhormat DAP dari pada Jelapang dan DAP dari Malim Nawar yang keluar tanpa dibawa siasatan SPRM. Ini saya minta penjelasan. Ini tidak ada dengan kait mengait dengan SPRM dan juga apa-apa agensi. Tetapi mereka dengan rela hati dengan kecewa akhirnya mereka keluar dan meninggalkan Pakatan Rakyat. Saya mohon Yang Berhormat Sekinchan ADUN daripada DAP kedua-duanya.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Permatang yang nampak masih belum matang. Saya jawab apa yang dikatakan 2 ADUN DAP yang keluar tanpa ada siasatan daripada SPRM. Bagi saya yang mereka ini keluar tanpa ada siasatan daripada SPRM. Bagi saya yang mereka ini keluar mereka sudah tidak selesa dalam Pakatan tidak istiqamah dalam perjuangan, mereka hendak keluar kita silakan. Kita hendak ucapkan terima kasih kepada, mereka sekarang condong kepada Barisan Nasional saya hendak ucapkan terima kasih kerana Barisan Nasional sudi menerima mereka ini, jadi saya rasakan seolah-olah bakteria dalam parti. Ah! Sekian, ini saya perjelaskan. Ada lagi, Ah! Kajang. Rakan bijaksana saya daripada Kajang.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Ya. Perintah Tetap 36.1

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN LEE KIM SIN** : Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja, tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Isu yang diperbincangkan berkaitan dengan SPRM, tuduhan-tuduhan dan yang dibuat ini, ucapan begini tidak ada kaitan dengan perbincangan hari ini. Maka diingatkan. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Yang Berhormat Sekinchan, rakan Yang Berhormat sendiri sudah menegur Yang Berhormat Ya. Saya setuju bahawa jangan terkeluar daripada tajuk, ya. Sila. Teruskan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih ingatan daripada Kajang. Maka kalau kita dah terkeluar sedikit maka kita balik kepada landasan yang asal. Tuan Speaker. Sesungguhnya dalam bajet tambahan ini sejumlah RM 74,043,965.51 dari keseluruhan bajet, jumlah bajet iaitu 117 juta telah diperuntukkan untuk membiayai program pemberian air percuma. Ini jelas terbukti demi untuk membantu rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri tidak akan teragak-agak dan sanggup membelanjakan sejumlah wang peruntukan yang besar melalui pemberian air percuma. Termasuk penghuni-penghuni pangsapuri kos rendah yang sebelum ini mereka tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti ini. Sekarang ini kita panjangkan atas prinsip kepedulian kepada rakyat kita telah panjangkan program pemberian air percuma ini kepada penghuni-penghuni pangsapuri kos rendah ini dengan kaedah pemberian cetakan kupon air percuma. Ah! Inilah satu kerajaan yang di mana kita betul-betul kita ikhlas untuk membantu rakyat dan bukan *hipokrit* sementara ini ramai yang mempersoalkan ke mana duit dan hasil masuk Negeri Selangor selama 50 tahun sehingga sewaktu zaman pemerintahan kerajaan yang lalu tidak mampu memberi kemudahan-kemudahan seperti kerajaan Pakatan Rakyat buat dewasa ini. Khususnya di dalam program pemberian air percuma. Sudah tentu zaman Barisan Nasional kalau setahun kita belanjakan 135 juta di kali dengan 50 tahun beratus beribu juta sepatutnya disalurkan kepada rakyat, tetapi duit ini entah ke mana pergi. Maknanya ini membuktikan kepada kita bahawa budaya pentadbiran mereka tidak telus, tidak amanah dan sebaliknya mengamalkan budaya rasuah, membiarkan kebocoran dan ketirisan berlaku di berbagai peringkat. Ini harus kita terima hakikat, ini. Tuan Speaker,

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Sebelum ingin saya, Batang Kali lagi tak apa Batang Kali terakhir bagi dialah.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Terima kasih, Sekinchan. Saya teruja sangat dengan ucapan YB. Tetapi YB tahu ke sekarang. Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang kekurangan wang untuk disalurkan kepada Majlis-majlis PBT khasnya dalam urusan memperbaiki jalan, mengurus longkang dan sebagainya. Apatah lagi kalau kita nak suruh bina bangunan-bangunan baru untuk kemudahan rakyat, tidak ada. Kerana terlalu berhemahnya sistem yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Seinggakan terpaksa menyalahgunakan peruntukan wang Kerajaan Persekutuan iaitu wang MARRIS yang diperuntukkan 300 juta lebih kepada Kerajaan Negeri pada setiap tahun yang hanya wang itu untuk menguruskan jalan-jalan dan longkang-longkang. Tetapi wang itu hari ini telah tidak sampai sepenuhnya kepada PBT-PBT atau pun JKR-JKR Daerah kerana telah digunakan ke tempat yang lain. Jadi, Sekinchan tahukah Yang Sekinchan kata kita ada duit banyak duit banyak ini. Ini risiko yang ada sekarang di PBT-PBT kita.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, peruntukan MARRIS ada pergi PBT ke?

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Disalurkan kepada PBT-PBT juga, untuk membantu kerana kekurangan kewangan Kerajaan Negeri sekarang. Saya dimaklumkan begitu. Terima kasih Speaker.

**YB TUAN SPEAKER** : Ya! Silakan, Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih, Batang Kali. Ah! Isu ini saya akan sentuh sebentar lagi Ya! Sebelum saya pergi ke bab yang saya akan sentuhlah isu ini. Saya akan jawab. Sebelum saya menyentuh isu yang lain, ingin saya mengingatkan kembali dalam dewan yang mulia ini, peristiwa, insiden, atau pun peristiwa hitam yang berlaku ah! Di Negeri Selangor pada tahun yang lalu iaitu 16.7.2009. Empat hari lagi, hari peringatan ulang tahun kematian mendiang saudara Teoh Beng Hock yang mati misteri disebabkan oleh angkara SPRM yang menyiasat sampai beliau mati misteri. Dan saya di sini ingin tegaskan walau pun empat hari lagi genap setahun, sudah hampir satu tahun beliau meninggalkan kita namun kami hari-hari Pakatan Rakyat menyokong Kerajaan tetap menuntut keadilan untuk Teoh Beng Hock, kita meminta bahawa SPRM dan Kerajaan Persekutuan supaya segera memberi keadilan untuk mendiang saudara Teoh Beng Hock, Walau pun sampai sekarang kisah benar tidak diberitahu kepada rakyat. Kita hendak menuntut keadilan untuk semua.

**TUAN SPEAKER** : Baik, Yang Berhormat.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Peruntukan 36.1

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Tidak kena mengenai kes Teoh Beng Hock dalam tambahan pula kes itu di dalam siasatan mahkamah lagi. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, jangan terpesong ya.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih ingatan daripada Tuan Speaker. Saya cuma oleh kerana empat hari ulang tahun maka saya menyentuh sedikit sahajalah ya! Untuk peringatan kita supaya jangan kita lupa tentang kezaliman yang berlaku pada ketika itu. Tuan Speaker. Saya terpanggil dan ingin menyentuh sedikit tentang mutu perkhidmatan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd., yang tidak memuaskan, malah semakin lembap sejak kebelakangan ini. Dalam bajet tambahan kali ini sebanyak RM 1 juta telah disalurkan untuk membiayai kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan di dalam kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor. Walau bagaimana pun banyak aduan demi aduan masih diterima berhubung kait dengan kelewatan mengutip sampah sehingga beberapa hari dan di setengah tempat masih juga terdapat longgokan-longgokan sampah yang ternyata gagal dan tidak dikutip, ya dikutip oleh Syarikat Alam Flora. Saya berikan kawasan-kawasan yang selalu saya teliti sendiri dan saya nampak yang masih lagi berlaku longgokan berleluasa seperti di sekitar Jalan Kapar, Jalan Perepat, Jalan Tat, sekitar pekan Kapar dan seterusnya. Keadaan ini telah menimbulkan berbagai kesulitan dan kemarahan oleh penduduk sekitar sehingga wujud cakap-cakap bahawa Alam Flora ini seolah-olah diarahkan oleh Kerajaan Pusat untuk sengaja melakukan kerja-kerja sabotaj dan sengaja menyebabkan kelewatan mengutip sampah supaya rakyat akan naik marah dan hilang keyakinan terhadap Kerajaan Pakatan Rakyat. Sehubungan dengan itu saya menyeru Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama EXCO, EXCO PBT supaya segera melakukan sesuatu tindakan yang wajar yang difikirkan perlu untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap mutu perkhidmatan Alam Flora. Sekiranya pihak Alam Flora masih degil dan enggan menambah baik mutu perkhidmatan, maka saya mendesak agar disemak semula perjanjian kontrak mereka dengan Kerajaan Negeri Selangor. Adalah tidak adil wang rakyat digunakan untuk dibelanjakan kepada sebuah syarikat yang tidak dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan kepada rakyat dan akhirnya yang menanggung derita adalah rakyat dan sengsara juga rakyat dan akhirnya juga Kerajaan Negeri secara tidak langsung imej

kita akan tercalar. Oleh itu saya minta Yang Berhormat EXCO PBT tolong pantau perkara ini. Jangan biarkan masalah sampah ini menghantui kita buat selama-lamanya.

Tuan Speaker. Sudah sampai masa dan ketika perlu dirangka satu pelan perancangan khas pembangunan di luar bandar. Dan kita sedia maklum daerah-daerah seperti Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan lain-lain lagi masih jauh lagi ketinggalan dari segi pembangunan lebih-lebih lagi pembangunan infrastruktur di kampung-kampung seperti pembinaan parit, longkang, jalan dan jambatan. Umum, tahu bahawa kawasan-kawasan yang saya nyatakan itu memang agak ketinggalan jika dibandingkan dengan Bandaraya Shah Alam, Petaling Jaya dan Subang Jaya. Memandangkan kemudahan-kemudahan tersebut masih kekurangan dan permasalahan ini bertambah serius apabila pihak Kerajaan Persekutuan telah sengaja melakukan penindasan dan diskriminasi terhadap Kerajaan Negeri yang tidak sama kiblat atau tidak sehaluan dengan mereka kerana mereka masih belum bangun dari tidur di mana rakyat menghukum mereka pada 8 Mac 2008 yang lalu melalui saluran demokrasi tetapi mereka masih tidak senang tentang perkara ini. Susulan daripada itu mereka telah menafikan hak pembayar cukai rakyat di Negeri Selangor dengan tidak memperuntukkan bantuan seperti biasa yang dilakukan oleh Kementerian Luar Bandar, KPKT. Harus kita ingat bahawa rakyat Negeri Selangor merupakan rakyat yang paling, paling ramai, paling banyak menyumbangkan cukai pendapatan kepada Kerajaan Persekutuan jika dibandingkan dengan Negeri-negeri yang lain. Tetapi malangnya, atas pertimbangan politik kepentingan politik melebihi segala-galanya mereka sanggup membelakangkan semangat Persekutuan yang kerajaan selama ini dengan memberhentikan peruntukan ratusan juta setahun yang sepatutnya diberikan, disalurkan kepada rakyat Negeri Selangor dengan cara disalurkan melalui kepada setiap Pejabat Daerah Negeri Selangor. Oleh yang demikian, demi untuk mengatasi permasalahan tersebut, saya suka ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat memperuntukkan sejumlah dana sekurang-kurangnya 10 juta kepada setiap Pejabat Daerah khususnya di Daerah Sabak Bernam bagi tujuan menaik taraf kemudahan infrastruktur untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat di kawasan luar Bandar. Tuan Speaker. Baru-baru ini Kerajaan Negeri melalui Pejabat Menteri Besar telah melantik bekas Pensyarah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa dan juga bekas tahanan Undang-undang zalim ISA iaitu saudara Ustaz Badrulamin sebagai Pengarah Penerangan Kerajaan Negeri Selangor. Saya menyambut baik langkah tersebut memandangkan walau pun berbagai pembangunan dan program kebajikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sejak dua tahun yang lalu namun masih terdapat halangan dan kekangan penyebaran maklumat sehinggakan ramai rakyat luar bandar dan pendalaman masih tidak mengetahui apakah dasar-dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu dengan pelantikan tersebut saya yakin dan percaya ianya pasti dapat membantu dan memperkuat sebaran dan penerangan kepada rakyat seperti melalui program sulung yang dilancarkan oleh beliau iaitu Program Rakyat yang begitu berkesan kerana mengambil pendekatan, pendekatan turun ke padang menemui rakyat secara dekat dan mendirikan kaunter-kaunter penerangan di pasar malam di kawasan tumpuan orang ramai di seluruh pelosok kawasan luar bandar untuk menerangkan kepada rakyat tentang dasar dan program merakyatkan ekonomi Selangor MBS serta hala tuju Kerajaan Negeri Selangor. Dan saya nampak program itu di sambutan yang menggalakkan oleh rakyat di peringkat bawahan dan saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana telah membuat lantikan tepat pada masa. Saya yakin dan percaya dengan pendekatan ini kita akan berjaya memecahkan sekatan dan kongkongan di media arus perdana yang memang terkenal dengan dulu kini dan selamanya. Tidak langsung menyiarkan berita dan maklumat tentang dasar pentadbiran yang positif daripada Kerajaan Negeri dan sebaliknya yang digembar-gemburkan hanya berita yang menunjukkan pergelutan, pergaduhan dan perpecahan dalam Pakatan. Tuan Speaker. Sejak kebelakangan ini saya sering menerima aduan daripada penduduk sekitar DUN Sekinchan yang membangkitkan permasalahan tentang cadangan pembinaan bangunan baru Sekolah

Rendah Agama SRA Taman Harmoni yang tertangguh sejak beberapa tahun yang lalu. Setelah meneliti permintaan tersebut memang didapati terdapat keperluan yang sangat mendesak kerana bangunan sekolah yang sedia ada dahulunya adalah pejabat Barat Laut yang kini sudah berada di dalam keadaan yang usang di samping itu penambahan pelajar-pelajar yang semakin hari semakin ramai iaitu lebih kurang 450 orang telah menyebabkan keadaan menjadi semakin kritikal. Mutakhir ini permasalahan ini telah dijadikan modal dan senjata politik oleh pihak pembangkang yang tidak bertanggung jawab untuk menyerang dan meraih sokongan rakyat.. Mereka menuduh kerajaan negeri mengabaikan kepentingan masyarakat Islam di DUN Sekinchan dan sebagainya. Akan tetapi mereka lupa 50 tahun yang lalu permasalahan ini juga gagal diselesaikan oleh mereka. Jika diperhalusi siapakah yang sebenarnya mengkhianati dan mengabaikan pendidikan agama Islam, jawapannya sudah tentu UMNO dan Barisan Nasional. Kerana sebelum ini mereka bukan sahaja tidak membantu pendidikan agama Islam yang diusahakan oleh Sekolah Agama Rakyat. SAR malah mereka bertindak menceroch, menutup sekolah-sekolah tersebut manakala pendekatan sebaliknya ya telah diambil alih oleh kerajaan baru Pakatan Rakyat di mana kita telah memberi peruntukan tahunan sejumlah 6 juta setahun untuk membantu sekolah agama rakyat di Negeri Selangor. Sehubungan itu saya menyeru Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar agar dapat mengambil perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya terhadap permohonan pembinaan bangunan baru untuk pelajar-pelajar Sekolah Rendah Agama SRA Taman Harmoni, Sekinchan. Saya amat berharap berkat usaha dan jasa baik Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar permohonan tersebut akan diluluskan pada bajet akan datang.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar bersama seluruh Barisan EXCO yang telah mengambil keputusan yang tepat meluluskan permohonan hak milik tanah di Kampung Sungai Labu, Sekinchan pada Mesyuarat EXCO baru-baru ini. Seramai 25 petak hak milik tanah telah diluluskan secara berkelompok. Kelulusan ini merupakan berita baik dan hadiah istimewa kepada masyarakat Melayu Sungai Labu sebelum menjelang tibanya Hari Raya Aidilfitri ini. Saya dengan bangganya mewakili rakyat DUN Sekinchan khususnya penduduk Sungai Labu mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri dan juga tidak kita lupakan Pegawai Daerah Sabak Bernam yang telah bertungkus-lumus untuk menyelesaikan masalah tanah di DUN Sekinchan. Bagi penduduk Sungai Labu penantian selama lebih 30 tahun ini berakhir dengan kegembiraan kerana bakal menerima hak milik tanah sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Negeri sebelum ini pada awal tahun ini juga menjelang Tahun Baru Cina Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah menyelesaikan dan meluluskan permohonan hak milik tanah kepada penduduk Bagan Sekinchan seramai 183 orang yang telah menunggu. Menunggu bukan main lama iaitu lebih 50 tahun tetapi anehnya ia tetap gagal di beres diselesaikan oleh MCA dan Barisan Nasional pada ketika zaman mereka. Justeru itu kedua-dua kes ini jelas terbukti bahawa keikhlasan dan kepedulian rakyat yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri. Pakatan Rakyat

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Ok Yang Berhormat. Yang Berhormat Yang Berhormat bila bangun Tuan Speaker panggil dulu. Jangan terus berhentikan tu. Berhenti saya nampak. Tunggu, tunggu sampai saya panggil. Baik Sekinchan. Ya baik Kuala Kubu Baru.

**YB TUAN WONG KOON MUN :** Terima kasih kepada Tuan Speaker. Saya nak tanya adakah kelulusan geran pada pemilik itu hanya diluluskan masa pemerintahan Pakatan Rakyat.

Saya nak tanya soalan tu. Saya difahamkan bahawa beribu-ribu geran kampung baru telah diluluskan sebelum, sebelum 3 hari bulan 308 bukan selepas pemerintahan Pakatan Rakyat diluluskan. Saya nak tanya sama ada itu betul ke tidak.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker sebenarnya Kuala Kubu kurang faham hujah saya. Saya hanya menyatakan di sini kita berjaya Pakatan Rakyat berjaya menyelesaikan masalah yang *enggak bisa dibereskan* oleh MCA dan Barisan Nasional khusus di Bagan Sekinchan 50 tahun, 50 tahun tetapi kita dalam masa 50 tahun *beres dong*. Hah ini perbezaan bukankah Barisan Nasional tidak beri saya tidak menuduh tidak beri. Ah ini perkara spesifik yang saya nyatakan di sini. Jadi itu jawapan saya kepada rakan saya daripada Kuala Kubu.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Ah saya bagi.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Mungkin saya Yang Berhormat dari Sekinchan kita boleh cadangkan rakan kita Yang Berhormat dari Kuala Kubu Baru masuk Perkasa Cina dicadangkan oleh Donald Lim tempoh hari.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih rakan bijaksana saya daripada Seri Setia atas ingatan. Saya nampak dalam konteks isu Perkasa Cina ataupun Perkasa Melayu bagi kami kita di dalam Pakatan Rakyat kita tolak segala elemen perkauman sama ada daripada Perkasa Cina, Perkasa Melayu, Perkasa India Benggali kita tolak kita mahu Perkasa Rakyat Malaysia. Ah ini dia yang kita hendak, perkasakan rakyat Malaysia tidak kira siapa mereka. Jadi cadangan daripada MCA yang dalam surat khabar baru-baru ini kononnya wujudkan Perkasa Cina ini adalah satu cadangan yang tidak masuk akal dan lapuk dan harus ditolak bulat-bulat oleh rakyat. Tuan Speaker, baru-baru ini satu berita yang kurang baiklah sebentar tadi berita yang baik sekarang ni berita yang kurang baik pula. Penduduk Kampung Baru Sang Eh, Sekinchan di mana Majlis Mesyuarat Kerajaan MMKN telah menolak cadangan pembangunan perumahan sebanyak lebih kurang 60 buah rumah teres dua tingkat di *Side A*, Sekinchan. Menurut kertas ringkasan MMKN cadangan tersebut ditolak atas alasan syor Pejabat Tanah dan Galian PTG iaitu tanah kerajaan seluas lebih kurang 4 ekar adalah di bawah *joining* dan diwartakan kawasan riadah. Saya amat terkejut dengan keputusan tersebut memandangkan perkara ini telah pernah saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lepas di mana ketika itu jawapan yang diberikan oleh EXCO cukup positif. Pada masa yang sama permohonan ini telah pernah dipanjangkan kepada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri MTES yang pada masa satu ketika dulu dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar yang bermesyuarat di Pejabat Daerah Sabak Bernam semasa lawatan kerja ke Daerah Sabak Bernam pada awal tahun pada awal tahun yang lalu. Ingin saya huraikan sedikit kronologi cadangan projek pembangunan dan perumahan di Kampung Baru *Side A* Sekinchan ataupun dan lokasinya memang terpencil, jaraknya lebih kurang 5 kilometer dari Pekan Sekinchan yang bersempadan dengan Hutan Simpan Sungai Karang dan Sungai Tenggi, jumlah Rumah *Side A* Sekinchan hari ini mutakhir hanya lebih kurang 165 buah sahaja dan jumlah bilangan penduduk dianggarkan seramai 800 orang. Terdapat sebuah tokong yang agak besar dan menjadi mercu tanda bagi kawasan Kampung Baru *Side A* dan juga sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ken Sik. Baru-baru ini bilangan pelajar sekolah tersebut mengalami penurunan yang ketara angkara penghijrahan penduduk-penduduk kampung ke tempat lain kerana masalah tiada tempat tinggal yang baru. Kemudahan

infrastruktur di kawasan persekitaran agak tersusun dan berada dalam keadaan baik. Rata-rata mereka ini adalah petani yang mengusahakan bendang, sayur-sayuran dan buah-buahan. Namun begitu yang kurang adalah penempatan ataupun rumah-rumah baru yang untuk diberi kepada penduduk kerana generasi baru yang mendirikan rumah tangga mengadu kepada pejabat saya mereka terpaksa pindah jauh ke kampung daripada kampung halaman mereka disebabkan tiada sebarang projek perumahan yang baru untuk mereka beli rumah. Oleh sebab itu permintaan yang terdesak maka pihak saya bersama pemaju yang juga anak tempatan daripada Kampung Side A telah mengambil inisiatif untuk membuat cadangan tersebut kepada Kerajaan Negeri memandangkan sudah tiada tanah lain yang boleh diusahakan untuk tujuan tersebut. Susulan dari permohonan tersebut Mesyuarat MTES telah menenguhkan kelulusan tersebut buat sementara waktu dan mengarahkan pihak Pejabat Tanah, Pejabat Daerah Sabak Bernam supaya mengadakan satu sesi, sesi pendengaran awam ataupun pungutan suara bersama pengerusi dan seluruh Ahli JKKK Kampung Side A dan seluruh penduduk untuk diberitahu sama ada rakyat di situ setuju atau tidak tentang cadangan pembangunan perumahan tersebut. Akhirnya rata-rata penduduk Side A telah menyatakan sokongan padu terhadap cadangan tersebut, melainkan dua isu rumah sahaja yang mempunyai sedikit masalah teknikal yang perlu diselesaikan secara rundingan. Tuan Speaker saya menyambut baik kerajaan yang bertindak berhati-hati dalam sebarang perancangan pembangunan termasuk mengadakan pungutan suara. Ini membuktikan kepada rakyat bahawa kerajaan Pakatan Rakyat lebih telus dan mementingkan suara serta kehendak rakyat sebelum sesuatu keputusan dibuat. Ini kerana sebelum ini kaedah sedemikian jarang digunakan. Di samping itu pengalaman yang lalu harus dijadikan pengajaran di mana terdapat banyak cadangan projek usaha sama yang akhirnya menjadi projek lada putih dan merugikan pihak kerajaan. Walau bagaimanapun, dalam konteks ini saya rasa terkejut dan bingung kerana setelah berbagai pendekatan dan usaha ke arah menjayakan cadangan pembangunan tersebut dilakukan namun akhirnya MMKN dengan mudah sahaja membuat keputusan menolak cadangan tersebut. Persoalannya apakah halangan dan rintangan *enggak bisa* diselesaikan ataupun pihak kerajaan negeri berasa waswas, Wakil Rakyatnya terlibat dalam menjayakan perancangan tersebut dan mungkin timbul kesangsian bahawa kemungkinan berlaku salah guna kuasa ataupun sebarang unsur yang tidak diingini. Ah ini persoalannya. Yang kedua Tuan Speaker, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa termasuk pihak pembangkang yang sering kali menuduh Kerajaan Pakatan Rakyat tidak begitu mesra dengan pembangunan. Kerajaan Pakatan Rakyat termasuk wujud berbagai birokrasi yang berlebihan dan rakyat hilang kesabaran terhadap kita. Oleh yang demikian saya sekali lagi menyeru Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar sila semak semula keputusan penolakan tersebut kerana susulan daripada arahan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar untuk mengadakan pendengaran awam ataupun pungutan suara ramai penduduk mutakhir ini sering datang ke Pejabat ADUN untuk menanyakan kepada saya projek itu bilakah akan dimulakan kerana mereka sudah dimaklumkan, dimaklumkan dan tidak sabar menanti untuk memberi dan memperbaiki rumah kepunyaan mereka sendiri. Sampai di sini saya tak ingat kembali sebuah lagu yang dipopularkan oleh penyanyi Ramli Sharif dari Kumpulan *Sweet Charity* suatu ketika dulu yang berjudul *Jangan Tak Jadi. Jangan Tak Jadi orang kampung semua sudah tahu.* Jadi saya minta, saya minta perhatian dan jasa baik Yang Amat Berhormat Tan Seri, Datuk Seri supaya segera menyemak dan meluluskan cadangan pembangunan tersebut dengan harapan impian dan cita-cita pada penduduk Kampung Baru Side A untuk memiliki rumah sendiri dapat direalisasikan secepat mungkin.

Tuan Speaker, saya ingin juga membangkitkan satu perkara yang saya rasa cukup penting dan mustahak untuk kepentingan awam. Pada minggu yang lalu akhbar tempatan telah melaporkan Majlis Bandar Raya Shah Alam mengarahkan pengusaha kubur Cina di U 14 yang bernama Fairy Park untuk membekukan semua aktiviti, aktivitiinya sehingga status dan

permohonannya tukar guna selesai. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Tuan Speaker minta maaf saya difahamkan aktiviti kubur ini telah dijalankan banyak tahun yang lalu demi untuk mengelakkan masyarakat awam daripada disalah pandu khususnya hari-hari keluarga mendiang membelanjakan puluhan ribu ringgit untuk mengebumikan jenazah ahli keluarga yang disayangi. Menurut laporan syarikat ini hanya mempunyai kelulusan tanah yang sah seluas 18 hektar sahaja sebagai tapak perkuburan Cina memandangkan lawatan tapak mendapati keluasan kubur jauh berlipat ganda lebih besar daripada apa yang telah diluluskan oleh kerajaan. Tuan Speaker dengan itu saya ingin menyeru kerajaan negeri agar dapat menjelaskan status sebenar 5 lot tanah 5 lot tanah yang sedang giat di tapak perkuburan di U 14, iaitu lot 3868 seluas 8.99 ekar. Lot 3869 seluas 8.8 ekar, lot 3830 seluas 11.8 ekar. Lot 3871 seluas 10.9 ekar, Lot 3872 seluas 8.6 ekar. Lebih daripada itu melalui Dewan yang mulia ini juga ingin saya mohon kerajaan negeri agar menjelaskan status lot seterusnya 3863, 3864, 3865, 3866 dan 3867. Saya di sini bukan bagi nombor cabutan bertuah. Saya bagi nombor lot. Ah ini perlu diteliti. Sama ada lot-lot tanah ini sudah dijadikan tapak perkuburan, walaupun mungkin permasalahan ini mula timbul, mulai timbul sejak waktu pemerintahan Barisan Nasional lagi, akan tetapi kerajaan Pakatan Rakyat sekadar perlu bertindak tegas mencegah keadaan ini bertambah buruk, amatlah penting kerajaan negeri mengambil tindakan tegas melalui siasatan menyeluruh kronologi bagi mengenal pasti siapakah dan bagaimanakah pengusaha ini boleh begitu kebal dan boleh bermaharajalela bebas daripada sebarang kawalan Undang-undang, Tuan Speaker perkara perkuburan ini adalah satu perkara yang penting dan sensitif untuk masyarakat majmuk dan negeri ini sungguhpun ia merupakan satu keperluan asas, akan tetapi kepentingan awam wajib terus dipertahankan agar tidak dikaburi oleh keuntungan syarikat-syarikat tertentu semata-mata. Beranjak daripada U14 Shah Alam, saya juga turut ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini ke atas kes *government* yang melibatkan tapak perkuburan Islam sebentar tadi perkuburan Cina dan ini perkuburan Islam di Seksyen 31 Kota Kemuning Shah Alam. Pembeli aset yang diketuai oleh Bong Boon Chuan bersama 146 yang lain telah mengambil tindakan mahkamah ke atas MBSA dan HICOM, Gamuda Development Sdn. Bhd. sebagai bandar utama Kota Kemuning berkenaan penempatan tapak perkuburan Islam di No. 5 Persiaran Anggerik Elia, 31/122 Kota Kemuning, Shah Alam. Untuk makluman dewan yang mulia ini kes ini telah sampai ke mahkamah rayuan Sivil No. B/04/267/06 antara MBSA dengan Wong Boon Chuan dan 146 yang lain di Mahkamah Tinggi Shah Alam. Semakan kehakiman di nombor MT 3/25/29 dan 2006. Saya timbulkan di sini bukan untuk campur tangan dalam proses perundangan dan perbicaraan di mahkamah, sewajarnya kes ini menjadi iktibar dan pengajaran dan ingatan kepada pihak Kerajaan Negeri dan PBT atas sebab-sebab yang mengakibatkan pertikaian seumpama ini berlaku, siapakah yang melakukan kecuaiian. Isunya siapakah yang melakukan kecuaiian, adakah pemaju mendedah susun atur yang sebenar sebelum mempromosikan jualan rumah binaan mereka ang pasti kecuaiian sedemikian tidak boleh berulang lagi pada masa hadapan. Memandangkan kes ini juga berkaitan dengan masalah perkuburan ang melibatkan kepentingan awam saya ingin mencadangkan di dalam dewan yang mulia ini agar Kerajaan Negeri cuba mengkaji semula kemungkinan ada jalan-jalan yang boleh menyelesaikan kes ini di luar mahkamah dengan semua pihak yang berkepentingan dalam kes ini serentak itu sekiranya didapati pemaju yang tidak cukup *transparent* dan mengakibatkan pembeli rumah merasakan disalah pandu maka sudah pasti pemaju tersebut perlu melaksanakan tanggungjawab sosialnya untuk bantu menyelesaikan pertikaian ini secara aman dan damai. Sampai di sini sahaja perbahasan saya pada kali ini. Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Speaker juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat dasar ini. Tuan Speaker saya berasa terima kasih kerana dapat di dewan yang mulia ini untuk berbincang berbicara dengan rakan-rakan tentang rang Undang-undang peruntukkan tambahan no. 2 untuk tahun ini. Tadi Yang

Berhormat dari Bukit Antarabangsa dan Yang Berhormat dari Paya Jaras telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini, memang saya ada beberapa pendapat dan kurang bersetuju dengan kedua-dua Yang Berhormat ini. Yang pertama sekali, Y.B. Bukit Antarabangsa menyatakan bahawa rang Undang-undang bekalan tambahan yang kedua pada tahun ini adalah sesuatu rang Undang-undang yang mencerminkan kaedah kerajaan yang memboros. Yang Berhormat dari Paya Jaras menyatakan rang Undang-undang perbekalan tambahan ini mencerminkan Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan ekonomi yang mantap sehingga kita perlu mengadakan *supplementary budget* dengan izin ataupun perbelanjaan bekalan tambahan yang kedua ini. Saya ingin memberitahu dewan yang mulia ini bahawa pada tahun 2008 dan 2009, kita juga mengadakan kerajaan cuba membentangkan peruntukan tambahan dua kali berturut-turut dalam sidang yang pertama dan dalam sidang yang kedua. Untuk tahun ini saya tidak pasti mengapa ianya dibesar-besarkan dan bagi saya Tuan Speaker apa yang penting bukan amaun yang terkandung di dalam bekalan tambahan. Apa yang penting bukan kekerapan kerajaan membentangkan perbelanjaan bekalan tambahan ini. Apa yang penting ialah ke mana wang ini dibelanjakan. Saya tidak bersetuju dengan Y.B. Bukit Antarabangsa, kerana kalau kita meneliti nota dan penjelasan tentang perbelanjaan bekalan tambahan ini kita akan mendapati lebih separuh dan sebenarnya lebih kurang 63 peratus daripada perbelanjaan ini dibekalkan dan dibelanjakan ke atas rakyat sendiri, tak lain tak bukan ialah perbelanjaan sebanyak 74 juta ringgit untuk membiayai bayaran bil air percuma serta cetakan kupon. Saya juga berpendapat bahawa mungkin apa yang kita boleh memperbaiki berdasarkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Paya Jaras ialah mungkin kita boleh menggesa atau menyarankan kepada Kerajaan Negeri supaya dalam tahun-tahun yang akan datang dalam sesi-sesi sidang dewan yang akan datang bila ada perbelanjaan bekalan tambahan ini kami meminta supaya butiran-butiran yang lebih ringkas dibekalkan kepada kita dalam kertas mesyuarat seperti ini. Misalnya saya boleh bagi contoh, Yang Berhormat dari Paya Jaras yang menyatakan tadi bahawa sebanyak 7 juta ringgit diperuntukkan untuk menampung keperluan perbelanjaan panduan am negeri berikutan terdapat peningkatan keluarga jumlah bilangan keluarga yang menerima bantuan am, mungkin kita boleh bertanya apakah sebab dan di manakah penambahan ini berlaku di daerah apa dan butiran-butiran seperti ini diperlukan dan saya rasa adalah baik untuk dibentangkan di dalam dewan ini supaya Ahli-ahli dewan boleh mengetahui dengan lebih lanjut ataupun mendalam oleh Kerajaan Negeri. Tuan Speaker, kita sudah sampai ke pertengahan tahun 2010 dan sekarang merupakan masa yang lebih baik untuk kita merenung kembali apa yang telah kita lakukan dalam masa 6 bulan yang lalu dan menilai kembali apakah pencapaian-pencapaian kita sepanjang 6 bulan yang lalu serta mengorak langkah untuk maju ke hadapan. Dalam masa setengah tahun yang lalu, Kerajaan Negeri Selangor seperti biasa menghadapi berbagai bentuk cabaran. Negeri Selangor merupakan negeri yang paling maju dan kaya di Malaysia. Bangun dan jatuh negeri Selangor ini sudah pasti akan memberi impak terhadap pembangunan negara Malaysia secara keseluruhan. Tuan Speaker, sebelum saya berucap panjang tentang isi kandungan ucapan saya, saya ingin membagikan sesuatu perkara tentang iaitu tentang perkasa dalam suasana kita membincangkan isu-isu tentang rakyat ini negara kita pada masa sekarang pula terjerumus dengan kancas politik perkauman di mana seorang pemimpin kanan MCA baru-baru ini menyeru supaya wujudkan perkasa Cina untuk memperjuangkan hak masyarakat Cina dan juga untuk bersaing dengan perkasa yang diketuai oleh Dato' Ibrahim Ali dari Parlimen dari Pasir Mas. Tuan Speaker, saya melihat konsep perkasa Cina ini merupakan satu cadangan yang jauh bertentangan dengan konsep satu Malaysia yang dilaung-laungkan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia. Sememangnya..

**TUAN SPEAKER :** Kalau nak bersiar-siar jangan jauh sangat, dah terpesong sedikit.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya, ya..oleh itu kita kembali ke sini. Semangat yang terkandung dalam perbelanjaan bekalan tambahan ini, sebenarnya membawa semangat satu Malaysia. Bantuan kerajaan bayaran bil percuma dan segala bentuk bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan Negeri diberi kepada setiap kaum tanpa mengira kelas tanpa mengira keturunan, agama, latar belakang politik dan sebagainya. Jadi saya rasa di sini, dan di dalam dewan yang mulia ini, Pakatan Rakyatlah yang sebenarnya menjiwai konsep satu Malaysia bukan Barisan Nasional. Pakatan Rakyat dan DAP khususnya menentang habis-habisan cadangan MCA untuk mengadakan Perkasa Cina kerana ianya langsung tidak relevan. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang hasil-hasil dan pendapatan sumber semula jadi dari Negeri Selangor. Isu mengenai hasil pasir di Selangor kini telah menjadi isu hangat di bawah Pakatan Rakyat apa yang pasti daripada kenyataan hasil pasir Negeri Selangor telah meningkat. Kerajaan Selangor telah mensasarkan bahawa hasil pasir boleh sampai ke 150 juta ringgit setahun. Kerajaan juga menetapkan bahawa sasaran hasil pasir pada tahun lalu sepatunya ialah 127 juta ringgit. Kita mengakui bahawa kita masih gagal mencapai matlamat ini. Walaupun begitu kita harus mengambil iktibar daripada pengajaran ini. Pada tahun yang lalu, kalau saya tak silap hasil pasir yang kita dapat pungut adalah hanya 5.7 juta ringgit setahun dan kita perlulah mengambil pengajaran supaya kerajaan pada masa yang akan datang tidak haruslah membuat apa-apa bentuk unjuran tanpa siasatan yang teliti dan jika pun kita hendak mengadakan apa-apa bentuk unjuran maka kita perlu menerangkan dengan sepenuhnya apakah syarat-syarat yang perlu kita capai barulah kita dapat mencapai matlamat yang kita unjurkan itu. Apa pun sekali Kampung Tunku mengucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana kita masih mencapai hasil pasir yang lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelum ini. Mengikut pendedahan dalam SELCAT pada tahun 2007 dimaklumkan royalti yang dibayar kepada Kerajaan Negeri ialah 2.7 juta ringgit sahaja. Pada tahun 2008 apabila Pakatan Rakyat mengambil alih ianya naik 4.7 juta dan amaun ini terus meningkat pada tahun yang lalu iaitu 5.7 juta. Ini belum lagi termasuk bayaran dividen KSSP kepada Kerajaan Negeri. Jadi di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk meminta Kerajaan Negeri memastikan KSSP membayar dividen kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana kami telah dimaklumkan dalam beberapa kes audit sebelum ini ada GLC yang mencapai keuntungan tetapi tidak bayar dividen. Ini adalah satu kerugian kepada Kerajaan Negeri Selangor. Di samping itu saya juga dimaklumkan tadi bahawa kes kecurian pasir semakin berkurangan. Jadi saya di sini ingin meminta Kerajaan Negeri untuk janganlah kita lupa jasa penguasa penguat kuasa di setiap Pejabat Tanah dan Daerah, ramai di kalangan mereka yang terpaksa membahayakan atau meletakkan keselamatan jiwa mereka, Ahli-ahli keluarga mereka dalam keadaan yang berisiko tinggi. Dan saya berasa syabas dan bersyukur kerana tadi Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada pasukan Penguatkuasa di setiap PTD.

Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang bonus pegawai-pegawai tinggi di KSSP yang dibincangkan dalam SELCAT, saya berpendapat dalam dunia korporat, sebenarnya bonus dari segi bilangan bulan yang paling banyak sepatutnya dibayar kepada kakitangan-kakitangan bawahan untuk mana-mana korporat dan bonus dari segi bilangan bulan yang paling sedikit selalunya dibayar kepada pihak atasan atau pengurusan kerana selalunya kita menghargai usaha-usaha yang telah dicurahkan oleh kakitangan di peringkat bawahan. Oleh itu saya menggesa Kerajaan Selangor setelah mengalami apa setengah mengalami peristiwa KSSP ini untuk mengambil satu langkah proaktif untuk menyemak pembayaran bonus dan elaun pada setiap GLC di Negeri Selangor ini khususnya GLC-GLC yang ditumpukan selepas Pakatan Rakyat yang memerintah Selangor supaya pembayaran bonus dan elaun yang tinggi yang tidak munasabah seperti apa yang dibincangkan dalam pendengaran SELCAT, ini dapat dielakkan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat sila elakkan perkara yang masih dibicarakan di SELCAT kerana mengikut peraturan perkara yang masih dibicarakan oleh jawatankuasa tidak boleh di bawa untuk perbahasan dalam dewan.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya, ya, ok. Jadi saya akan bicarakan isu-isu yang lain. Satu perkara lagi yang pada pendapat saya kalau tidak dibincangkan dalam SELCAT ialah pelaksanaan kontrak oleh KSSP. Saya ingin menarik perhatian tentang sistem pemantauan kontrak KSSP oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik. Pertama sekali saya ingin bertanya tentang apakah cara-cara pemantauan yang sedia ada pada KSSP untuk memantau kontrak-kontrak yang diberikan ini. Saya telah mengetahui bahawa saya ingin memetik satu contoh iaitu KSSP telah memberi kontrak mencuci gali hasil sungai di daerah Petaling, telah dimulakan untuk mempertingkatkan kutipan hasil KSSP. Salah satu kontrak ini adalah kontrak cuci gali pasir di Sg. Kayu Ara, berdekatan dengan Jalan Lebu Bandar Utama, Seksyen 12 Bandar Utama dengan Jalan PJU 1/3A, Kg. Cempaka. Kontraktor yang dipilih telah dalam contoh ini ialah Syarikat Tayar Angsana Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab menjalankan program cuci gali pasir sungai di RT14 Sg. Kayu Ara sepanjang lebih kurang satu kilometer berhampiran Kg. Cempaka. Saya telah menerima aduan daripada orang ramai dan telah meninjau kawasan itu beberapa kali. Aduan yang saya terima ialah kontraktor kelihatan tidak bekerja dan tempat itu dibuka luas seolah-olah tidak ada orang yang mengawal tempat itu dan salah satu tempat masuk ke kawasan ataupun tapak lombong pasir ini adalah sebenarnya ia belum melalui satu tapak semaian dan jalan keluar masuk itu tidak dikunci langsung. Walaupun kontrak ini telah diberi saya tidak nampak kontraktor menjalankan kerja-kerja cuci gali pasir dengan gigih. Saya telah memerhati keadaan di tapak selama beberapa minggu, tiga hingga empat minggu. Jadi, apakah tujuan KSSP memberi kontrak untuk mencuci gali pasir ini. Pertama sekali memang pasti ianya adalah untuk mendalam sungai-sungai supaya banjir tidak berlaku, apabila berlakunya hujan lebat. Keduanya, KSSP melalui praktis ini berharap untuk dapat sumber pendapatan yang lebih banyak daripada program cuci gali pasir ini. Jadi untuk memenuhi kedua-dua tujuan ini kontraktor-kontraktor yang dilantik mesti berusaha dengan gigih. Apa yang berlaku di Sg. Kayu Ara adalah sebaliknya, kontraktor tidak bekerja sedangkan pasir-pasir sungai masih bertimbun di tengah-tengah sungai. Pasir yang telah dilombong pula telah dilonggokkan di tebing sungai. Kawasan lombong pula tidak dikunci sehingga mana-mana individu termasuk saya sendiri boleh keluar masuk kawasan lombong tanpa sebarang sekatan. Oleh itu saya daripada contoh ini saya minta Kerajaan Selangor untuk menjalankan kerja-kerja audit secara rambang untuk memperbetulkan keadaan ini. KSSP bukan sahaja perlu telus dan beramanah dalam pemilihan kontraktor tapi KSSP juga perlu kompeten dari segi pemantauan pelaksanaan kontrak-kontrak yang dipikirkan.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat boleh sambung hari esok?

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya, boleh. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, untuk perbahasan ke atas enakmen perbekalan tambahan No. 2/2010 ini saya lanjutkan perbahasan sehingga pukul 1.00 tengah hari esok. Ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah pukul 4.30 petang, maka dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 13 Julai 2010 bermula 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang )